

*Jilid I  
Bil. 3*



*Hari Khamis  
1hb. Nov. 1979*

**Laporan Persidangan**  
OFFICIAL REPORT

**Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang  
Yang Kelima**

FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

**Penggal Yang Pertama**  
FIRST SESSION

**Mesyuarat Yang Keempat**  
FOURTH MEETING

ISSN. 0304-1697

Pg 47  
*Jilid 1*  
*Bil. 3*

*Hari Khamis*  
*1hb. Nov. 1979*



## **Laporan Persidangan**

OFFICIAL REPORT

### **Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang** **Yang Kelima**

FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

### **Penggal Yang Pertama**

FIRST SESSION

### **Mesyuarat Yang Keempat**

FOURTH MEETING

## **Kandungan**

|                                                         |    |
|---------------------------------------------------------|----|
| <i>Rang Undang-Undang Perbekalan(1980), 1979 (samb)</i> | 2  |
| <i>Usul-Usul</i>                                        | 50 |
| <i>Ucapan-Ucapan Penangguhan</i>                        | 88 |

**Hari Khamis, 1hb. Nobember, 1979**

**HADIR:**

- Yang Berhormat Datuk Speaker (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
- Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang (Encik Haider bin Mohd. Noor, D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N., J.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Datuk Khalid Ahmad bin Sulaiman, D.M.P.N., K.M.N., A.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Encik Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, D.J.N., P.J.K., P.P.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamed @ Ahmad Radhi bin Pachee, D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar, K.M.N., P.P.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, P.K.T., A.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud, P.P.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Heng Tee)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, P.K.T., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik C.Y. Choy)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)

**TIDAK HADIR:**

- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, K.M.N., P.J.K.)

**TURUT HADIR:**

- Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.35 pagi.

DOA.

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum Dewan bersidang semula dengan memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian di dalam Rang Undang-Undang Perbekalan (1980), 1979, saya sukaiah menarik perhatian Dewan ini iaitu saya telahpun cuba untuk memberi peluang kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-Undang di hadapan kita, tetapi saya berharap janganlah pula Ahli-Ahli Yang Berhormat terpesong jauh sangat dari tajuk perbincangan kita. Janganlah pula Ahli-Ahli Yang Berhormat cepat naik marah ataupun cepat meradang sehingga kita terlupa bahawa kita ini adalah berada di dalam Dewan dan tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat adalah tertakluk kepada kuasa-kuasa yang tertentu mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat. Seberapa yang boleh saya tidaklah berhajat untuk menggunakan kuasa-kuasa yang tertentu yang ada pada saya terutamanya mengenai Peraturan 51(5) ataupun 51(1). Diharap Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, tolonglah mengambil perhatian dalam perkara ini. Akan tetapi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kalau saya rasa Peraturan-Peraturan Majlis ini telah dicabul ataupun diejek-ejek, maka saya rasa tidaklah ada jalan lain selain dari saya menggunakan kuasa-kuasa yang saya sebutkan tadi. Oleh itu dalam perbincangan kita pada pagi ini, marilah sekalian kita menunjukkan satu sikap kerjasama di antara semua pihak kerana kita semua adalah wakil-wakil rakyat yang mewakili rakyat yang telah diamanahkan kepada kita. Inilah harapan saya. Walaupun kita berada di dalam Dewan ini masing-masing mempunyai parti-parti politik yang berlainan tetapi tanggungjawab kita adalah sama kerana kita semua adalah mewakili rakyat.

Selain daripada itu, Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, mengenai penggunaan bahasa, saya sukaiah menyatakan lagi iaitu pada mula-mula saya dipilih ataupun dilantik untuk menjadi Speaker Dewan ini, saya telah menyatakan bahawa marilah kita semua Ahli-Ahli Yang Berhormat menggunakan Bahasa Kebangsaan di dalam segenap perbincangan dan perbincangan di dalam Dewan ini. Tetapi, Ahli-Ahli Yang Berhormat janganlah pula menyalah takrifkan manakala memberi kenyataan kepada akhbar-akhbar seolah-olah saya ini tidak pernah memberi kebenaran untuk keterangan atau *explanation* di dalam satu-satu perkataan atau *certain words or a certain sentence*. Boleh dikemukakan kepada saya untuk dipertimbangkan — *a certain paragraph*, misalnya — tetapi untuk mengambil bahagian membincang, bercakap, dan berucap maka ini adalah sangat-sangat sepertimana yang saya terangkan tadi iaitu saya tidak dapat memberi kebenaran untuk berucap, *debate* ataupun berbincang kecuali untuk mendapat *explanation* atau apa-apa penerangan ataupun untuk perkataan-perkataan yang susah bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jadi sekarang Dewan ini kita sambung semula dengan perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan (1980), 1979 disambung untuk perbincangan dan mana-mana Ahli Yang Berhormat ingin mengambil bahagian dijemput.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan di atas Rang Undang-Undang Perbekalan tahun 1980. Hari Isnin lalu Ahli-Ahli Dewan ini telah diberi layanan yang mungkin tidak pernah dihadapi oleh mana-mana Dewan Perundangan Negeri di Negara ini. Ahli Dewan ini terpaksa membincangkan Rang Undang-Undang tahun 1980 sebaik sahaja Ketua Menteri selesai menyampaikan ucapan itu sungguhpun kami telah protest supaya diberi masa untuk mengkaji ucapan



dasar yang meliputi perbelanjaan belanjawan yang kita semua diminta untuk meluluskan. Wakil DAP telah meminta supaya text ucapan Ketua Menteri diberikan kepada semua Ahli-Ahli terlebih dahulu supaya kita dapat mengkaji implikasi-implikasi dasar-dasar yang dinyatakan oleh Ketua Menteri dalam ucapannya itu. Tuan Speaker, saya difahamkan bahawa Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan semua telah diberi text ucapan Ketua Menteri itu sebelum Ketua Menteri memulakan ucapannya dan mereka diberi peluang mengikuti ucapan Ketua Menteri, akan tetapi, adalah sangat shocking dan insulting pada Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini yang menjadi Legislators Negeri ini yang mempunyai kuasa untuk meluluskan peruntukan-peruntukan yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri dinafikan peluang untuk membaca dan memahami apa yang dikatakan oleh Ketua Menteri itu. Saya tidak dapat faham mengapakah Ketua Menteri begitu *reluctant* untuk membenarkan kita semua mengkaji ucapannya itu dan hendak *buldoze* Rang Undang-Undang ini. Apakah Dewan ini digunakan sebagai *rubber-stamp* untuk ..... (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, sekarang kita sudah mendapat peluang yang banyak selama dua hari, bukan? Dua hari sudah dapat peluang mengkaji.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Betul, tapi apa sudah jadi hari Isnin lalu saya mahu cakap. Tapi perkara ini saya tidak cakap lebih panjang lagi, Tuan Speaker.

Apakah Dewan ini digunakan sebagai *rubber-stamp* untuk memberi *legality* kepada semua Rang Undang-Undang Kerajaan termasuk Rang Undang-Undang Perbekalan yang melibatkan berjuta-juta ringgit wang awam? Adalah sangat jelas Ketua Menteri dengan sengaja cuba menafikan kita di sebelah sini peluang yang cukup untuk meneliti polisi-polisi demi kepentingan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, Dewan ini ialah satu *member of the Commonwealth Parliamentary Association* yang tidak di mana-mana di dalam Commonwealth ada terjadi apa yang sudah terjadi di Dewan ini hari Isnin. Di manakah *Budget Speech Finance Minister* atau *Chief Minister's Budget Speech* tidak diberi ahli-ahli satu peluang untuk membaca tapi ahli-ahli diminta *participate* di dalam *debate*. Kami berharap peristiwa ini tidak akan berlaku lagi, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, dalam ucapannya Ketua Menteri telah berkata, saya *quote*:

"the State Government is not only determined to uplift the social economic and civil welfare of our people but it will also sustain the cultural, moral and religious aspects of their way of life"

Ketua Menteri juga telah menyebutkan tentang usahasama rakyat untuk membina satu cara hidup Malaysia. Tuan Speaker, saya ingin sekali *comment* tentang peliharaan cara hidup kebudayaan semua rakyat. Tuan Speaker, Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, berbilang budaya dan berbilang ugama dan jika negara kita mahu terus *survive*, hendaklah diadakan toleransi, penghormatan dan persefahaman budaya dan ugama semua kaum yang tinggal di negara ini. Dalam pada itu, adalah sangat-sangat penting bahawa undang-undang teragung di negara ini — iaitulah Perlembagaan kita yang menjadi asas mana negara ini diteguhkan, — dihormati dan difahamkan baikpun dari segi semangat dan kata-katanya.

Tuan Speaker, bahasa merupakan sebahagian budaya kita dan penggubal-penggubal Perlembagaan kita telah khasnya memberikan kuasa-kuasa kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan-Kerajaan Negeri untuk memelihara dan mengekalkan penggunaan dan pengkajian bahasa kaum-kaum lain yang terdapat di negara ini selain daripada Bahasa Malaysia yang menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita. Per-

kara atau Article 152(1)(b) .....  
(gangguan)

TUAN SPEAKER:

Ahli Yang Berhormat, saya berpendapat tidak payahlah kita memberi ulasan lagi mengenai Perlembagaan 152 dalam Dewan. Saya harap Yang Berhormat boleh teruskan perbincangan kita mengenai Rang Undang-Undang bersabit dengan Rang Undang-Undang dibentangkan dua hari yang lalu.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, Rang Undang-Undang *before this*. Dewan ialah satu Rang Undang-Undang meminda \$32 juta. Kerana apa Kerajaan meminta \$32 juta ini dan saya telah berkata pada mula-mula ucapan saya, Ketua Menteri telah berkata:

“the State Government is not only determined to uplift the social economic and civil welfare of our people but it will also sustain the cultural, moral and religious aspects of their way of life.”

Ketua Menteri sendiri dalam ucapan beliau telah berkata Kerajaan meminta wang ini ialah

“to uplift the social economic and civil welfare of our people but it will also sustain the cultural, moral and religious aspects of their way of life.”

Tuan Speaker, sekarang ucapan saya *referring to that aspect for which* Kerajaan Pulau Pinang meminta lebih \$30 juta.

Perkara 152(1)(b) Perlembagaan Persekutuan berbunyi: “nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any community in the Federation”.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, di dalam Persidangan Yang Pertama ini juga telah diperbangkitkan soalan-soalan mengenai perkara Perlembagaan ini. Jadi kalau kita berulang-ulang tiap-tiap hari kita datang di sini kita berbahas itu juga, saya ingat itu

tidak munasabah. Saya harap kalau boleh, tujukanlah terus kepada kepala-kepala yang bersangkutan dan juga mengenai peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-Undang ini. Saya ingat itu lebih munasabah.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, Rang Undang-Undang *before this* Dewan ialah satu Rang Undang-Undang meminta \$32 juta. Kerana apa Kerajaan meminta \$32 juta ini dan saya telah berkata pada mula-mula ucapan saya, Ketua Menteri telah berkata:

“the State Government is not only determined to uplift the social economic and civil welfare of our people but it will also sustain the cultural, moral and religious aspects of their way of life.”

Ketua Menteri sendiri dalam ucapan beliau telah berkata Kerajaan meminta wang ini ialah

“to uplift the social economic and civil welfare of our people but it will also sustain the cultural, moral and religious aspects of their way of life.”

Tuan Speaker, sekarang ucapan saya *referring to that aspect for which* Kerajaan Pulau Pinang meminta lebih \$30 juta.

Perkara 152(1)(b) Perlembagaan Persekutuan berbunyi: “nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any community in the Federation.”

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, di dalam Persidangan Yang Pertama ini juga telah diperbangkitkan soalan-soalan mengenai perkara Perlembagaan ini. Jadi kalau kita berulang-ulang tiap-tiap hari kita datang di sini kita berbahas itu juga, saya ingat itu tidak munasabah. Saya harap kalau boleh, tujukanlah terus kepada kepala-kepala yang bersangkutan dan juga mengenai peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-Undang ini. Saya ingat itu lebih munasabah.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Datuk Speaker, jikalau Tuan Speaker tengok kepala "Ketua Menteri ....." (ketawa)

KETUA MENTERI:

"Kepala Ketua Menteri?" .....  
(ketawa)

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Jabatan Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha. Minta maaf kalau saya cakap silap, Tuan Speaker. Ada \$6 juta untuk membiayai Jabatan Ketua Menteri, dan apakah Ketua Menteri buat? Apakah Exco members buat? Kerajaan meminta Dewan ini meluluskan wang ini. *Surely* kita semua.

- (i) ada kuasa dan ada hak bertaunya, macamanakah Kerajaan hendak pakai wang ini;
- (ii) Apakah objektif Kerajaan; dan
- (iii) Adakah Kerajaan *carry out objectives* atau apakah *obligation* Kerajaan dan adakah Kerajaan *carry out these obligations*?

Itulah, Tuan Speaker, saya bercakap. Tuan Speaker, memandangkan kepada peruntukan Perlembagaan ini kami hairan dan sedih atas *response* yang *negative*. Y.A.B. Ketua Menteri apabila menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh rakan saya Ahli dari Paya Terubong, samada Kerajaan Negeri akan memberi bantuan kewangan untuk membina sekolah ..... (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat saya tidaklah benarkan lagi bercakap dalam hal ini.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Datuk Speaker, jikalau saya cakap salah ..... (gangguan)

TUAN SPEAKER:

Saya tidak benarkan tapi Yang Berhormat masih hendak cakap juga. Adakah begitu?

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Bukan, Tuan Speaker. Tuan Speaker tidak *follow* apakah saya mahu *express* bukan sama hal bercakap. Ini *response* Kerajaan yang saya cakapkan. Saya bukan cakap sama *question*. Jikalau minta *indulgence* Tuan Speaker, jikalau Tuan Speaker memberi peluang saya bercakap lebih sedikit saya boleh terangkan apa ..... (gangguan)

TUAN SPEAKER:

Soalannya begini sekarang, saya tidak benarkan bercakap untuk mengulas Perlembagaan 152(1)(b).

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, boleh saya bercakap sedikit?

TUAN SPEAKER:

Saya tidak benarkan, saya meminta duduk.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Ini perkara mustahak, Tuan Speaker, bukan saya bantah atau cabar apa yang Tuan Speaker cakap tadi. Saya merayu sedikit kepada Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER:

Sekarang saya minta Yang Berhormat duduk.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTA JAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Let him speak.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Ini tidak adil. Saya ingin bercakap sedikit. Bukan hangat atau lain-lain tetapi sedikit penjelasan.

TUAN SPEAKER:

Fahamkah apa saya bercakap?

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Saya faham. Saya bukan bantah atau cabar Tuan Speaker. Bolehkah saya dapat satu peluang sedikit sahaja, Tuan Speaker?



TUAN SPEAKER:

Kalau tidak bantah, duduk.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Duduk. Macamana ada demokrasi dalam Dewan ini?

TUAN SPEAKER:

Saya minta Yang Berhormat duduk.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Saya boleh duduk, tapi ini demi kepentingan orang ramai. Jika Tuan Speaker tidak mahu beri peluang kepada rakan saya ..... (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Bila Tuan Speaker bercakap, Ahli Yang Berhormat mesti duduk.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Itu betul, Tuan Speaker. Saya faham itu mengikut peraturan.

TUAN SPEAKER:

Boleh bercakap, tetapi bila saya bercakap Yang Berhormat boleh duduk.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Ya, terima kasih, Tuan Speaker.

Di atas perkara yang ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam, jangan marah. Tuan Speaker kami bukan musuh Tuan Speaker atau ahli-ahli lain dalam negeri ini, cuma kawan. Tuan Speaker, kami hadir di sini hendak bertukar-tukar fikiran. Tuan Speaker, dalam ucapannya atas Rang Undang-Undang, Y.A.B. Ketua Menteri ada merujuk kepada muka 10 ucapan yang ada di sini. Dalam ucapan itu, Y.A.B. Ketua Menteri bercakap Kerajaan Negeri bukan sahaja berazam untuk meninggikan lagi kebajikan sosial ekonomi dan sivik rakyat kita, bahkan juga akan melibatkan aspek akhlak, kebudayaan dan ugama dalam hidup mereka.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, sila duduk.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Saya belum habis lagi. Tuan Speaker, beri saya satu peluang.

TUAN SPEAKER:

Ahli dari Ayer Itam, teruskan.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, *interruptions* itu banyak, jika saya bercakap dalam bahasa Inggeris saya boleh terus jalan, dalam Bahasa Malaysia ini susahlah sedikit.

Kerajaan Negeri akan memberi bantuan kewangan untuk membina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Hun Ming di Tanjung Bungah kerana sekolah tersebut akan membantu dan pelihara serta menetapkan kegunaan dan *study* bahasa kaum-kaum lain di negara ini. Ketua Menteri dalam jawapannya kepada satu soalan tambahan yang ditanya oleh kami telah berkata peruntukan dalam constitution ini hendaklah dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk mendapatkan satu *interpretation* samada wang Kerajaan Negeri boleh digunakan dalam membantu pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Hun Ming. Ini memeranjatkan rakyat Pulau Pinang kerana Ketua Menteri kita yang telah memegang teraju Kerajaan untuk selama 10 tahun telah dengan tegas menyatakan bahawa wang Kerajaan Negeri tidak boleh digunakan untuk membantu dalam pembinaan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Sekarang beliau mengaku mungkin juga dan sebab itu mahukan Penasihat Undang-Undang Negeri memberi satu *interpretation*. Kita tidak perlu *interpretation* kerana *provision* perkara 152(1)(b) ini adalah terang — sangat terang — dan kita tidak boleh mendapati di dalam Perlembagaan itu mana-mana *provision* yang menghalang mana-mana Kerajaan Negeri dalam memberi ..... (gangguan).

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Point of order, Datuk Speaker.



AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Apa order?

TUAN SPEAKER:

Manakala seorang ahli bangun untuk menegur, hendaklah duduk dan dengar apa tegurannya itu.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Dari fahaman saya, *Standing Order* tidak sama dengan Tuan Speaker. Seorang ahli boleh *interrupt* saya *on two points*...

(i) *Standing Order*;

(ii) Asking for clarification.

Jika *asking for clarification* saya tidak bagi jalan, ahli itu mesti duduk. Jikalau *on point of order*, mesti kata apa *Standing Order* itu.

TUAN SPEAKER:

Belum sempat lagi ahli Yang Berhormat itu hendak berkata *Standing Order* nombor berapa.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, apa *Standing Order* itu? Jikalau *Standing Order* itu betul, saya duduk.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
(DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, sebelum saya quote *Standing Order* itu, saya minta Yang Berhormat dari kawasan Kampong Kolam tolong jangan biadap. Kita sekarang jadi ahli dalam Dewan ini, jangan jadi kurang ajar. Itu saya minta.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, bolehkah Ahli Yang Berhormat tarik balik perkataan "kurang ajar".

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
(DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Saya tidak panggil Yang Berhormat kurang ajar. Saya minta jangan jadi kurang ajar. Itu perkara lain.

TUAN SPEAKER:

Belum jadi. Jangan jadi sahaja.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, bolehkah Ahli bagi Kawasan Bayan Lepas tarik balik perkataan itu? Belum jadi, sudah jadi, kurang ajar semua serupa, Tuan Speaker. Saya ingat perkataan ini tidak boleh digunakan di dalam Dewan ini. Tuan Speaker pun masa dulu telah pun membuat satu perintah. Bolehkah kami ikut perintah yang kita buat dulu?

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Datuk Speaker, bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Bayan Lepas berikan apa erti "kurang ajar". Dulu dia minta pada saya, sekarang saya minta pada dia. Dia seorang peguam dan seorang ahli Exco, tahukah dia erti "kurang ajar"? Kalau tidak tahu saya boleh beri penjelasan. Kalau tahu jangan cakap perkara itu.

TUAN SPEAKER:

Perkataan "kurang ajar" tidak payah dibangkitkan dalam Dewan ini.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, saya minta ahli yang bertanggungjawab dari kawasan Bayan Lepas menolak balik perkataan itu.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
(DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, untuk mentente-ramkan keadaan di dalam Dewan ini ..... (gangguan)

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Saya minta menolak.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
(DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Nantilah dulu, saya belum jawab lagi.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Datuk Speaker, jangan keriau, tidak boleh keriau dalam Dewan.

Tuan Speaker, adakah satu undang-undang terhadap ahli-ahli di sana dan satu di sini?

TUAN SPEAKER:

Tidak.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker telah buat satu perintah kelmarin perkataan kurang ajar tidak boleh digunakan dalam Dewan. Bolehkah ahli Kawasan Bayan Lepas tarik balik? Tidak boleh ada dua undang-undang dalam Dewan ini.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, jikalau Datuk Speaker minta jangan gunakan perkataan "kurang ajar", saya tarik baliklah, tapi saya minta Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolang janganlah biadap kepada Yang di-Pertua.

Jadi sekarang saya hendak quote apa ..... (gangguan)

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Perkataan itu pun tidak baik, Tuan Speaker.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Biadap, this is a good word.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

I know. You are not the only man who knows a lot here. Tuan Speaker, itu pun satu perkataan tidak baik, tidak boleh digunakan dalam Dewan. Bolehkah kami dapat satu perintah? Jikalau Tuan Speaker cakap boleh gunakan, kami mahu gunakan. Jika-lau tidak, boleh kami mengikut perintah Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER:

Perkataan kurang ajar sudah ditarik balik. Janganlah bangkitkan soalan lagi.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, jikalau boleh pakai perkataan itu di Dewan yang mulia ini, baik, kami mahu pakai. Ini baik, kami ikut perintah.

TUAN SPEAKER:

Jadi sekarang nampaknya itu soal bahasa. Perkataan "kurang ajar" dan "biadap", sudah menjadi perbincangan dan diminta saya putuskan samada boleh menggunakan perkataan "biadap". Jadi saya rasa ini pun satu masalah pula. "Biadap" atau "kurang ajar". Jadi diminta saya putuskan yang mana boleh pakai. "Biadap" tidak serupa dengan "kurang ajar".

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Boleh guna? Tuan Speaker, untuk rekod, jikalau boleh gunakan, baik. Jangan di masa hadapan, Tuan Speaker, bila kami gunakan, Tuan Speaker kata ahli-ahli di sini tidak boleh gunakan. Ahli-ahli di sana boleh gunakan. Untuk rekod, Tuan Speaker, boleh gunakan perkataan itu di dalam Dewan ini?

TUAN SPEAKER:

Kurang adab, ya.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Kurang adab, ya, boleh gunakan? Terima kasih, Tuan Speaker.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, saya bangun atas 47(3). Datuk Speaker telah membuat keputusan jangan kita sentuh atas seksyen 152(1)(b) dalam Perlembagaan, tapi saya nampak Ahli Kawasan Ayer Itam meneruskan dengan perbincangan seksyen 152(1)(b). Saya

minta mengikut arahan Yang di-Pertua.

**TUAN SPEAKER:**

Memang saya sudah tidak benar-benar dan Yang Berhormat akan masuk dalam perkara lain.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):**

Tuan Speaker, *conclusion point* saya. Tidak boleh didapati dalam Dewan Undangan mana-mana *provision* yang menghalang Kerajaan Negeri dari memberi bantuan kewangan untuk membina sekolah-sekolah itu.

**TUAN SPEAKER:**

Itulah, Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Ayer Itam tadipun telah bersetuju hendak bawa tentang perkara lain. Ini banyak perkara tanah-tanah, Pejabat Daerah, Parit dan Taliair dan macam-macam masalah-pun boleh dibangkitkan.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):**

Tuan Speaker, itu banyak masanya bila Committee Stage datang nanti. Satu-satu kita pergi, *head by head*. Sekarang polisi, macam dasar-dasar. Speech mesti ada dasar macam Ahli Kawasan Bayan Lepas *on Tuesday* dia kata kita mesti cakap polisi, bukan *detail*. Sekarang saya mahu cakap polisi. Dalam Committee Stage boleh cakap detail, satu-satu *heading* satu-satu *department* kita boleh pergi. Sekarang polisi pengajian bahasa mana-mana kaum juga, di negara ini. Dengan itu maka kami berseru ..... (gangguan)

**TUAN SPEAKER:**

Ahli Yang Berhormat, soal menyentuh Perlembagaan 152(1)(b) telah dibawa dalam soalan-soalan 2 hari yang lepas dan jawapannya telah diberikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan sekarang saya tidak benarkan sentuh lagi dalam perbahasan ini mengenai perkara tersebut.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):**

Tuan Speaker, masa dan soalan itu ucapan saya sudah cakap lebih panjang dalam hal ini. *Conclusion* tidak ada jadi *hanging in the air* dengan tidak ada *conclusion*. Ada satu minit pun.

**TUAN SPEAKER:**

Jadi habiskan.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):**

Mahu habis dah, tapi Tuan Speaker, semua orang kacau saya, saya tak boleh habis. *Last sentence now.*

**AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):**

Maka kami berseru kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan semula pendiriannya itu serta memberi makna dan *substance* kepada *provision*. Perlembagaan ini dengan memberi bantuan kewangan untuk membina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Hun Ming dan juga untuk membina lain-lain Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan termasuk sekolah-sekolah Tamil. Mengikut surat khabar "The Star" hari ini di Butterworth, Prai sudah banyak budak-budak baca di *open air* di bawah pokok. Inikah Ketua Menteri bercakap social uplift, social economy and civil welfare of the people and to sustain the cultural, moral and religious aspects of the people. Budak-budak kecil kena baca di *open air* hari ini dan lebih kurang \$50,000 is *needed to stop this!* Bolehkah Ketua Menteri pakai wang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menolong budak-budak ini untuk belajar dalam sekolah. Itulah *point* saya.

Tuan Speaker, konsep kecekapan dan Kerajaan berjiwa rakyat. Tujuan Kerajaan Negeri, seperti dinyatakan oleh Ketua Menteri, ialah untuk melaksanakan terus dasar-dasar sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat supaya menjadikan cara hidup rakyat kita lebih gembira dan bermakna. Dasar-dasar yang diamalkan oleh Lembaga Perumahan Negeri di bawah perkara 4 ..... (gangguan)



TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, setahu saya di Pulau Pinang tidak ada Lembaga Perumahan Negeri. Yang ada State sahaja. Jawatankuasa Kemajuan Perumahan Negeri.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Ini bahasa saya tidak bagus.

TUAN SPEAKER:

State Housing Development.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

The State Housing Development Chairman ialah Ahli Kawasan Tanjung Bungah. Berkaitan dengan orang-orang yang membeli flat-flat dari tuan-tuan punya rumah atau penyewa-penyewa asal di kawasan perumahan di Jalan Padang Tembak, Noordin Street Ghaut dan Kampong Melayu jelas menunjukkan bahawa Kerajaan adalah tidak berjiwa rakyat. Orang-orang yang membeli flat-flat berkenaan dari tuan-tuan rumah atau penyewa-penyewa asal flat-flat tersebut dengan wang yang didapati dengan begitu sukar yang mana mereka telah membayar di antara \$4,000.00 hingga \$8,000.00 sekarang dianggap sebagai penyewa-penyewa haram atau *illegal tenant*. Dasar ini sungguh tidak boleh dipertahankan. Housing Committee Negeri menganggap mereka sebagai penyewa-penyewa haram berdasarkan kepada interpretasi yang tidak munasabah dan *cockeyed* di dalam Perjanjian Probationary Tenancy Agreement yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan penyewa-penyewa atau pemilik-pemilik flat-flat 8 atau 9 tahun dahulu.

Di bawah Perjanjian Probationary Tenancy Agreement, adalah jelas dan terang perjanjian tersebut hanya akan berkuatkuasa untuk selama dua tahun sahaja dan tidak lebih lagi. Di bawah perjanjian yang sama itu Kerajaan Negeri memikul obligasi untuk menjual flat-flat tersebut ke-

pada penyewa-penyewa probationary tenancy atau penyewa-penyewa percubaan-percubaan selepas tamatnya tempuh percubaan dua tahun itu, selagi penyewa-penyewa berkenaan telah membayar semua sewa bagi tempuh 2 tahun ini. Bukan semua bayaran tersebut akan dianggap sebagai bayaran kos pembelian flat-flat tersebut. Disebabkan ini Kerajaan Negeri adalah terikat kepada perjanjian ini yang ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan Negeri bagi pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri terikat menjualkan flat-flat tersebut dengan serta-merta kepada orang-orang yang berkenaan, tetapi Kerajaan telah gagal berbuat demikian. Baru setahun lalu Kerajaan Negeri mengutus untuk menandatangani perjanjian-perjanjian untuk menjual flat-flat tersebut sedangkan itu patut dibuat 7 atau 8 tahun dahulu. Menurut peruntukan-peruntukan Clause 38 Perjanjian Probationary Tenancy, penyewa-penyewa asal tidak boleh bagi tempuh percubaan 2 tahun itu menjual atau mencagarkan flat-flat tersebut tetapi selepas tempuh percubaan 2 tahun itu tidak ada apa-apa dalam Perjanjian itu yang dapat menghalang penyewa-penyewa asal dari menjual flat-flat tersebut kepada orang lain atau *charge*. There is no provision against selling or mortgaging it after two years. Disebabkan ini, penyewa-penyewa asal flat-flat tersebut yang berjumlah 900 orang yang mana tempuh percubaan 2 tahun mereka telah habis telahpun menjual flat-flat mereka kepada pembeli-pembeli lain. Pembeli-pembeli flat tersebut yang berjumlah 900 orang sekarang ini dianggap sebagai penduduk-penduduk haram atau *illegal occupants* oleh ahli dari Tanjung Bungah dan mereka telah dinafikan hak mereka untuk menandatangani perjanjian-perjanjian penjualan dengan Kerajaan Negeri. Ahli dari Tanjung Bungah selanjutnya mengumumkan bahawa segala bayaran yang dibuat setakat



ini akan *forfeit* apabila Kerajaan Negeri memutuskan untuk menjualkan flat yang diduduki mereka sekarang. Jika Kerajaan Negeri memutuskan untuk berbuat demikian, betapa *unreasonable*. Ahli dari Tanjung Bungah boleh dilihat dari hakikat bahawa penyewa-penyewa asal yang telah menandatangani perjanjian penjualan dengan Kerajaan semenjak setahun ini adalah menurut ahli itu berhak menjualkan flat-flat tersebut selepas mendapat kebenaran daripada Kerajaan. Jika sekiranya Kerajaan telah menandatangani perjanjian penjualan 7 atau 8 tahun dahulu serta sepertimana patut dibuat, maka seramai 900 orang yang sudahpun menjualkan flat-flat mereka lebih awal sebelum Kerajaan Negeri memutuskan untuk menandatangani perjanjian penjualan akan juga boleh menjual flat-flat mereka dengan kebenaran Kerajaan dan mereka yang telah membeli flat-flat berkenaan dari mereka yang dahulunya akan juga dianggap sebagai pemilik sah atau *legal purchasers* dan tidak akan dilayan sebagai penduduk-penduduk di dalam flat-flat yang diduduki mereka. Dasar-dasar yang anti-rakyat semacam ini hendaklah dikaji semula dan saya minta Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Bungah hendaklah melayan lebih 900 orang pembeli-pembeli ini sebagai pembeli-pembeli sah dan dengan serta-merta menandatangani perjanjian penjualan dengan mereka.

Menurut Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Bungah, sejumlah 2,807 penghuni-penghuni di kawasan perumahan Jalan Padang Tembak dan Noordin Street Ghaut telahpun menandatangani Perjanjian Penjualan dengan Kerajaan Negeri pada 1hb. Oktober, 1979, akan tetapi setakat ini tidak seorang penghuni yang telah menandatangani perjanjian tersebut telah menerima salinan perjanjian yang disetemkan. Ahli dari Tanjung Bungah berkata, perjanjian-perjanjian itu telahpun dihantarkan untuk

disetemkan dan salinan perjanjian yang disetemkan akan diberikan kepada pemilik-pemilik berkenaan. Bolehkah Ahli dari Tanjung Bungah memberitahu Dewan ini, mengapakah beliau mengambil masa yang begitu panjang untuk setemkan perjanjian-perjanjian tersebut dan memberikannya kepada pembeli-pembeli. Inikah apa yang dimaksudkan oleh Ketua Menteri sebagai kecekapan? Rakyat tidak boleh menerima keadaan seperti ini berterusan lagi. Oleh itu, kami berseru kepada Kerajaan Negeri supaya "*overhaul*" semua jentera Lembaga Perumahan Negeri dengan segera.

Tuan Speaker, pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri sentiasa membuat pengumuman-pengumuman bahawa kedudukan kewangan Negeri Pulau Pinang adakah kukuh, akan tetapi gambaran bahawa kedudukan kewangan Negeri Pulau Pinang adalah kukuh adalah sangat misleading dan Ketua Menteri terpaksa mengaku pada akhirnya bahawa kedudukan kewangan Negeri adalah penting. Setiap tahun beratus-ratus belanjawan Negeri adalah untuk gaji dan *emoluments* sahaja yang bertambah dan kita telah sampai ke satu peringkat yang mana 41.95 % perbelanjaan tahunan Kerajaan digunakan untuk membayar gaji *emoluments* pegawai-pegawai kerajaan. Jumlah hasil yang dianggarkan untuk tahun 1980 ialah \$43,029,680.00 tetapi dari jumlah ini Negeri kita terpaksa membayar \$14,049,840.00 sebagai faedah dan bayaran balik pinjaman-pinjaman yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri. *Amount* ini merupakan  $\frac{1}{3}$  daripada jumlah hasil yang Kerajaan Negeri berharap boleh dipungut untuk tahun 1980. Bagi tahun 1979 adalah dianggarkan Kerajaan Negeri terpaksa membayar lebih-kurang \$13,851,300.00 sebagai faedah dan bayaran balik secara ansuran bagi menserviskan pinjaman yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri dahulunya. *Amount* ini juga merupa-

kan  $\frac{1}{3}$  jumlah hasil Negeri untuk tahun 1979. Angka ini bererti, Tuan Speaker, dari setiap ringgit yang Kerajaan Negeri dapati sebagai hasil daripada rakyat Negeri,  $\frac{1}{4}$  digunakan untuk menserviskan pinjaman yang Kerajaan Negeri telah perolehi pada tahun-tahun yang lepas. Sebahagian hasil yang begitu besar yang digunakan untuk menserviskan pinjaman-pinjaman yang didapati oleh Kerajaan Negeri dahulu hanya menunjukkan kedudukan kewangan Negeri kita adalah tidak sihat dan kukuh.

Tuan Speaker, dalam tahun 1979 kekurangan atau defisit adalah lebih kurang \$4,800,000.00 dan untuk tahun 1980 kekurangan atau defisit dianggarkan sebanyak \$4,322,999.00. Defisit untuk tahun 1979 dan 1980 akan berjumlah lebih \$9 juta. Berapa lamakah, Tuan Speaker, kita mampu beroperasi dengan belanjawan-belanjawan yang defisit semacam ini? Jikalau begitu, lagi lama *amount revenue* mahu bayar hendak servis hutang, nanti naik dan bukannya Ketua Menteri sahaja yang susah, tetapi juga generasi akan datang. Kita tahu, Tuan Speaker, Ketua Menteri akan menjawab bahawa Negeri Pulau Pinang telah dan sedang meminjam wang dengan begitu banyak supaya boleh memperuntukkan rumah-rumah kos rendah kepada rakyat Pulau Pinang, akan tetapi oleh kerana Ketua Menteri kita selalu berkata Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai hubungan yang sungguh rapat dengan Kerajaan Pusat, tidakkah beliau boleh mendapatkan lebih banyak lagi peruntukan-peruntukan dan pemberian-pemberian geran daripada Kerajaan Persekutuan kerana dengan membuat demikian sebahagian besar hasil negeri tidak akan digunakan untuk tujuan menserviskan pinjaman-pinjaman yang diperolehi dahulu? Sudahkah Ketua Menteri kita berusaha dengan bersungguh-sungguh dan menggunakan kononnya hubungan-hubungan rapatnya dengan Kuala

Lumpur untuk mendapatkan lebih banyak lagi peruntukan-peruntukan dan pemberian-pemberian untuk Negeri Pulau Pinang? Mengapakah Ketua Menteri gagal mendapatkan wang yang diperlukan *desperately* untuk menguatkan kedudukan kewangan Negeri Pulau Pinang?

Tuan Speaker, sebabnya adalah sangat mudah dan jelas. Kuala Lumpur menganggap Pulau Pinang sebagai anak tiri. Adalah tidak boleh diragu-ragu bahawa Kerajaan Pusat telah, sedang dan akan terus meng-anak-tirikan Negeri Pulau Pinang tanpa mempedulikan siapa atau mana satu parti akan berkuasa. Pulau Pinang telah dianaktirikan semasa pimpinan Barisan Nasional dahulu dipanggil Perikatan ketika Tan Sri Wong Pow Nee menjadi Ketua Menteri dan apabila Parti Gerakan sebagai Parti Pembangkang yang pada masa itu di bawah pimpinan Ketua Menteri. Apabila Gerakan mengambil kuasa dalam bulan Mei, 1969, Kerajaan Pusat terus juga melayan Pulau Pinang sebagai anak tiri dan apabila dalam tahun 1972 Ketua Menteri dan partinya telah *trade* rakyat Pulau Pinang dengan menjualkan dan masuk Barisan Nasional, layanan anak tiri yang diberikan oleh Kuala Lumpur kepada Pulau Pinang terus lanjut dan layanan ini masih lanjut hingga ke hari ini.

TUAN SPEAKER:

Adakah benar?

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Benar, Tuan Speaker, *Free port status* Pulau Pinang sudah hilang, tapi apakah *compensation* Pulau Pinang dapat? Rakyat Pulau Pinang turut membayar *road tax* lebih daripada \$33 juta setiap tahun. Apakah mari balik Pulau Pinang? Mengikut ucapan Ketua Menteri *tax-tax* seperti: *local, tax, income tax, service tax, sales tax and so on* semua Kerajaan Pusat angkat dan Ketua Menteri harap-harap — Federal

Government boleh *recompensate* dengan *allocations and grants to the State Government*. Manakah *close relationship and close co-operation between the State Government and the Federal Government*? Kita mahu bagi contoh, boleh?

TUAN SPEAKER:

Tak jumpa?

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Dalam *estimates* belum *debate* lagi, tetapi boleh angkat 1 atau 2 *examples* boleh tunjuk. Mengikut Rancangan Malaysia Ketiga di tahun 1976 sampai tahun 1980 semua *department* — Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pertanian, Parit dan Taliair, Jabatan Kerja Raya, Haiwan, Hal Ehwal Ugama dan lain-lain — mengikut Third Malaysia Plan for the State of Penang. Pelan-pelan itu mengikut *estimates* Kerajaan sendiri mesti dibuat *to uplift the sosial, economic dan civil welfare of the people*. Belanjawan tahun 1970an hingga 1980 Disember mula-mula ialah \$477 juta lebih dan selepas itu Kerajaan sendiri akan memindahkan. Dalam *period* RMT perbelanjaan sebanyak \$506 juta. Itulah pelan RMT bagi State of Penang, tetapi Tuan Speaker, apakah *efficiency* Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Semua Ahli-Ahli Exco dan pemimpin-pemimpin Kerajaan selalu kata banyak *efficient*. Belanja sampai ke hari ini berapa? \$126 juta, dan tahun 1980 mahu belanja lagi \$59 juta campur apa yang sudah dibelanjakan dari tahun 1976 sampai tahun 1979. Dengan apa Kerajaan mahu belanja di tahun 1980 sendiri boleh *estimate*. Angka-angka Kerajaan Negeri sendiri ialah \$59 juta, dan apabila Third Malaysia Plan *period* habis di tahun 1980, Kerajaan Pulau Pinang *is expected to spend* \$185,847,141.00.

Tuan Speaker, mengikut pelan Kerajaan for 1980 apabila habis tahun 1980 nanti ada balance \$320 juta

tidak dibelanjakan. Tidak boleh dibelanjakan. Saya mahu tahu kerana apa Dua *causes* sahaja. Pertama, Kerajaan Pulau Pinang tidak ada pelan-pelan dan kedua, tidak ada *capacity to implement plans to utilise the money* yang lebih \$320 juta. Tidak ada *capacity* atau tidak ada pelan mahu pakai kerana itulah according to the Third Malaysia Plan Kerajaan Pulau Pinang mahu belanja di dalam Pulau Pinang *for development*, tetapi tidak boleh belanja. Satu tidak ada *capacity, inefficient, no planning*, dan Ketua Menteri bercakap *maintain and improve the efficiency of our public services dan kata ensure that our development programmes are implemented as scheduled*. Apa *schedule* ini? \$320 juta *not even planned to be used*. *If not for lack of efficiency* dan kalau ada *forward planning*, apa fasal tidak gunakan \$320 juta itu? Ada *reason*. Boleh jadi Kerajaan Pusat atau Federal Government tidak bagi wang itu. Mengikut pelan, mesti bagi \$506 million kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang *by the end of the Third Malaysia Plan* supaya boleh belanja \$1.5 million. \$320 juta tidak digunakan. Saya percaya bahawa Kerajaan tidak boleh gunakan wang ini kerana Kuala Lumpur tidak bagi wang itu *in spite of the close relationship between Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pulau Pinang*.

(Kerosakan letrik berlaku selama beberapa minit).

TUAN SPEAKER:

Masih panjang lagikah?

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Panjang lagi.

TUAN SPEAKER:

Saya ingat suara Yang Berhormat pun sudah kuat, kalau tidak ada microphone pun boleh. (ketawa).

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Itulah contoh. Satu, tidak ada wang. Kerajaan Pusat tak ada mem-



beri, jadi tak ada duit. Kalau wang itu ada, Kerajaan Pulau Pinang — ahli-ahli yang duduk di situ dan ahli-ahli Exco — tidak *efficient* dan tidak tahu pakai wang yang ada.

Tuan Speaker, adalah sedikit lagi perkara, saya hendak *touch on* iaitu ketidakcekapan yang ujud hampir di semua peringkat pentadbiran Kerajaan dan contoh yang paling ketara ialah surat-surat yang dihantar ke Jabatan-jabatan Kerajaan tidak diakui penerimaannya. Jika sekiranya perakuan diberipun ini diterima beberapa bulan kemudian dan apa yang lebih dasyat ialah tindakan tidak diambil ke atas kandungan atau contents surat-surat tersebut. Keadaan ini ujud di Pejabat-Pejabat Tanah, Pejabat-Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran, Jabatan Kerja Raya, DID dan lain-lain jabatan.

Satu lagi contoh yang ketara tentang ketidakcekapan Kerajaan ialah berkaitan dengan perkara proses kertas-kertas pencen orang-orang yang telah bersara dari perkhidmatan Keretapi Bukit Bendera. Terdapat banyak kes-kes di mana orang-orang yang telah bersara lebih dari 3 tahun masih belum lagi menerima pencen mereka dan akibat itu mereka terpaksa menderita dari segi kewangan. Ketua Menteri berucap tentang *uplifting of life* of rakyat Negeri Pulau Pinang. Lebih-kurang 10 tahun dahulu Ketua Menteri telah berkata bahawa *quarters* untuk pekerja-pekerja Keretapi Bukit Bendera tidak sesuai untuk diduduki oleh manusia. Tetapi sehingga hari ini tidak ada sebarang usaha dijalankan untuk memberikan *quarters* kepada pekerja-pekerja berkenaan dan juga untuk tinggal ataupun sekurang-kurangnya membaiki *quarters* yang sedia ada. *Quarters* yang sedia ada sekarang hanya mempunyai satu bilik sahaja dan kebanyakan *quarters* itu tidak mempunyai pintu belakang dan keadaan ini telah ujud selama 10 tahun dahulu.

Tuan Speaker, Ketua Menteri juga dalam ucapannya telah bercakap tentang *commitment* Kerajaan terhadap *sustenance of the religious aspects of our way of life* — Article 11 Perlembagaan Persekutuan, iaitu Jaminan Kebebasan Ugama di negara ini — dan binaan pagoda-pagoda, patung-patung, kuil-kuil dan gereja-gereja merupakan satu *expression* kebebasan ugama sepertimana yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan kita. Kerajaan Negeri kita mahu *uplift and sustain* aspek-aspek cara hidup beragama kita dan di mana-mana perlu hendaklah ditentukan serta diberi apa-apa bantuan yang perlu untuk menentukan bahawa pembinaan-pembinaan tempat ibadat seumpama ini dibenarkan perjalanannya tanpa diganggu oleh tekanan-tekanan yang digunakan oleh kumpulan-kumpulan yang *fanatical* dan tidak ada toleransi. Kerajaan harus dan mesti sedar akan rasa tidak senang hati sebilangan besar rakyat bukan sahaja di dalam Negeri Pulau Pinang tetapi juga di seluruh negara tentang soal pembinaan patung Kuen Yin yang akan terus berjalan seperti dirancang dan diluluskan. *Worshippers* patung Kuen Yin tidak ada niat. Tuan Speaker, untuk mencaci lain-lain ugama, dan ini telahpun disahkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di dalam Dewan Rakyat pada 22hb. Oktober, 1979. Oleh kerana ini, Ketua Menteri sebagai Ketua *executive* mempunyai obligasi moral dan *constitutional* untuk menghilangkan semua tekanan-tekanan baikpun tekanan-tekanan itu dibuat secara terbuka atau senyap dan beliau hendaklah memastikan projek tersebut terus dijalankan seperti pelan yang diluluskan dahulu. Adalah jelas yang Ketua Menteri telah gagal dalam obligasinya untuk memupuk atau *inculcate* kesedaran toleransi ugama di kalangan orang-orang dalam negeri ini yang meminta projek ini dan bahawa binaan patung



tersebut tidak akan mencabul Ugama Islam.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, saya ingat dalam soal ini sudah mencukupi. Jangan panjangkan sangat dalam perkara Goddess of Mercy.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Pendek sahaja.

TUAN SPEAKER:

Saya ingat sudah cukup.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Kegagalan Ketua Menteri adalah terang sepertimana ditunjukkan di dalam Dewan yang mulia ini hari Isnin ini apabila Tuan Speaker sendiri telah mengucapkan bahawa persatuan ulamak Pulau Pinang telah membantah projek pembinaan patung ini. Biarlah saya cakap di sana bahawa Parti DAP akan membantah sebarang usaha dan cubaan dari mana-mana pihak pun samada dengan cara terang atau senyap-senyap yang bertujuan untuk menghapuskan hak rakyat Malaysia untuk *exercise* atau melaksanakan hak-hak perlembagaan mereka. Cukup.

TUAN SPEAKER:

Cukup.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Ya. Cukup.

Tuan Speaker, ada lagi satu *point* i tu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pemimpin-pemimpin Kerajaan selalu menimbulkan *issue tourism* dengan menyatakan Kerajaan Pulau Pinang ada *develop tourism* dan Kerajaan Pulau Pinang selalu menaikkan angka-angka pelancung-pelancung yang datang ke Pulau Pinang dari luar negeri. Tuan Speaker, dalam tahun 1970, lebih daripada 50 % pelancung-pelancung yang datang ke Malaysia datang ke Pulau Pinang. Dalam tahun 1972 agak 23 %

Malaysia datang ke Pulau Pinang. Dari 50 % lebih jadi 23 %, dan tahun 1978, Tuan Speaker, pelancung-pelancung yang datang ke Pulau Pinang ialah 160,000 lebih, tetapi pelancung-pelancung yang datang ke Malaysia ialah 1,650,000 lebih. Ertinya ialah di tahun 1980 percentage pelancung-pelancung ke Malaysia yang datang ke Pulau Pinang compared dengan Malaysia ialah kurang daripada 10 %. Bolehkah Kerajaan Pulau Pinang memberitahu fasal apa terjadi begitu?

Tuan Speaker, sungguhpun Ahli dari Kawasan Bayan Lepas ada di dalam Dewan ini, minta saya sebagai Ahli Dewan Rakyat supaya bangkitkan perkara ini di Dewan Rakyat dan meminta Kerajaan Pusat tolonglah Pulau Pinang. Bagilah Pulau Pinang peluang *aeroplanes international* di dalam negeri *direct flight to Penang*. Terus datang ke Pulau Pinang.

TUAN SPEAKER:

Habis, Yang Berhormat tidak tolong bilangkan?

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, saya belum habis. Saya, Tuan Speaker, tentu mahu tolong Pulau Pinang, tetapi apa yang saya hairan ialah Ahli Kawasan Bayan Lepas selalu berkata bahawa Ketua Menteri kata State Government Kerajaan Pulau Pinang adalah *close relationship and very good co-operation* dengan Kerajaan Pusat, tetapi tidak boleh *persuade* Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur memberi lebih *direct flights to Penang*. Namaknya Ahli Kawasan Bayan Lepas *deduced* di dalam Dewan ini *to appeal to Opposition to put pressure on Kuala Lumpur*.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
(DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, saya tidak pernah *appeal* kepada *Opposition*.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat kata tidak pernah.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Boleh kita tengok *Hansard Report*, May 2nd tahun 1976, *the proceedings of this House*. Kalau mahu, boleh, di dalam Dewan ini. Apakah *point* saya mahu *raise* di sini? Berapa juta ringgit sudah dibelanjakan supaya *airport* kita menjadi satu *international airport* yang besar dan cantik. Kerajaan Pusat tidak mahu memberi *airlines* lain datang *direct to Penang*. Kerajaan Pusat tidak membenarkan *airlines* membuat *direct flights to Penang*. Ini menunjukkan, Tuan Speaker, jikalau Kerajaan Pusat bagi *permission* lain *airlines* datang ke Pulau Pinang Airport, bukan kerana Kerajaan Pusat suka *or love the people of Penang* atau Kerajaan Pulau Pinang atau Ketua Menteri Pulau Pinang tetapi *because* Kerajaan Pusat sendiri mempunyai *reasons bargain* dengan lain-lain negeri supaya MAS boleh land di *airport* mereka baru bagi lain *airlines* datang ke Pulau Pinang, dan bukan kerana suka Kerajaan Pulau Pinang.

Itulah saya kata dari tadi Kerajaan Pusat *treats* rakyat Pulau Pinang dan Negeri Pulau Pinang macam satu *step-child*. Jikalau Kerajaan Negeri tolong Pulau Pinang *it will be because* di dalam *calculation* Kerajaan Pusat nanti be *beneficial to the interest of Kuala Lumpur*, bukan *for the interest of Penang*.

TUAN SPEAKER:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 15 minit.

Dewan bersidang semula pada jam 11.04 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.04 pagi.

TUAN SPEAKER:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbualan di depan kami.

Tuan Speaker, dahulu daripada ini saya ingin memberi pandangan-pandangan atas ucapan Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang. Saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi jaminan kepada Dewan ini dan juga Negara dan rakyat. Kami dalam DAP, Tuan Speaker, tau dalam Negara ini Bahasa Kebangsaan juga menjadi Bahasa Malaysia. Itu kami terima. Itu ada dalam Perlembagaan, Tuan Speaker, tetapi jikalau perlu — dan Tuan Speaker pun ada tengok kejadian kelmarin dulu — kami merayu supaya diberi peluang untuk kami memberi ucapan kami di mana susah dalam Bahasa Inggeris.

Tuan Speaker ada cakap jikalau menghadapi kesusahan boleh gunakan Bahasa Inggeris, tetapi Tuan Speaker, dua-tiga perkataan di sini atau di sana itu saya ingat tidak cukup. Kadang-kadang, Tuan Speaker, boleh jadi kami tidak berapalancar dalam Bahasa Malaysia dan satu-dua *sentence* di sini dan di sana tidak cukup. Tuan Speaker, berilah peluang kepada kami untuk berucap dalam Bahasa Inggeris lebih sedikit dan bukan dalam dua-tiga perkataan sahaja tetapi sedikit lebih. Tuan Speaker, kesusahan atau kemusykilan menggunakan Bahasa Malaysia bagi ahli-ahli DAP di sini menjadi satu masalah yang kami juga tau dan kami cuba mengatasi masalah ini. Boleh jadi dalam masa hadapan kami dalam DAP di sini boleh berucap dalam Bahasa Malaysia dengan lancar.

Apa yang sudah jadi, Tuan Speaker, satu kesalahan pada orang putih. Bila orang putih British memerintah di negara ini, Tuan Speaker, *a divine rule of policy or a world development policy* ada digunakan oleh orang

putih. Ini yang menjadi masalaah yang sekarang kami hadapi. Jikalau dalam sekolah-sekolah Tuan Speaker, terdahulu dari kemerdekaan ada satu *subject* yang perlu di dalam sekolah, apa yang terjadi hari ini tidak boleh timbul. Itulah, Tuan Speaker, yang menjadi latar belakang kesusahan yang kami dalam DAP menghadapi.

Tuan Speaker, saya minta maaf jikalau rakan saya dari Pekan Bukit Mertajam hari itu ada bercakap ..... (gangguan)

**TUAN SPEAKER:**

Ahli Yang Berhormat, minta teruskan. Sudah cukup.

**AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):**

Tuan Speaker, baiklah, barangkali Tuan Speaker silap faham apa yang terjadi pada hari itu. Bukan kami cabar.

**TUAN SPEAKER:**

Ahli Yang Berhormat, duduk. Saya sudah faham. Sekarang bawakan perbahasan dalam perkara ini.

**AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):**

Tuan Speaker, bukan saya hendak membuang masa di sini, tapi apa yang terjadi pada hari itu kami hendak memberi sedikit penjelasan, Tuan Speaker. Saya minta maaf ..... (gangguan)

**AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):**

Tuan Speaker, tak payah.

**AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):**

Jikalau tidak payah, tidak apa, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ini satu peluang saya ingat dalam fikiran saya, saya mahu bagi penjelasan. Jikalau semua Ahli-Ahli berpuashati, baiklah.

Tuan Speaker, baiklah dalam Dewan ini ada ucapan yang diberi oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari itu. Kami sudah baca ucapan itu

dengan teliti dalam dua-tiga hari yang kami dapat.

Tuan Speaker, ini menjadi satu belanjawan kekurangan yang ada di depan kami. Tuan Speaker, ada dikatakan biasanya belanjawan adalah defisit. Malangnya, Tuan Speaker, Malaysia tidak dapat diperbezakan dengan Brunei di mana cukai pendapatan tidak dikenakan kerana Negeri Brunei sudah cukup kaya dan tidak memberatkan rakyatnya dengan cukai pendapatan. Tuan Speaker, harapan saya suatu hari nanti rakyat Malaysia juga tidak akan dikenakan cukai pendapatan kerana dengan inflasi kami dapat membayangkan kesusahan yang dihadapi oleh orang miskin kerana mengatasi inflasi dan kerana dikenakan cukai pendapatan.

Tapi saya hairan, Tuan Speaker, kami ada belanjawan kekurangan atau defisit; tetapi Kerajaan ada menghantar rombongan Majlis Perbandaran Seberang Perai pergi ke England dan Germany baru-baru ini. Tuan Speaker, jikalau kami ada kesusahan belanjawan defisit, rombongan-rombongan seperti mana baru-baru ini ada pergi London dan Germany tidak payah. Jikalau kami kaya dan jika kami ada duit lebih barangkali boleh, itu pun jikalau perlu juga. Dalam masaalah ini, Tuan Speaker, rombongan ini rombongan Majlis Perbandaran Seberang Perai pergi ke London dan Germany untuk mengkaji sistem parit dan taliair di negara itu. Adakah perlu, Tuan Speaker, pergi ke England dan Germany untuk mengkaji satu sistem? Tidak bolehkah mengkaji sistem itu di Singapura, atau Thailand atau Hongkong atau tempat lain yang dekat, Tuan Speaker? Dalam fikiran saya ini menjadi satu jalan yang kami fikir membazirkan duit. Tuan Speaker, peruntukan kewangan \$5,000.00 sebagaimana yang diumumkan oleh Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh, adalah dihargai, tetapi memang tidak cukup untuk



orang-orang yang berpendapatan rendah. Bagaimanapun Tuan Speaker, tugas itu bukan tugas Dewan ini.

Tuan Speaker, sekarang ada satu masalaah yang ada timbul di Pulau Pinang baru-baru ini bersangkutan dengan pembinaan Patung Kuen Yin. Barangkali Tuan Speaker boleh cakap ini tidak boleh dibahaskan oleh kerana saya sudah memberi hujah-hujah saya dalam usul tergepar. Tetapi, Tuan Speaker, ini saya mahu satu peluang untuk memberi hujah-hujah menghalusi atas perkara ini. Tuan Speaker saya merujuk kepada muka 10 ..... (gangguan)

**TUAN SPEAKER:**

Yang Berhormat, ulasan-ulasan yang diberi oleh Yang Berhormat pada masa mengemukakan usul sudah pun cukup, saya tidak benar-benarkan perkara itu diperbincangkan lagi.

**AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):**

Tuan Speaker, apa yang saya cakapkan itu bawa satu usul tergepar oleh kerana ..... (gangguan)

**TUAN SPEAKER:**

Saya sudah berkata, saya tidak benarkan lagi.

**AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):**

Tuan Speaker, oleh kerana apa?

**TUAN SPEAKER:**

Tidak perlu bertanya oleh kerana apa?

**AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):**

Tuan Speaker, tentu ada sebab. Tuan Speaker, ini menjadi satu perbahasan atas dasar.

**TUAN SPEAKER:**

Ahli Yang Berhormat, atas Peraturan 48:

"Apabila Speaker bercakap, sesiapa jua Ahli yang sedang bercakap itu hendaklah duduk dengan sertamerta".

Saya suka tegaskan lagi sekali, soalan itu tidak payah dan tidak dibenarkan untuk diperbincangkan lagi. Bawa usul lain.

**AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):**

Tuan Speaker, oleh kerana tidak ada apa-apa sebab atau oleh kerana ada sebab-sebab? Ini perkara demi kepentingan orang-orang [*public interest*] dan saya fikir perkara ini sudah tentu satu perkara yang boleh dibahaskan.

**TUAN SPEAKER:**

Walaupun Yang Berhormat ingin, saya tidak benarkan. Bawa soalan lain.

**AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):**

Jikalau tidak benarkan, mesti ada sebab. Jika tidak ada sebab, barangkali susah hendak saya terima keputusan Tuan Speaker. Saya bukan cabar, tapi saya mahu sebab. Ini bukan menjadi satu yang *entrenched issue* dalam Perlembagaan kami. Jika telah menjadi *entrenched issue* yang tidak boleh ditimbulkan, itu boleh jadi sesiapa pun tidak boleh menyentuh perkara itu. Tapi saya hairan, Tuan Speaker tidak mahu memberi apa-apa sebab, terus cakap juga tidak boleh membahaskan dengan tidak ada sebab. Itulah sebab susah hendak diterima.

**TUAN SPEAKER:**

Sebab Dewan ini telah memutuskan pada hari mula-mula dulu.

**AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):**

Tuan Speaker, hari itu apa yang ada dalam Dewan ini ialah satu usul tergepar yang ditolak oleh Tuan Speaker. Oleh kerana itu tidak ada peluang membahaskan perkara itu dengan mendalam. Lagi pun ahli-ahli lain pun ..... (gangguan)

**TUAN SPEAKER:**

Nampaknya Yang Berhormat berde-

gil-degil dengan keputusan yang saya berikan.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Bukan degil-degil, Tuan Speaker, bukan degil. Saya pun peguam. Saya ada hadir di dalam Mahkamah, dan kami pun tahu apa keputusan yang diberi oleh Tuan Hakim. Tuan Speaker pun menjadi satu orang Hakim dalam Dewan ini. Jikalau ada sebab, Tuan Speaker, dan sebab itu boleh diterima oleh pihak kami di sini, kami terima; tetapi langsung tidak ada apa-apa sebab, itu susah. Saya boleh terima di sini, tapi pengundi-pengundi saya dan rakyat dalam negeri bolehkah terima?

AHLI KAWASAN BERTAM (ENCIK ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS):

Tuan Speaker, dalam perkara 47(4) yang berbunyi:

“Sebarang masaalah yang berbangkit tentang adakah seseorang Ahli itu menyalahi peraturan atau tidak, hendaklah diputuskan oleh Speaker. Fatwa-fatwa yang diberi oleh Speaker mengenai semua masaalah-masaalah peraturan dan tertib adalah muktamad”.

TUAN SPEAKER:

Jadi, Yang Berhormat, saya sudah membuat keputusan. Nampaknya Yang Berhormat masih berdegil-degil tidak mahu mematuhi keputusan itu.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Saya bukan degil, Tuan Speaker, tapi ini ada berkaitan dengan satu perkara yang tidak boleh dibahas dan tidak boleh dicakapkan di dalam Dewan. Tuan Speaker, saya tau apa keputusan Tuan Speaker adalah final, *cannot be questioned and I agree*, tetapi ..... (gangguan)

TUAN SPEAKER:

Habis sudah *agree*, apa lagi?

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tetapi, Tuan Speaker, tentu ada sebab. Jikalau Tuan Speaker mahu membuat keputusan atau mahu membuat perintah dalam Dewan ini tidak mahu bagi sebab-sebab, mana ada demokrasi dalam Dewan ini? Mana ada demokrasi? Jikalau ada sebab-sebab, atau jikalau ada dalam Perlembagaan Peraturan-Peraturan Mesyuarat, itu saya terima, tetapi jikalau Tuan Speaker kata tidak boleh bercakap, itu saya tidak boleh terima. Saya tidak degil.

TUAN SPEAKER:

Kalau Yang Berhormat tidak berdegil, manakala saya bercakap, Ahli Yang Berhormat hendaklah duduk dengan serta-merta. Itu yang dikatakan tidak degil. Kalau saya sudah mengambil keputusan, Ahli Yang Berhormat hendaklah menurut keputusan itu. Jadi sekarang maknanya degil. Jaga sikit.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, tidak payahlah bagi amaran. Tuan Speaker, untuk rekod, Tuan Speaker tidak mahu memberi sebab-sebab yang kita tidak boleh bercakap atas perkara itu, betul? Ini tidak melanggar apa-apa undang-undang dan tidak melanggar apa-apa Peraturan-Peraturan Mesyuarat. Jikalau itu betul, bolehkah untuk rekod, saya dapat keputusan daripada Tuan Speaker, tidak ada sebab-sebab tetapi tidak boleh bincang atas perkara ini. Jikalau begitu saya boleh terima.

TUAN SPEAKER:

Tidak boleh, dengan sebab-sebab tertentu.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Sebab-sebab tertentu apa, Tuan Speaker?

TUAN SPEAKER:

Sebab-sebab tertentu adalah *understood*.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

*My God, Tuan Speaker, just like that? "Sebab-sebab tertentu", and dismiss it? Dengan izin. Dalam Dewan ini kami tidak boleh bincang, tidak boleh bercakap, tidak boleh bertukar-tukar fikiran. Ini sudahlah, Tuan Speaker. Tuan Speaker kata oleh kerana sebab atau perkara-perkara yang tertentu. Baiklah, jikalau begitu, beritahu rakyat negeri dan negara ini apa yang jadi dalam Dewan ini. Saya tidak mahu cabar-cabar sebab itu satu jalan yang kami tidak mahu ikut. Jikalau ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ingat kami mahu *walk out*, itu tidak ada.*

TUAN SPEAKER:

Ahli Yang Berhormat, saya sudah mengambil keputusan dan memberi tahu Dewan ini dan Ahli Yang Berhormat sekalian mengenai perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, dan saya telah mengambil keputusan soal ini saya tidak menarkan dibahas dalam Dewan ini.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Belum cukup.

TUAN SPEAKER:

Kalau belum cukup, saya boleh cakap lagi.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Baik, saya terima keputusan itu, tetapi saya membantah oleh kerana tidak ada apa-apa sebab.

TUAN SPEAKER:

Kalau sudah terima, habis?

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Ini semacam satu hakim dalam Court yang bagi keputusan dengan tidak ada apa-apa sebab. *No reasons given. A dictatorial type of attitude.* Itu sikap diktator.

TUAN SPEAKER:

Kalau sudah Yang Berhormat menganggap ini sebagai satu perkara yang *dictatorial*, saya boleh buat keputusan di sini. Yang Berhormat sudah berdegil-degil dengan keputusan saya. Dengan ini saya terpaksa menggunakan kuasa dalam perkara 51(5) iaitu:

"Speaker boleh memerintahkan Ahli-Ahli yang kelakuannya sangat-sangat tak senonoh supaya keluar dengan serta-merta daripada Bilik Persidangan Dewan sehingga selesai persidangan pada hari itu dijalankan".

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker mahu *apply* peraturan itu?

TUAN SPEAKER:

Saya memerintahkan dengan menggunakan peraturan ini.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tidak bagi peluang? Tidak boleh sambung? Tidak boleh tanya apa sebab?

TUAN SPEAKER:

Tidak.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Apa pun tidak? Tidak ada demokrasi?

TUAN SPEAKER:

Tidak. Saya sudah memerintahkan sekarang. Ahli yang berkenaan hendaklah meninggalkan Persidangan ini dengan serta-merta sehingga selesai Persidangan pada hari itu dijalankan, bermakna pada hari ini.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Jikalau keputusan Tuan Speaker begitu, saya ikut; tapi pandangan saya, Tuan Speaker, ..... (gangguan)

TUAN SPEAKER:

Itu sudah menjadi soal Yang Berhormat.



AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

He is not alone.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, kami semua hendak keluar dari Dewan. Kami tidak terima keputusan itu oleh kerana tidak adil, lagi pun tidak bagi sebab. Kami terpaksa.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Kami mahu demokrasi.

TUAN SPEAKER:

Bukan begitu, Yang Berhormat. Bersabarlah dan jangan mengikut nafsu, jangan mengikut perasaan.

(Semua Ahli-Ahli Parti DAP keluar dari Dewan Persidangan).

TUAN SPEAKER:

Adakah Ahli-Ahli yang lain di dalam Dewan ini yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini?

AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP (ENCIK TEOH KOOI SNEAH):

Tuan Speaker, sebelum saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang ini, nampak saya Dewan ini jadi satu forum publisiti oleh Parti DAP. Kita semua tahu dan kita semua nampak apa DAP tunjuk di sini untuk mencari publisiti saja. Hal-hal berkenaan dengan kuatkuasa Kerajaan Negeri tidak berbangkit, tetapi adalah hal-hal yang bersangkutan dengan Kerajaan Pusat.

DAP telah banyak kali membangkitkan masaalah seperti binaan sekolah kampung pada masa pilihanraya kecil di Kampong Kolam, dan telah membangkitkan juga masaalah Kerajaan Pusat seperti Universiti Merdeka. Juga, Setiausaha Agungnya, Yang Berhormat Encik Lim Kit Siang telah mengusulkan kepada

Parlimen, tetapi sebelum Parlimen bersidang dua hari dia sudah tolak balik. Inikah DAP yang rakyat di Pulau Pinang mahu? Rakyat di Pulau Pinang semua faham DAP lah yang memainkan politik perkauman.

Saya ingin melanjutkan dan mengambil bahagian dalam perbahasan atas Enakmen Perbekalan (1980) tahun 1979. Suka saya mengucapkan tahniah atas usaha Kerajaan untuk mengemukakan satu painless budget, atau tidak menambahkan bebanan ke atas penduduk-penduduk dalam Negeri Pulau Pinang. Ini adalah tepat pada waktunya, dan adalah juga menurut dengan usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi inflasi, dan juga untuk menghasilkan perkembangan ekonomi bagi Negeri Pulau Pinang, dan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat di Negeri Pulau Pinang. Seperti yang sedia diperhatikan, jumlah anggaran pendapatan untuk tahun 1980 ialah lebih kurang \$43 juta dan jumlah anggaran perbelanjaan ialah \$47 juta, yang mana kekurangan ialah lebih kurang \$4.3 juta.

Memandangkan kepada Kerajaan membentangkan satu belanjawan kekurangan wang bagi tahun 1980, yang mana anggaran pendapatan bagi Negeri Pulau Pinang adalah terhad kerana kita tiada ada perusahaan utama seperti bijih timah, minyak, balak dan sebagainya, saya menyokong penuh kenyataan yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri kita dalam persidangan yang lalu di Dewan ini bahawa Kerajaan Pusat hendaklah menimbangkan semula atas peruntukan Pemberian Kiraan Kepala (Capital Grant). Petekan kenyataan Yang Amat Berhormat:

“Adakah penting bagi saya menyatakan sekali lagi apa yang telah saya nyatakan pada tahun lepas, yakni kini tiba masanya bagi Kerajaan Negeri membangkitkan kepada Kerajaan Pusat peri mustahaknya bagi membuat kajian semula yang seluas-luasnya tentang

peruntukan-peruntukan dan bantuan-bantuan kewangan di sisi Perlembagaan kepada Kerajaan Negeri. Ulangkaji Bantuan Per Capita pada tahun 1976 dan bantuan jalan, pada tahun 1974 telah mendatangkan tambahan-tambahan yang kecil kepada hasil Negeri ini. Di dalam kes sebuah negeri seperti Pulau Pinang di mana tidak terdapat sumber-sumber semulajadi seperti kayu-kayan, galian dan minyak, kita terpaksa meminta lebih banyak wang daripada Kerajaan Pusat melalui punca-punca peruntukan dan bantuan wang yang disediakan di sisi Perlembagaan, malahan kita mesti juga merintisi lapangan-lapangan penajaan hasil yang baru”.

Oleh kerana kebanyakan peruntukan telah diambil bagi perkhidmatan seperti membayar gaji kepada pentadbiran Negeri Pulau Pinang, saya mendesak Kerajaan supaya mengawal lebih ketat terhadap perbelanjaan awam. Bagi kakitangan Kerajaan, mereka hendaklah mengetahui mereka dibayar untuk berkhidmat untuk rakyat dan keinginan rakyat, mereka patut berkhidmat dengan lebih kerapian, dan berbudi-bahasa.

Tuan Speaker, suka saya merujuk kepada bahagian Tanah dan Galian, di mana telah diperuntukkan sebanyak \$1.081 juta bagi perkhidmatan jabatan ini, dan walaupun Y.A.B. Ketua Menteri telah ditegaskan di Dewan ini pada tahun yang lalu bahawa dari segi kecekapan pentadbiran Negeri, sangatlah perlu untuk kita menaikkan gred beberapa jawatan yang tertentu di kalangan pegawai-pegawai agar kita boleh mengekalkan perkhidmatan yang berterusan oleh pegawai-pegawai itu di dalam Negeri ini, serta demi menentukan bahawa pegawai-pegawai itu boleh bekerja dengan lebih cakap dalam bidang-bidang di mana mereka ditugaskan. Ini, saya berpendapat, bahawa di Pejabat Tanah masih lagi terdapat permohonan-permohonan

untuk pemberian hakmilik tanah yang dibuat semenjak tahun 1971 hingga sekarang hanya diminta membayar premiumnya, pada tahun ini, dan bayaran ini telah berlipat ganda jika dibandingkan dengan permohonan yang diluluskan dalam tahun 1971 hingga 1978. Kelewatan meluluskan permohonan ini bukanlah kesalahan pemohon tetapi kelambatan ini disebabkan oleh pegawai yang berkenaan, dan saya fikir bahawa premium itu patutlah berdasarkan kepada tarikh permohonan dibuat.

Satu lagi faktor yang penting ialah permohonan-permohonan yang lewat ini adalah kebanyakannya daripada peladang-peladang yang miskin. Orang yang mampu telah memiliki hakmiliknya lebih awal dan orang yang miskin ditinggalkan, yang mana mereka dikehendaki membayar penilaian pasar \$2.00 satu kaki persegi jika dibanding dengan penilaian yang lalu iaitu 40 sen satu kaki persegi. Untuk satu lot perumahan di perkampungan itu, premium sekarang ialah \$10,000.00. Dahulu satu lot \$1,600.00 sahaja. Saya ingin mendesak Kerajaan supaya menimbangkan semula penilaian pasaran ini kerana membolehkan peladang-peladang yang miskin memiliki tanah untuk perlindungan. Kerajaan meminta penduduk-penduduk mencegah inflasi, tetapi nampaknya mendorong inflasi dalam kes ini.

Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada ucapan Y.A.B. Ketua Menteri dalam Rang Undang-Undang Bekalan (1979), 1978, di mana Yang Amat Berhormat telah mendesak bahawa peruntukan-peruntukan ini ialah untuk membolehkan Jabatan Kerja Raya menjalankan penyelenggaraan dan pembaikan sistem jalanraya demi mengekalkan serta meninggalkan lagi taraf jalan-jalan dan parit-parti di tepi jalan kita. Sungguhpun demikian, saya berasa amat kesal iaitu di kawasan saya, Sungai Bakap, terdapat sebatang jalan di Krian Kedah di mana jalan ini ditarkan,

sejauh lebih kurang sebatu, dan perbelanjaannya didapati sebanyak \$168,000.00. Saya tegaskan di sini untuk pengetahuan Dewan ini bahawa jalan ini tidak memberi faedah atau kemudahan-kemudahan kepada penduduk-penduduk dalam kawasan Sungai Bakap, tapi hanya berfaedah kepada seorang pekebun besar sahaja. Suka saya menarik perhatian Dewan ini bahawa jalan-jalan di Perkampungan Wellesley, saya dapati bahawa apabila permohonan dibuat untuk meninggikan taraf atau *upgrade* jalan-jalan ini atau lain-lain kemudahan, malangnya, jawapan daripada pihak yang berkenaan ialah Perkampungan ini terletak atas tanah persendirian. Saya ingin mengingatkan kepada pihak yang berkenaan bahawa penghuni-penghuni di Perkampungan ini dipaksa masuk ke tempat itu dalam masa darurat dan mereka sekarang menghadapi kesulitan-kesulitan yang rumit, yang mana Perkampungan lain menikmati semua kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Mengapa keadaan di Perkampungan ini tidak diperbetulkan atau diubahsuaikan untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas. Semenjak kemerdekaan dan Pilihanraya demi Pilihanraya, tiada jalan lain untuk membantu mereka mendapat kemudahan ini.

Tuan Speaker, akhir sekali mende-sak Kerajaan untuk memperbetulkan keadaan ini atas peri kemanusiaan seperti kewarganegaraan yang sama. Seramai 60 keluarga akan berfaedah jika sekiranya Kerajaan bersetuju mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah, kepada Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri dan kakitangannya atas kerjasama Jabatannya untuk mengatasi masalah-masalah penyakit dalam perusahaan ternakan di negeri ini. Bagi pihak peladang-peladang, saya menyampaikan terima kasih, kepada Kerajaan Negeri yang telah memberi sebarang bantuan dengan percumanya [*free*

*vaccination*] untuk mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh peladang-peladang dan saya dengan penuh harapan agar bantuan yang berfaedah ini akan dapat diteruskan lagi.

Sekian terima kasih.

AHLI KAWASAN SUNGAI NIBONG (DR. TAN CHONG TEIK):

Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pada tahun ini Negeri Pulau Pinang akan mengalami kekurangan sebanyak \$4.3 juta dalam Anggaran Belanjawan. Kekurangan pada tahun yang lalu ialah \$4.8 juta. Jikalau terus berlaku tiap-tiap tahun, perasaan bimbang akan timbul di antara penduduk-penduduk terhadap kedudukan kewangan Pulau Pinang. Tetapi, Datuk Speaker, mereka tak payah merasa bimbang oleh kerana Kerajaan Negeri selalu menggunakan wang negeri dengan berhati-hati. Dalam anggaran adalah satu bukti yang saya akan sebutkan. Dalam anggaran Belanjawan tahun lalu, kekurangan sebanyak \$4.8 juta dijangkakan dalam tahun 1979, tetapi kekurangan sebenarnya hanya \$4.5 juta. Ini bererti bahawa \$300,000.00 telah diselamatkan dan pihak Perbendaharaan Negeri patutlah diberi pujian. Pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah berupaya membayar balik pinjaman kepada Kumpulan-wang Negeri iaitu General Consolidated Fund. Ini akan membantu kepada kekuatan kewangan negeri yang kian lumpuh.

Datuk Speaker, keputusan Kerajaan Negeri menggunakan komputer dalam perkhidmatan pentadbiran negeri merupakan satu langkah yang wajar sebab ini akan meningkatkan *efficiency* pentadbiran, tetapi ini akan menambahkan kos pentadbiran kerana ini memerlukan kakitangan-kakitangan yang berlatih dan berijazah (*qualified*). Dengan operasi isi-penuh yang sedang dijalankan dan pengumuman Kerajaan Persekutuan tentang pengkajian semula gaji kaki-



tangan Kerajaan, maka perbelanjaan peraksanaan [*operating expenses*] Kerajaan Negeri akan bertambah selanjutnya. Kita tidak ingkar akan kebenaran bahawa dengan jumlah penduduk yang lebih yang makin bertambah, perkhidmatan pentadbiran harus diperluaskan untuk mengekalkan dan meninggikan *efficiency* dan taraf perkhidmatannya. Kenaikan dan pengkajian semula dalam gaji bagi kakitangan Kerajaan yang lalu iaitu di bawah Lapuran Jawatankuasa Kabinet telah mengakibatkan Kerajaan Negeri meminjam wang sebanyak \$6.69 juta untuk membiayai perbelanjaan. Pinjaman ini mesti dibayar balik oleh Kerajaan Negeri mulai 1982 dengan pembayaran \$669,000.00 setahun. Memandang kepada perbelanjaan dalam bayaran gaji dan elaun perkhidmatan pentadbiran negeri bahawa dalam tempuh 10 tahun, ini telah naik daripada berjumlah 17.3 % meningkat ke 41.95 % dalam tempuh 10 tahun sahaja. Ini akan membawa kedudukan kewangan Negeri ke suatu keadaan yang membimbangkan pada masa yang akan datang. Oleh itu Kerajaan Negeri akan mengambil daya usaha untuk mencari sumber-sumber pendapatan untuk meningkatkan kedudukan kewangan dalam hal ini.

Saya rasa, Datuk Speaker, Kerajaan Persekutuan boleh menolong Kerajaan Negeri, dan juga oleh sebab Perkhidmatan Awam Negeri diintegrasikan dengan perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan, maka saya ingin mengesyorkan supaya Perkhidmatan Grant dapat diberikan kepada Negeri oleh Kerajaan Persekutuan dan menanggung segala kenaikan gaji bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan termasuk Badan-Badan Berkanun pada masa akan datang.

Saya ingin mendesak Kerajaan Persekutuan yang berkhidmat untuk rakyat menyediakan bantuan supaya kenaikan cukai-cukai jikalau perlu dijalankan oleh Kerajaan Negeri da-

pat dicegahkan supaya mengurangkan bebanan atau kesusahan penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang. Ini boleh dibuat dengan menyediakan peruntukan dan bantuan baru dan yang boleh didapati oleh Kerajaan Negeri dengan cara mengembalikan jumlah peratus tertentu (10 % atau 20 % ) dari cukai-cukai yang dikutip di negeri Pulau Pinang.

Tadi Parti Pembangkang menyatakan di Pulau Pinang banyak cukai telah dikutip oleh Kerajaan Persekutuan, tapi saya rasa sangat dukacita kerana di dalam Dewan ini ada 3 orang ahli Parti Pembangkang yang juga menjadi ahli Parlimen dan mereka tidak membangkitkan perkara ini di Dewan Parlimen. Kerajaan Persekutuan harus membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan pembangunan-pembangunan di dalam Pulau Pinang dijalankan dengan pesat oleh kerana pembangunan yang dicapai akan menjadi *asset* kepada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan menimbangkan Pulau Pinang bersama-sama Negeri Sabah, Sarawak dan Pahang sebagai negeri yang maju apabila menguntukkan bantuan dan peruntukan kepada negeri-negeri. Jadi jumlah bantuan dan peruntukan yang diperolehi oleh Negeri Pulau Pinang adalah terlalu kurang. Perbezaan antara Pulau Pinang dengan ketiga-tiga negeri itu, iaitu Sabah, Sarawak dan Pahang adalah tidak betul kerana Pulau Pinang tidak mempunyai pengeluaran alam [*natural resources*] seperti *timber*, *petroleum*. dan sebagainya. Oleh itu Negeri Pulau Pinang harus menerima bantuan yang lebih daripada Kerajaan Persekutuan.

Di sini saya suka menyatakan juga apabila Parti Pembangkang membangkitkan perkara-perkara peruntukan dan bantuan, mereka juga tidaklah membangkitkan perkara ini dalam Dewan Parlimen sungguhpun ada 3 ahli dari Parti Pembangkang

iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Bukit Glugor, Ayer Itam dan Pekan Bukit Mertajam yang juga menjadi Ahli Parlimen daripada kawasan Jelutong, Bukit Bendera dan Bukit Mertajam masing-masing. Saya berasa, Datuk Speaker, bahawa rakyat Pulau Pinang bernasib baik kerana duduk di dalam Dewan ini juga mempunyai 3 orang ahli Parlimen tetapi saya ingat 3 orang Ahli-Ahli Parlimen daripada Parti Pembangkang telah lupa akan ketutamaan tanggungjawab kepada rakyat-rakyat Negeri Pulau Pinang sebab mereka telah dipilih oleh rakyat Pulau Pinang dan patutlah mereka meminta lebih bantuan dan peruntukan untuk Negeri Pulau Pinang dan penduduk-penduduk Pulau Pinang daripada Kerajaan Persekutuan. Malangnya mereka hanya melupakan, cuma suka main politik dan mendapat publisiti sahaja. Saya suka menyatakan bahawa sungguhpun mereka tahu kedudukan kewangan Negeri Pulau Pinang merosot tapi tak pernah saya mendengar mereka cuba mendapatkan lebih bantuan dan peruntukan bagi Negeri Pulau Pinang di dalam Dewan Rakyat. Saya berasa hairan mereka tidak berbuat demikian. Barangkali mereka tidak sedar akan tanggungjawab mereka dan tidur sahaja setelah dipilih oleh rakyat. Apakah gunanya rakyat Negeri Pulau Pinang memilih ketiga-tiga mereka sebagai Ahli Dewan Parlimen sekiranya mereka tidak tahu tanggungjawab mereka kepada rakyat dan Negeri Pulau Pinang dan Parlimen. Tentulah rakyat Negeri Pulau Pinang bukan memilih mereka untuk duduk di Dewan Parlimen sahaja dan juga untuk mendapat publisiti sahaja.

Jadi, Datuk Speaker, saya suka menyokong Bekalan Belanjawan tahun 1980.

Sekian, terima kasih.

AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL (DR. SAK CHENG LUM):

Datuk Speaker, izinkan saya memberi sokongan kepada Rang Undang-Undang yang telah dicadangkan.

Dalam beberapa ucapan yang telah diberikan oleh Ahli-Ahli Pembangkang, kita telah mendengar banyak bunyi, bunyi yang telah tidak mengikut lagu atau tidak mengikut tune — *out of tune* — yang mana bunyi berkenaan pembangunan sekolah yang patut diberikan di dalam Parlimen atau di Dewan Rakyat di Kuala Lumpur selalu dibangkitkan di sini dan juga di mana Kementerian Pelajaran ada menyediakan banyak peruntukan untuk bantuan pembangunan sekolah. Saya hendak bertanya apa tujuan mereka membangkitkan bunyi semacam ini di dalam Dewan ini dan saya nampak bahawa mereka bukan apa kebajikan sebagai tujuannya tetapi suka main politik sahaja.

Datuk Speaker, saya rasa gembira kerana Kerajaan Negeri kita telah mencadangkan satu *budget* yang praktikal, praktikal kerana walaupun desakan di atas perbelanjaan semakin bertambah oleh kerana keperluan untuk menambah atau menaikkan gaji kakitangan, Kerajaan telah mencapai dan mengawalakan defisitnya dan juga tidak menambahkan defisit lebih, sambil boleh memperuntukkan lebih perbelanjaan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang patut menerimanya seperti kebajikan dan biasiswa.

Datuk Speaker, saya ingin menyentuh atas dua-tiga perkara yang patut dipentingkan dan juga menarik perhatian. Satu, walaupun Kerajaan Negeri perlu mengadakan lebih banyak hasil, ia tidak akan mencadangkan apa-apa cukai baharu untuk tahun akan datang. Sebaliknya lagi, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah untuk meninggikan lagi *efficiency* melalui kawalan yang tegas ke atas perbelanjaannya dan juga mengurangkan perbelanjaan yang didapati tidak perlu.

Kedua, modenisasi pentadbiran dengan menggunakan cara komputer. Ini mencerminkan pandangan Kerajaan yang luas dan maju. Ini akan mengurangkan perbelanjaan pentadbiran dalam jangka masa yang panjang dan juga mempertingkatkan lagi *efficiency* Kerajaan. Di sini saya menyeru kepada semua kakitangan Kerajaan mengambil perhatian atas kepentingan yang Kerajaan telah berikan kepada *efficiency* dan saya berharap juga pada mereka supaya menunjukkan dedikasi dan menambahkan *efficiency* untuk *compliment* usaha Kerajaan untuk memajukan lagi Negeri Pulau Pinang.

Ketiga, Kerajaan Negeri juga telah memajukan pandangan luasnya kerana menimbangkan lebih banyak projek yang boleh menghasilkan lebih pendapatan kepada Negeri. Walau bagaimanapun, Tuan Speaker, saya harap Kerajaan dan badan-badan Kerajaan yang bertanggungjawab akan mengkaji dengan teliti dan berjaga-jaga sebelum melibatkan diri dalam projek-projek pelaburan/lain-lain kerana telah ada pengalaman di Negeri ini dan negeri lain yang mana projek-projek pelaburan telah mengakibatkan kerugian.

Datuk Speaker, dengan ucapan ringkas ini saya harap dapat menunjukkan kepada ahli-ahli pembangkang bahawa mereka mesti dapat membezakan atau *differenciate* apa yang baik dari apa yang tidak baik. Saya menyeru kepada mereka semua menukar sikap mereka dan menunjukkan sikap yang adil dan harap mereka boleh memberi kepujian di mana-mana pujian yang patut diberi.

Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:**

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan hingga ke jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.

Dewan bersambung semula pada jam 2.40 petang.

**AHLI KAWASAN TASEK GLUGOR (ENCIK MD. NOOR BIN AHMAD):**

Datuk Speaker, saya ingin mengambil bahagian bagi membahaskan Ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang pada hari Isnin lalu.

Perkara yang saya ingin sentuh ialah mengenai ucapan oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang telah memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri ini tidak akan menaikkan cukai tanah untuk tahun 1980 yang akan datang. Sebagai Wakil Rakyat, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas tiadanya kenaikan cukai itu. Pihak Parti Pembangkang, terutamanya daripada Parti DAP, langsung tidak menyentuh perkara ini dalam ucapan-ucapan mereka pada hari itu sehinggalah ke hari ini dan ini adalah satu bukti yang boleh kita nilaikan bahawa ucapan-ucapan yang dibawa oleh pihak Parti Pembangkang itu adalah tidak berasas sama sekali.

Saya telah melihat Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan — muka surat 168 — di atas peruntukan jawatan yang akan dipenuhi oleh Mesjid Negeri seperti yang telah disenaraikan iaitu seorang Imam Tingkatan II, 2 orang Bilal, 2 orang Siak dan lain-lain jawatan yang disebutkan di dalam muka surat 168 itu. Di sini, Datuk Speaker, saya ingin mencadangkan untuk memenuhkan jawatan-jawatan itu khasnya bagi Mesjid Negeri dan ini boleh kita katakan bahawa arahan yang telah diberikan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama kepada Qariah-Qariah bagi seluruh mesjid di Negeri Pulau Pinang ini mengikut samaan dengan arahan itu iaitu saya ingin mencadangkan jawatan-jawatan itu hendaklah dipilih ataupun dilantik mengikut sepertimana diarahkan oleh Jabatan Ugama iaitu sekurang-kurangnya jawatan Imam itu hendaklah seramai 2 orang. Jawatan khatib langsung tidak ada dalam buku ini. Kali ini



adalah mengikut arahan yang dibuat oleh Jabatan yang berkenaan kepada pihak mesjid bagi seluruh Negeri Pulau Pinang untuk memenuhi jawatan ahli-ahli Jawatankuasa, Qariah, tetapi tidak ada dalam buku ini. Patut juga dimasukkan sekurang-kurangnya 2 orang. Dan Bilal, saya setuju sangatlah dengan apa yang dicatatkan di dalam buku ini iaitu seramai 2 orang dan jawatan-jawatan yang lain. Saya menyokong di atas syor yang dikemukakan di dalam buku ini. Cuma yang saya ingin menambah ialah seorang lagi Imam dan 2 orang lagi bagi jawatan Khatib patutlah dipertimbangkan semula oleh Dewan ini.

Selain daripada itu, Datuk Speaker, saya ingin menyentuh mengenai dengan Jabatan Parit dan Taliair yang telah diberi peruntukan yang lebih untuk tahun 1980. Apa yang saya ingin menyentuh dan saya harapkan daripada pihak Jabatan ini iaitu projek untuk membersihkan parit Sungai Kereh di kawasan Tasek Glugor hendaklah segera dilaksanakan dan sementara parit itu disiapkan oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair hendaklah mendirikan sebuah rumah pam di Kampong Kubang Menerong untuk mengatasi masalah-masalah air untuk sawah di kawasan itu.

Selain daripada itu, Datuk Speaker, saya merayu kepada JKR dan MPSP yang mana saya telah difahamkan bahawa satu peruntukan telahpun diberikan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan kepada MPSP untuk mengadakan parit-parit di kawasan Pekan Tasek Glugor dan saya juga difahamkan bahawa MPSP telah memberikan peruntukan kepada pihak JKR untuk melaksanakan pada tahun 1978 lalu, tetapi sehingga sekarang projek itu belum lagi dibuat apa-apa. Jadi saya berharap kepada pihak Jabatan JKR dan MPSP supaya dapat merundingkan semula untuk melaksanakan pamaritan di kawasan Pekan Tasek Glugor. Saya

harap agar dapat disegerakanlah ia itu bagi tahun 1980an akan datang.

Beralih kepada projek perumahan peralihan, saya telah mendapat satu jawapan dalam Dewan ini iaitu pada tahun 1978 yang lalu, Jawatankuasa Perumahan Negeri Pulau Pinang adalah dipengerusikan oleh bekas Ahli Dewan Negeri bagi Kawasan Ayer Itam. Projek perumahan peralihan ini bagi kawasan Dewan Negeri Tasek Glugor akan mula dijalankan pada bulan Ogos tahun 1979, tetapi sehingga hari ini projek ini belum lagi nampak apa-apa dan ini saya rayulah supaya pada tahun 1980 yang akan datang projek ini akan dapat diusahakan dan saya berharap juga supaya projek ini akan dapat disiapkan pada tahun hadapan. Ini adalah tepat sekali dengan janji yang telah kita jaminkan kepada rakyat pada tiap-tiap kawasan Dewan Negeri yang mana projek perumahan peralihan ini akan kita laksanakan bagi tiap-tiap kawasan Dewan Undangan Negeri.

Begitu juga saya berharap bahawa pihak Jawatankuasa Perumahan-Perumahan Negeri akan mengkaji dengan sedalam-dalamnya berhubung dengan projek perumahan di kawasan Penaga yang masih terbengkalai di kawasan Datuk Speaker sendirilah. Saya telah difahamkan juga bahawa projek ini telahpun dikeluarkan tendernya dan ini kita harap projek ini tidak akan menjadi terbengkalai lagi yang mana ini menjadi satu jaminan oleh kita kepada pihak nelayan di kawasan itu untuk mendapatkan perumahan murah. Saya ingin merayu juga di atas projek ini yang mana saya telah difahamkan bahawa peruntukan untuk sebuah rumah yang telah diperbincangkan adalah lebih kurang \$17,000.00 untuk sebuah rumah yang pada peringkat awal dahulu kita telah mencadangkan lebih kurang dalam angka tak sampai \$10,000.00 dan ini mungkin akan menjadi satu masalaah kepada pihak penduduk-penduduk di kawas-

an itu khasnya untuk nelayan.

Jadi, Datuk Speaker, atas ucapan saya ini saya menyokonglah Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat untuk belanjawan tahun (1980), 1979. Sekian.

#### AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH (ENCIK LIANG THAU SANG):

Datuk Speaker, saya mengambil bahagian di sini untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-Undang tahun 1980 yang telah dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari yang lalu.

Kita dapat melihat bahawa Kerajaan Negeri lebih berminat dan menaruhkan dayanya kepada pembangunan. Sekiranya kita bandingkan belanjawan negeri bagi tahun 1980 dan 1979, angka belanjawan mengurus bagi Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan nampaknya telah bertambah dengan bilangan yang besar iaitu \$16 juta jika dibandingkan pada tahun yang lalu. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan berazam untuk memperkuatkan pentadbirannya. Maka kebanyakan peruntukan ini dianggap patut dan haruslah disokong oleh kerana ini akan mempertingkatkan taraf kecekapan perkhidmatan dan di akhirnya akan mendatangkan faedah kepada negeri.

Tuan Speaker, pembangunan di dalam bandar memanglah sangat mustahak, tetapi pembangunan di kawasan luarbandar pun tidak boleh diabaikan sebagaimana telah kita sedia maklum kebanyakan kawasan luarbandar sedang menghadapi kesusahan akibat keadaan jalan yang buruk dan sistem pengaliran air yang tidak memuaskan, dan pada pendapat saya, Kerajaan haruslah memuaskan minat dan tenaganya dalam usaha memperbaiki keadaan kehidupan kampung dan menguruskan rancangan tersebut dengan lebih berkesan. Memandangkan keperluan yang tersebut di atas maka adalah

dirasakan bahawa peruntukan untuk perbelanjaan pengurusan yang berkaitan itu tidak mencukupi.

- Anggaran perbelanjaan pengurusan untuk Pejabat Haiwan bagi tahun 1980 nampaknya tidak bertambah langsung, tetapi Kerajaan Negeri selalu memberi bantuan seperti membahagikan anak ayam, lembu dan sebagainya kepada rakyat khususnya di kawasan luarbandar melalui J.K.K.K. Langkah yang terus-menerus untuk mempertingkatkan kehidupan orang-orang kampung ini adalah satu amalan yang baik dan patut dijalankan selanjutnya. Saya berharap rancangan tersebut diperluaskan lagi supaya lebih banyak orang boleh mengecapi faedahnya. Tuan Speaker, walau bagaimanapun, kenaikan peruntukan untuk perbelanjaan pengurusan bagi tahun 1980 ini hanya sebanyak 2% kalau dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1979. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan penuh dengan keyakinan untuk melaksanakan projek-projek yang dijelankannya.

Oleh itu saya ingin menyokong belanjawan negeri bagi tahun 1980 yang telah dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

#### AHLI KAWASAN MACHANG BUK (ENCIK LIM HENG TEE):

Datuk Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang Enakmen Perbekalan tahun 1980 yang telah dibentangkan dalam Dewan ini.

Datuk Speaker, Rang Undang-Undang Perbekalan, 1980 memperuntukkan sejumlah wang untuk perkhidmatan sebanyak \$47.3 juta sebagai membandingkan dengan sejumlah sumber pendapatan sebanyak \$43 juta telah mengakibatkan satu defisit berjumlah \$4.3 juta.

Datuk Speaker, defisit ini adalah perlu untuk menyambungkan pertumbuhan dan mengujudkan peluang pekerjaan bagi penduduk-penduduk kita yang makin bertambah ini, ter-

utamanya bagi lepasan-lepasan sekolah yang masih muda. Saya berharap, ahli-ahli pembangkang akan faham atas hujah-hujah ekonomi yang asas ini dan janganlah terburu-buru mengambil keputusan bahawa satu anggaran belanjawan defisit adalah satu tanda kelemahan keadaan kewangan. Perkara yang penting ialah semua perbelanjaan itu adalah dalam perancangan dan kawalan yang baik dan rapi. Datuk Speaker, yang pertama ialah Anggaran belanjawan ini walaupun ada dalam defisit, Kerajaan tidak bercadang mengenakan apa-apa cukai tambahan. Ini adalah sebab Kerajaan kita sedar sungguh atas bebanan berat yang sudah ditanggung oleh pembayar-pembayar cukai khususnya pada masa sekarang dunia sedang menghadapi inflasi dan kemelesetan. Kerajaan tidak memilih jalan yang senang dengan mengenakan cukai kepada rakyat bagi mendapatkan lebih sumber pendapatan.

Datuk Speaker, satu perkara yang penting diperhatikan ialah dalam Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan 1979, satu defisit sebanyak \$4.8 juta telah dianggarkan. Adalah dianggarkan sekarang bahawa defisit yang sebenarnya hanya akan menjadi \$4.5 juta sahaja. Dengan ini ia membawakan satu simpanan lebih kurang \$300,000.00.

Datuk Speaker, simpanan sebanyak \$300,000.00 ini menunjukkan dengan jelas bahawa pengurusan dan kawalan atas kewangan oleh Kerajaan Negeri adalah *efficient* khasnya bagi Perbandaharaan Kerajaan Negeri. Usaha-usaha mereka ini patutlah dipuji dan dihargai. Saya yakin bahawa di bawah pimpinan cekap Y.A.B. Dr. Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang, dan perkhidmatan awam yang dedikasi, maka defisit yang dianggarkan sebanyak \$4.3 juta bagi tahun 1980 akan boleh dikurangkan lagi.

Kita juga mendapat tahu pentadbiran Kerajaan Negeri telah mula

masuk ke *era* komputer. Ini tentu akan memajukan lagi kelicinan Pentadbiran Kerajaan Negeri kita.

Datuk Speaker, satu sebab utama untuk defisit ialah peruntukan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri tidak mencukupi. Yang pertama, Geran Capitation atau *Capitation Grant* yang diberikan kepada Pulau Pinang itu ialah berdasarkan kepada Banci 1970 yang mana masa itu bilangan penduduk-penduduk lebih kurang ada 750,000 orang. Akan tetapi bilangan penduduk-penduduk di Pulau Pinang hari ini sudah meningkat hampir-hampir satu juta orang, satu tambahan yang melebihi 200,000 orang. Oleh itu, Kerajaan Pusat patutlah menyesuaikan Geran Capitation kepada Pulau Pinang dengan secepat yang mungkin.

Datuk Speaker, satu perkara yang mustahak yang saya ingin menarik perhatian kepada Dewan ini ialah Kerajaan Pusat telah memasukkan Pulau Pinang bersama-sama Sabah, Sarawak dan Pahang sebagai salah satu negeri yang sudah membangun dan maju di Malaysia. Oleh yang demikian, peruntukan diberikan itu akan menjadi kurang daripada negeri-negeri lain yang kurang membangun. Ini tentulah kurang adil kerana kita semua maklum bahawa Pulau Pinang berbeza daripada negeri lain, tidak ada sumber-sumber alam semulajadi, umpamanya bijih-bijih timah, kayu-kayan, balak dan minyak petrol yang kesemua ini sedang mengecapi harga baik di pasaran dunia.

Saya harap ahli-ahli Pembangkang yang terpilih sebagai Ahli-Ahli Parlimen dari Negeri Pulau Pinang tidak lupa bahawa mereka adalah wakil-wakil rakyat Pulau Pinang, maka mereka akan membawa issue ini ke Parlimen untuk kepentingan rakyat Pulau Pinang dan jangan hanya mencari publisiti yang murah dengan mengeluarkan *statements* sahaja di akhbar.



Datuk Speaker, saya ingin menarik perhatian kepada Dewan ini bahawa Kerajaan Pusat telah mengutip \$33 juta daripada cukai jalan dari Pulau Pinang tiap-tiap tahun. Sebaliknya Kerajaan Negeri mendapat hanya kira-kira 10% sahaja dalam bentuk geran-geran jalan. Untuk keadilan, Kerajaan Pusat patut menimbang untuk mengembalikan lebih banyak geran-geran seumpama ini kepada Negeri Pulau Pinang.

Datuk Speaker, pada keseluruhannya, Anggaran Belanjawan tahun 1980 ini adalah sesuatu yang realistik. Defisit yang berlaku adalah sangat-sangat diperlukan untuk menyambungkan pertumbuhan dan mengujudkan pekerjaan. Kerajaan Negeri telah menjalankan tugasnya dengan sesungguhnya yang boleh untuk kepentingan dan faedah rakyat Pulau Pinang. Oleh itu adalah diharapkan bahawa Kerajaan Pusat akan juga memainkan peranan dengan sewajarnya untuk faedah rakyat Pulau Pinang.

Oleh yang demikian, Datuk Speaker, saya ingin menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan bagi tahun 1980 yang telah dibentangkan di Dewan ini.

Terima kasih.

**AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN (ENCIK NG SWEE CHING):**

Datuk Speaker, saya bangun ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Bekalan bagi tahun 1980 untuk ditimbangkan di dalam Dewan ini.

Datuk Speaker, dalam Rang Undang-Undang untuk tahun 1980, Kerajaan Negeri membelanjakan sebanyak \$47,352,670.00. Kerajaan Negeri juga membentangkan belanjawan kurangan sebanyak \$4.322 juta. Dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri, kebanyakan perbelanjaan ini disebabkan oleh membayar kenaikan gaji kakitangan Kerajaan. Walaupun begitu, Kerajaan tidak menaikkan hasil

kerana Kerajaan mengetahui juga memahami bahawa dalam keadaan inflasi, rakyat dalam kesusahan. Oleh itu Kerajaan tidak menaikkan hasil dan di sini saya harap Kerajaan Pusat akan memberi petunjuk kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, di sini saya ada beberapa perkara untuk dibawah di dalam Dewan ini, iaitu di bawah Kepala B4 bahawa peruntukan perbelanjaan bagi Parit dan Taliair bagi tahun 1980 ialah \$4,128,740.00. Saya harap jumlah peruntukan yang sebanyak itu Kerajaan akan menggunakan untuk memperbaiki parit yang panjang di hadapan rumah murah Sim-pang Empat dan parit di Pekan Sim-pang Empat. Di perkarangan di keliling kawasan ini selalu membanjir pada musim hujan. Ada satu lagi parit di Patau, Bukit Tambun yang selalu bertakung pada musim hujan. Oleh itu saya haraplah ketiga-tiga parit itu akan dibina dengan simen.

Tuan Speaker, di bawah Kepala B. 8, peruntukan perbelanjaan bagi Kerja Raya bagi tahun 1980 itu sebanyak \$10,646,330.00. Di kawasan saya ada tiga batang jalan iaitu Jalan Kebun Sayur, Kampong Valdor, Jalan Tanjung Ketupat, Patau Bukit Tambun dan Jalan Pengkalan ke Kampong Mesjid di Batu Kawan. Tiap-tiap tahun Kerajaan Negeri ada peruntukan untuk memperbaiki jalan-jalan tanah itu, tetapi saya berasa peruntukan itu adalah suatu yang membazir. Pada pendapat saya lebih baik membuat jalan tar.

Tuan Speaker, saya haraplah perkara-perkara yang saya telah mengemukakan tadi akan diperhatikan dan dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dengan segeranya. Kalaulah segala perkara-perkara ini dapat dijalankan dengan sempurna, penduduk-penduduk di kawasan itu akan mendapat faedah.

Tuan Speaker, akhirnya saya ingin menyokong Rang Undang-Undang

Bekalan bagi tahun 1980. Terima kasih.

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Datuk Speaker, saya bangun untuk menjawab dan menjelaskan kepada beberapa soalan dan teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang dan juga pihak Kerajaan.

Jawapan-jawapan saya tidak akan merupakan satu helah atau pun merupakan penolakan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi adalah merupakan penjelasan yang bolehlah dianggap sebagai menerima sebahagian daripada hujah-hujah dan menolak sebahagian lain pula dan tidaklah bermaksud saya ingin menegakkan benang yang basah. Saya ingin menyentuh mula-mula soalan dan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli Kawasan Sungai Dua berkenaan dengan Pejabat Kadi di Bukit Mertajam. Sebenarnya tender telahpun diterima dan kerja-kerja dijangka akan bermula [*taking possession of site*] pada esok hari 2.11.1979 dan dijangka selesai pada akhir bulan Ogos 1980 dan ini bermakna akan mengambil masa selama lebih kurang 42 minggu.

Berkenaan dengan kilang-kilang haram yang dibangkitkan oleh Ahli Kawasan Sungai Dua, sungguhpun begitu, nampaknya teguran itu dibuat secara umum. Kilang-kilang mana dan di mana saya tidaklah dapat memberi jawapan yang *specific*, tapi memadai kalau saya memberi jawapan secara umum juga dengan meminta kalaulah boleh Ahli Yang Berhormat Kawasan Sungai Dua memberitahu saya kalau boleh di luar Dewan ini atau di dalam Dewan juga pada bila-bila masa pun untuk disiasat selanjutnya.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua, kilang-kilang haram memang

telah biasa cuba dibangunkan di beberapa tempat selain daripada kawasan Sungai Dua dan telah dapat dicegah dengan cara diberitahu oleh wakil-wakil rakyat dari kawasan itu. Malahan ada kilang-kilang haram yang dihentikan kerjanya pada peringkat percubaan. Jadi eloklah jangan dibiarkan lagi kilang-kilang haram itu selesai dibina baru kita mengambil tindakan.

Berkenaan dengan rungutan tentang kekurangan petani atau penanam padi sekarang ini dan tentang ketiadaan sistem parit yang memuaskan dan masalah tikus dan sebagainya, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Sungai Dua pada masa berada di sebelah sini dahulu juga telah turut berbincang dengan ahli-ahli yang lain dengan bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah ini. Ini bukanlah satu masalah baru. Ini adalah satu masalah yang berkaitan antara satu dengan lain, umpamanya masalah tikus ada kaitannya dengan masalah penanaman padi yang perlu diadakan serentak dan ini juga ada kaitannya dengan masalah kekurangan pekerja-pekerja di sawah, dan ini ada kaitan pula dengan masalah pembangunan negeri ini. Jadi satu masalah begini yang ada kaitan antara satu dengan yang lain. Mahupun begitu, pihak Kerajaan tidaklah berdiam sahaja malahan telah dan sedang mengambil tindakan-tindakan seperti mengadakan berbagai-bagai rancangan sistem pamaritan dan taliair seperti *drainage sistem projek* di Bukit Mertajam metropolitan area dan juga projek flat Sungai Rambai dan sebagainya. Banyak lagi rancangan-rancangan yang masih ada di peringkat pengkajian dan ini akan mengambil masa bukan sahaja untuk menyelesaikan kajian itu tetapi juga untuk melaksanakannya.

Juga Ahli Kawasan Sungai Dua membangkitkan masalah kesukaran penanam-penanam padi untuk mengeluarkan hasil kerana kekurangan

jalan-jalan. Ini juga satu teguran yang diambil perhatian tetapi agak ada kesangsian sedikit kerana masalah ini tidak berbangkit dahulu. Agak kurang menasabah mengapa masalah ini ditimbulkan manakala kalau dibandingkan zaman ini dengan 10 tahun dahulu kita dapati banyak jalan-jalan kampung daripada yang ada pada 10 hingga 20 tahun dahulu. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua boleh sentiasa berhubung dengan pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, (JKKK). Saya pun dapat juga berunding dengan Pegawai-Pegawai Daerah di kawasan-kawasan yang berkenaan untuk membincang dan membuat syor-syor berkenaan jalan-jalan kampung tersebut.

Ada beberapa teguran ataupun soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di belakang saya yang saya ingin menyatakan adalah berada dalam perhatian pihak Kerajaan dan malangnya tidak dapat saya menjawab kebanyakan teguran-teguran itu kerana teguran itu tidak dapat saya pasti samada berasas ataupun kalau berasas pun saya kurang pasti tentang butir-butirnya. Satu contoh umpamanya teguran Ahli Yang Berhormat dari Sungai Bakap berkenaan satu jalan batu yang berharga \$168,000.00 yang katanya tidak memberi faedah kepada orang ramai melainkan sebuah rumah sahaja. Saya tidak ingin menafi ataupun mengesahkannya. Barangkali ini juga harus disiasat terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, jika ia ada sesuatu masalah seperti jalan tanah yang dikatakan membazir oleh Ahli Yang Berhormat Bukit Tambun umpamanya, barangkali ini juga dapat dibincangkan dengan pihak JKKK dan dapat kita mengambil satu keputusan yang menasabah.

Sebenarnya saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang membangkitkan soalan-soalan dan teguran-teguran tadi kerana saya

anggap ini adalah teguran yang membina yang bertanggungjawab dan kalau ada kurang sedikit asasnya, boleh kita sama-sama bermaaf-maafan. Ini adalah jauh bezanya dengan teguran-teguran yang dibuat oleh pihak pembangkang khususnya DAP yang kadangkala membuat teguran seolah-olah tidak memahami atau sengaja tidak mahu memahami. Umpamanya teguran-teguran terhadap feri yang tidak kena-mengena dengan perbincangan kita hari ini dan kalau boleh digunakan pepatah Inggeris "Barking at the wrong tree". "Barking" maknanya "salak". Kalau saya boleh gunakan perkataan "salak" di dalam konteks pepatah itu, maka saya rasa patut pihak DAP jangan terlampau menyalak, dan salak atas arahan mereka yang di luar Dewan ini; nanti sudah kehabisan suara, sudah tidak dapat lagi salak, maka mereka akan ditendang oleh pihak yang menyuruh salak. Maka jadilah seperti kata pepatah Melayu, "Habis manis sepah dibuang." Nampaknya mereka menyalak dan menyalak atas suruhan pihak-pihak yang tertentu yang tidak bertanggungjawab yang mungkin ingin melihat satu-satu kekacauan, bukan sahaja di Dewan ini, tetapi juga barangkali di negeri ini. Sesungguhnya memasang api, berucap berapi-api untuk memanaskan perasaan memang mudah. Saya rasa ahli-ahli di sebelah sini juga mempunyai keupayaan dan kepandaian dan kepintaran untuk berucap berapi-api — barangkali lebih daripada mereka — tetapi mereka sebagai wakil-wakil dari pihak Kerajaan adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab yang tidak ingin melihat rumah yang kita bersamasama di dalamnya ini terbakar, kerana membakar rumah senang, tetapi memadam api yang terbakar itu sangatlah susah. Kalau sudah memadamnya pun maka ada kesan-kesan yang tidak baik bak kata pepatah Melayu, "Kalau sudah luka, kalau



baik luka, parut masih dapat". Ini harus diambil perhatian oleh pihak pembangkang khususnya mereka dari Parti DAP.

Saya ingin menegur kalaulah boleh pihak pembangkang khususnya dari Parti DAP menganggap dan menerima Dewan ini sebagai satu Dewan yang mulia yang mempunyai maruah, dan Tuan Speaker sebagai lambang maruah Dewan ini. Kalau Tuan Speaker telah tidak dihormati, maka bermakna Dewan ini tidak dihormati dan bermakna tiap-tiap Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini termasuk Yang Berhormat mereka dari pihak DAP sendiri tidak dihormati. Ini satu hakikat yang patutlah DAP sedar dan *realise* dan perbetulkan diri mereka sendiri tanpa ditegur, tanpa disuruh.

Saya juga ingin menyentuh dan memberi nasihat. Saya ternampak bunga-bunga hasutan yang dibuat oleh orang-orang yang di luar Dewan ini kepada mereka yang ada di dalam Dewan ini supaya menyalak. Saya rasa tidak perlu saya pergi lebih jauh, hanya saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua mereka yang membuat teguran yang membina termasuk dari pihak pembangkang seperti ahli Kawasan Sungai Dua dan juga ahli-ahli dari pihak Kerajaan.

Sekian, Tuan Speaker, terima kasih.

AHLI KAWASAN BAGAN AJAM  
(TUAN HAJI IBRAHIM BIN  
ABDUL RAZAK):

Datuk Speaker, saya juga bangun untuk memberi jawapan yang dimajukan oleh Ahli Kawasan Sungai Dua dalam soal Jabatan Ugama. Jabatan Ugama daripada pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam telah menjalankan sedikit sebanyak tugas-tugas iaitu tugas-tugas yang terhad kerana pegawai-pegawai yang tetap belum diisi. Tugas-tugas yang telah dibuat iaitulah dalam tugas sambutan Hari Maulud, berkenaan dengan Al-Quran dan juga berkenaan dengan

dakwah-dakwah. Tetapi walau bagaimanapun berkenaan dengan jawatan-jawatan yang lain itu akan diisi dengan seberapa segera.

Bersabit pula dengan kerja-kerja pencegah maksiat, Jabatan ini pada bulan September yang lalu, tahun 1978, kita telah mengadakan dua orang pencegah maksiat, dan kita dapat menjalankan kerja-kerja bersama-sama dengan pasukan Polis Diraja untuk menangkap orang-orang yang berbuat salah dalam hal undang-undang ugama bersabit dengan Akta Tahun 1959. Ahli-ahli pencegah maksiat daripada Jabatan Ugama ini tidaklah boleh melakukan kerja dengan sesuka hati tanpa pihak pegawai polis. Oleh yang demikian, undang-undang bersabit dengan memberi kuasa penuh kepada pencegah-pencegah maksiat sedang digubal supaya pencegah-pencegah maksiat ini dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna. Sayang sedikit, pada bulan Ogos yang baru ini, kedua-dua pegawai pencegah maksiat telah meletak jawatan dengan sebab-sebab tertentu, dan kita akan mengiklankan supaya jawatan pencegah maksiat akan diisi semula.

Begitu juga jawapan kepada saudara Ahli daripada pihak Kerajaan berkenaan dengan penambahan seorang imam di Mesjid Negeri dan juga dua jawatan baru untuk dua orang khatib. Pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam berterima kasih kepada wakil daripada Tasek Glugor yang membawa dan memberi ingatan kepada Jabatan Ugama dalam soal ini. Pihak Jabatan Ugama akan mengambil tindakan dan akan bertindak di atas ingatan yang dibuat oleh Ahli dari Kawasan Tasek Glugor.

Itulah sahaja daripada pihak saya dan saya mengucapkan terima kasih di atas soalan yang dibuat oleh kedua-dua pihak pembangkang iaitu dari pihak PAS dan dari pihak Kerajaan yang mana teguran-teguran itu adalah yang membina.

Sekian, terima kasih.

## AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):

Datuk Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini di atas ulasan-ulasan dan cadangan-cadangan mereka berkenaan dengan perkara perumahan yang saya telah mengambil perhatian. Saya sungguh-sungguh terperanjat dengan cara-cara setengah ahli-ahli pembangkang telah membahaskan Rang Undang-Undang. Ini adalah satu undang-undang negeri yang amat penting yang akan menentukan perlaksanaan pentadbiran Kerajaan di tahun hadapan serta perkhidmatan yang akan diberi. Malangnya dalam perbahasan mereka tidak sebut sama sekali Rang Undang-Undang ini sendiri atau sebarang bahagiannya. Nampaknya mereka membahaskan tajuk Anggaran Pembangunan tahun depan yang sebenarnya belum lagi dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Topik-topik seperti mendirikan bangunan sekolah-sekolah, masalah meletak kereta, lampu-lampu di jalan-jalan raya, perkhidmatan dan peraturan-peraturan feri semuanya tidak bersangkutan dengan Rang Undang-Undang Perbekalan ini atau tidak termasuk di dalam yang mana-mana Anggaran Pembangunan Negeri yang akan dikemukakan dengan sedikit masa lagi.

Datuk Speaker, berkenaan dengan tunggakan oleh setengah penghuni-penghuni di rumah pangsa kos rendah Kerajaan, kita hendaklah menimbangkan dengan teliti patutkah atau adilkah hutang-hutang ini berlanjutan. Apabila yunit-yunit ini diperuntukkan lebih kurang 10 tahun yang lalu, penghuni-penghuni ini telahpun diberitahu dengan tegasnya di dalam perjanjian mereka dengan Kerajaan bahawa mereka mestilah membayar setiap bulan pada tarikh yang ditentukan. Rayuan dan amaran telah-

pun berulang kali diberi melalui surat ataupun surat khabar bahawa tunggakan ini mestilah dijelaskan. Ini telah diikuti dengan tindakan undang-undang dan tindakan mahkamah. Tindakan-tindakan ini akan lama kelamaan memberi perintah peguam di atas yunit-yunit yang mereka mendiami sekarang. Penduduk-penduduk ini kena bayar \$24 atau \$39 sebulan sahaja, tetapi penyewaan sebuah bilik telah dikenakan lebih kurang \$50 sebulan. Masih ada beribu-ribu pemohon yang sedang menunggu diperuntukkan rumah pangsa kos rendah Kerajaan. Semuanya bersedia membayar \$80 sebulan, dan menjelaskannya mengikut jadual jika mereka boleh mendapat rumah pangsa.

Kerajaan hendaklah mengutip bayaran-bayaran bulanan ini pada tarikh-tarikh yang tertentu mengikut jadual, sebab kutipan-kutipan ini hendaklah dibayar balik kepada Kerajaan Pusat juga mengikut jadual. Kelewatan pembayaran ini kepada Kerajaan Negeri bermakna kedudukan kewangan yang lebih ketat kepada Bahagian Perumahan Negeri yang tidak akan dapat melaksanakan projek-projek yang perlu ataupun memberi perkhidmatan yang perlu atas semua flat-flat untuk faedah penghuni-penghuni pada keseluruhannya. Oleh itu, keadaan ini adalah sangat tidak adil kepada mereka yang membuat bayaran pada tarikh-tarikh yang ditentukan yang mengharapkan sesuatu projek atau perkhidmatan. Kelewatan oleh setengah-setengah penghuni untuk membayar hutang tunggakan akan mengorbankan faedah-faedah orang lain di flat-flat itu.

Atas masalah lif-lif, Ahli Yang Berhormat dari Paya Terubong telah mengemukakan tiada satu yang konstruktif pun. Beliau mencadangkan menukar semua lif. Tetapi apa yang beliau tidak sedar ialah untuk menukarkan semua lif-lif di 9 Blok Flat

Rifle Range sahaja memerlukan belanja yang amat besar iaitu lebih kurang \$2 juta. Pada masa sekarang tidak perlulah untuk membelanjakan ini. Sebenarnya, inspektor dari Jabatan Jentera memeriksa semua lif-lif setiap tahun dan mengesahkan bahawa lif-lif itu selama digunakan oleh penduduk-penduduk. Sebab-sebab utama kerosakan sebenarnya ialah vandalisme dan salahguna. Ini termasuk melebihi had muatannya, kerosakan pintu-pintu dalam, membuka pintu dengan kuatnya sebelum lif berhenti dengan tepat, mengganggu *contact point* dengan *chewing gum* dan kertas-kertas rokok, mengopek papan swis dan menarik keluar dawai-dawai, dan sebagainya.

Hanya untuk Padang Tembak sahaja Kerajaan membayar sejumlah wang penyelenggaraan yang dicarumkan oleh penduduk-penduduk sebanyak \$2,695.00 sebulan kepada Syarikat General Electric Company (G.E.C.) yang mengadakan kontrak penyelenggaraan dan perkhidmatan lif-lif di sana. Bagi pihaknya pula, syarikat itu menggajikan 4 orang ahli teknik dan 2 aperiens dan menempatkan mereka di flat itu. Satu yunit di Blok A telah disewakan kepada mereka supaya walaupun malam hari, ada di antara mereka bersedia untuk membaiki kerosakan. Jika sebarang alat ditukarkan, Bahagian Perumahan akan membayar untuk alat-ganti. Kadangkala ini mengambil masa kerana setengah alat-ganti hendaklah dipesan dari Kuala Lumpur atau dari seberang laut.

Masalah kerosakan lif berlaku bukan sahaja di seluruh Malaysia tetapi juga di seluruh dunia. Ini adalah juga satu daripada kesukaran di flat-flat yang tinggi. Ini juga terdapat di dalam perancangan flat-flat di mana sekarang hanya didirikan flat-flat untuk 5 tingkat tanpa lif.

Walau bagaimanapun, keadaan perlahan-lahan menjadi baik sekarang. Langkah-langkah telahpun di-

ambil untuk mengurangkan kerosakan, dan mempercepatkan sebarang kerja pembaikan lagi. Walau bagaimanapun, matlamat yang lebih konkrit lagi akan mengambil masa.

Persoalan mengenai perkara penghuni haram sebanyak lebih kurang 900 yunit rumah-rumah pangsa di Rifle Range, Kampong Melayu dan Noordin Street Ghaut, Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam nampaknya sangat keliru di atas perkara tersebut. Beliau agaknya telah terlupa bahawa perumahan murah Kerajaan adalah dibina dengan subsidi Kumpulanwang Awam, daripada wang pembayar-pembayar cukai dan untuk membantu mereka yang berpendapatan rendah. Orang-orang ini tidak mampu untuk membeli rumah-rumah daripada pemaju-pemaju swasta atau mengalami kesukaran untuk menyewa rumah ataupun menyewa bilik-bilik. Ini adalah masalah sosial yang mana Kerajaan telah menjalankan usaha yang hebat dengan perbelanjaan yang banyak daripada Kumpulanwang Awam atau wang daripada pembayar-pembayar cukai. Oleh kerana ianya telah dibantu dengan Kumpulanwang Awam, maka Kerajaan haruslah berhati-hati dan tegas serta menentukan bahawa rumah-rumah ini hanya diuntukkan kepada mereka yang betul-betul memerlukan rumah dan bukannya kepada mereka yang akan menjual atau menyewakan rumah tersebut untuk mendapatkan wang. Apa yang terjadi sebenarnya ialah lebih kurang 900 yunit-yunit tersebut telah diberikan kepada mereka yang tidak memerlukan rumah. Akibatnya yunit-yunit tersebut telah dipindah-milik atau disewakan kepada orang lain untuk mendapatkan keuntungan. Ada di antara beberapa kes ini yang kerap benar bertukar dari tangan ke tangan sebanyak 4 atau 5 kali. Separuh daripadanya telah disewa kepada kadar sewa lebih kurang \$100.00 sebulan manakala penghuni



asal hanya membayar \$24.00 atau \$39.00 sebulan kepada Pihak Kerajaan. Perbuatan seperti ini adalah salah. Kerajaan tidak akan bertolak-ansor di atas perkara ini. Ianya juga dianggap tidak adil kepada rakyat jelata kerana wang pembayar-pembayar cukai telah terlibat dalam subsidi kepada perumahan ini. Bahkan sudah tentunya tidak adil lagi kepada beribu-ribu orang yang masih menunggu-nunggu untuk mendapatkan perumahan murah Kerajaan ini. Mereka yang ingin mengekalkan kedudukan seperti ini adalah yang terlibat dalam sindikit pemindahan milik atau menyewakan yunit-yunit rumah pangsa secara haram di dalam kawasan tersebut.

Tindakan-tindakan yang telah diambil setakat ini oleh Kerajaan termasuk membatalkan nama-nama penyewa asal, tetapi memberi peluang untuk merayu pada awal tahun ini; membenarkan penyewa-penyewa haram atau penghuni-penghuni haram memberi butir-butir lengkap mengenai diri mereka, keluarga-keluarga mereka dan pemindahan milik atau penyewaan haram yang terlibat dan mengemukakan kes-kes tersebut kepada Pihak Berkuasa Negeri setelah menjalankan penyiasatan sepenuhnya; dan kemudiannya Kerajaan Negeri akan memutuskan berapa banyakkah di antara lebih kurang 900 kes ini akan diberi penentuan milik atau disahkan kedudukan mereka mengikut undang-undang. Sekiranya salah satu daripada penyewa-penyewa haram atau penghuni haram telah diberi kebenaran dari segi undang-undang, dengan itu yunit tersebut akan dipindahmilik di bawah namanya dan beliau akan dikehendaki mula membayar harga yunit yang akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri mengikut aturan-aturan yang ditetapkan. Oleh yang demikian, perkara kerugian atau forfeiture tidak akan timbul langsung. Mana-mana penyewa atau penghuni asal yang telah mencabuli peruntuk-

an-peruntukan yang termaktub di dalam surat perjanjian sementara akan terpaksa dipotong dan yunit itu diambil balik oleh Kerajaan Negeri yang mana kemudiannya akan diperuntukkan semula kepada sesiapa yang patut menerimanya.

Di dalam surat perjanjian sementara terdapat satu phasa yang menyebutkan bahawa Kerajaan akan menjual yunit-yunit perumahan murah kepada penyewa-penyewa selepas jangka masa dua tahun. Kerajaan kini masih lagi teguh berpegang kepada janji-janjinya. Malahan penghuni-penghuni asal yang tidak memungkiri surat perjanjian sementara telah dibenarkan menandatangani perjanjian jualbeli dengan pihak Kerajaan, dan beberapa dari mereka telahpun menerima salinan-salinan perjanjian. Mereka yang menjual atau menyewa yunit secara haram kepada orang lain tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu bermakna telah mencabuli surat perjanjian sementara. Menurut peruntukan disebutkan di dalam perjanjian itu, Kerajaan mempunyai hak kuasa untuk menarik balik yunit-yunit rumah ini tanpa membayar sebarang gantirugi. Peruntukan ini juga dipakai setelah perjanjian jual-beli ditandatangani.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memberi amaran kepada mereka yang telah diperuntukkan yunit-yunit rumah murah ini samada sebelum ataupun selepas menandatangani perjanjian jualbeli supaya tidak menjual atau menyewa yunit rumah mereka tanpa mendapat keizinan daripada Kerajaan Negeri.

Terima kasih.

**AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):**

Saya bangun untuk memberi ucapan saya, tetapi sebelum itu saya mengambil peluang di sini ucap tahniah kepada Datuk Speaker. Pada pagi ini, Datuk Speaker telah mengambil kesempatan memerintah pe-

mimpin pihak Parti DAP keluar dari Dewan ini oleh sebab Ahli dari pihak Parti DAP langsung tidak menghormati Datuk Speaker. Jika Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini bertindak demikian, saya kasihanlah Dewan ini akan merupakan pasar ikan. Kami di sini ada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Nampakannya tindakan dari pihak Parti Pembangkang DAP, saya ingat mereka langsung tidak belajar peraturan ini.

Datuk Speaker, anggaran belanjawan tahun 1980 boleh kata adalah satu budget yang baik sebab ia mencerminkan satu anggaran belanjawan yang mana ada banyak perkembangan pesat dalam berbagai-bagai sektor untuk pembangunan. Banyak peruntukan dikehendaki untuk melaksanakan projek-projek yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri dan di sini banyak bergantung kepada kita samada akan mendapat peruntukan yang cukup daripada Kerajaan Persekutuan. Di sini saya merayu kepada Ahli-Ahli seperti Ahli Kawasan Bukit Glugor, Ahli Kawasan Ayer Itam, dan Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam sebab mereka semua adalah juga Ahli Dewan Rakyat. Mereka boleh menolong membawa perkara ini ke Parlimen jika mereka benar-benar jujur untuk mencapai kemajuan dan untuk faedah-faedah rakyat Pulau Pinang. Tetapi adakah mereka buat demikian? Tuan Speaker, di sini mereka hero tapi di sana mereka tikus (ketawa). Di sana mulut taruh gam.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Betul, betul.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat biasa tengok taruh gam?

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Rakyat boleh tahu, taruh gam busuk.

AHLI KAWASAN DATUK KERA-MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, perkara berkenaan ucapan Yang Amat Berhormat, maklumat apapun yang boleh didapati daripada buku inilah — Anggaran Hasil dan Perbelanjaan tahun 1980, dalam kertas No. 2 ini yang telah dibentangkan dalam Dewan ini — tetapi mereka langsung tidak tahu sebab ucapan Yang Amat Berhormat semua dari buku ini. Kalau mereka ada buat sedikit-sedikit kerja-kerja di rumah, mereka boleh faham. Ahli-ahli pembangkang DAP mesti tidak buat kerja-kerja *homework* mereka. Bila sampai masa membahaskan ucapan Yang Amat Berhormat berkenaan Anggaran Perbelanjaan tahun 1980 mereka memohon menangguhkan perbahasan. Adakah itu sikap yang betul?

Waktu kami duduk di sebelah menjadi Parti Pembangkang kami juga tidak dapat langsung — langsung tidak dapat — ucapan kertas belanjawan tetapi kami buat tugas kami. Oleh itu kami boleh menjalankan tugas kami di Dewan ini dengan mengambil bahagian yang aktif dalam perbahasan. Datuk Speaker, kita lihat perlaksanaan ahli-ahli DAP boleh dikatakan sangat kurang memuaskan kalau dibandingkan dengan Mendiang Encik Ong Yee How dan Encik Yeap Ghim Guan sebab dalam sepanjang 15 tahun pengalaman saya dalam Dewan ini, saya berani cakap ahli-ahli DAP sekarang ini yang duduk dalam Dewan ini, perlaksanaan mereka sangatlah dahsyat. Sebenarnya ialah mereka tidak dapat membawa sesuatu yang membina untuk Negeri kita dan untuk rakyat Pulau Pinang. Mereka cuba hentam saja, hentam pun hentam, mata buta.

Saya sangat hairanlah sebab dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri ini, ada kata itu peraturan No. 4 — dengan

izin, Datuk Speaker, — Bahasa resmi di dalam Dewan ini ialah bahasa Melayu, iaitu bahasa Kebangsaan, tetapi mereka datang di sini, minta bercakap dalam bahasa emak mereka dan bahasa penjahat. Saya bersetuju penuh dengan rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Teluk Bahang sebablah beliau ada bercadang dan berharaplah Parti DAP boleh membuat kursus-kursus untuk ahli-ahli mereka belajar sedikit Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undang Negeri. Jika mereka ada belajar dan boleh faham, saya ingat Dewan ini tentulah aman dan tidak banyak kekacauan.

Dalam 3 hari mesyuarat, saya mendapat tahu ada 3 kali Press Conference. Kami datang ke sini untuk mengambil timbangan dalam Dewan ini, bukan di luar Dewan ini. Itu satu publisiti sahaja, untuk bohong sahaja. Kami mengalu-alukan teguran yang baik dan membina dari ahli-ahli pembangkang, tetapi mereka hanya boleh membawa perkara-perkara kepada Dewan ini yang Dewan ini atau Kerajaan Negeri langsung tidak ada kuasa untuk mengambil keputusan. Perkara seperti Patung Kuen Yin dan perkara pelajaran yang patut dibawa kepada Dewan Rakyat, bukan Dewan ini. Kalau datang ke sini buat macam *hero*, Cina ada satu perkataan, dengan izin: *Siow Kwei Pan Yean Hwang*. Saya boleh bagi tahu. Kita sudah lepas bulan tujuh Cina. Hantu pun semua sudah balik ke rumah (ketawa). Tetapi di dalam Dewan ini ada satu hantu kecil, bertindak sebagai raja neraka — Yean Hwang.

Sayang sekali mereka rela turun pangkat mereka dan menganggap sebagai Ahli Majlis Perbandaran sahaja yang mana kita telah ada dua badan Majlis Perbandaran untuk menyelesaikan perkara-perkara semacam itu.

Datuk Speaker, Dewan Rakyat adalah satu tempat yang sesuai

untuk membincangkan perkara berkenaan Patung Kuen Yin. Mereka tidak berbuat ini dalam Dewan Rakyat. Kami pun tak dengar bunyi daripada mereka tapi sampai sini menjadi *hero*, sedikit-sedikit Patung Kuen Yin, Patung Kuen Yin. Seorang yang beragama Kristian — bukan Buddhist — dia bawa perkara ini. Mereka berbuat begitu hanya untuk mencari publisiti politik yang murah dengan membawa perkara yang sudah dibincangkan di dalam Dewan Rakyat sedangkan kuasa ini terletak kepada Jawatankuasa Pembinaan Patung Kuen Yin.

Di sini juga saya mahu mengambil peluang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Rang Undang-Undang ini terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Machang Bubuk. Beliau membuat satu rayuan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menambahkan geran kepada Kerajaan Negeri untuk menjalankan rancangan-rancangan Kerajaan Negeri dan juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain. Terima kasih.

**AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):**

Datuk Speaker, saya bangun petang ini untuk menyokong Undang-Undang Perbekalan (1980), 1979 yang telah dibawakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang dan di sini saya ingin mengucapkan tahniah di atas ucapan beliau.

Jadi, Datuk Speaker, saya suka mengulang balik kepada hari pertama yang mana Dewan ini bersidang pada hari Isnin dan daripada mula itu, Datuk Speaker telah membuat teguran dan telah memberikan nasihat kepada Ahli-Ahli Dewan ini kalau ada perkara-perkara yang Ahli-Ahli Dewan ini tidak berpuashati bolehlah



berjumpa dengan Datuk Speaker atau boleh bangkitkan di dalam Dewan ini. Jadi selepas ucapan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan selepas kita berihat, saya sendiri telah meminta beberapa Ahli-Ahli Dewan ini memberikan ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat bukan sahaja kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan, tetapi juga kepada semua Ahli-Ahli di dalam Dewan ini termasuk juga Ahli-Ahli daripada Pembangkang; tetapi dukacitanya selepas kita menanggungkan mesyuarat pada hari Isnin itu, saya mendapati Ketua Pembangkang, Ahli Kawasan Bukit Glugor, telah membuatkan satu Press Conference kali yang pertama.

**AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):**

Kali ketiga.

**AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):**

Ini kali yang pertama. Jadi, dalam Press Conference itu beliau telah mengatakan atau membuat *complaint* kepada wartawan-wartawan bahawa mereka daripada Parti Pembangkang tidak mendapat ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, tetapi report di dalam *Star*, di bawah itu ada kata Ahli Kawasan Ayer Itam mendapat ucapan tetapi di dalam Bahasa Inggeris. Jadi di situ kita nampak dengan jelasnya Ahli Kawasan Bukit Glugor dan Ahli Kawasan Ayer Itam itu tidak sepakat sepertimana yang kita perhatikan pada hari Isnin pula dan seterusnya pada hari Selasa dan saya berasa sangat dukacita dan kesal di atas sikap-sikap yang ditunjukkan oleh Parti Pembangkang khususnya daripada Parti DAP. Dap itu bukan bermakna DAP *rocket* tetapi saya anggapkan sebagai Delinquents Action Party. Selepas mereka mendapat ucapan daripada Yang Amat Berhormat, mereka tidak langsung

menyentuh fasal Supply Bill ataupun berkenaan dengan ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri itu. Walaupun mereka pada hari Isnin itu mereka berkehendakkan masa untuk membaca, untuk berhujah dan memberikan pandangan-pandangan di dalam Dewan ini tetapi apa yang dibangkitkan oleh ketiga-tiga Ahli Kawasan Paya Terubong, Bukit Mertajam dan juga Kampung Kolam tidak ada kena-mengena langsung dengan apa yang kita bincangkan iaitu berkenaan dengan Supply Bill. Dan pada hari Selasa juga Ketua Pembangkang iaitu Ahli Yang Berhormat Kawasan Bukit Glugor telah menunjukkan sikap yang saya tidak mahu katakan "kurang ajar", sebab Datuk Speaker sendiri kata jangan gunakan perkataan "kurang ajar", tetapi saya akan gunakan perkataan kurang biadap iaitu *disrespectful* kerana tidak langsung menghormati Datuk Speaker. Jadi Datuk Speaker sendiripun telah memberikan boleh dikatakan sangat banyak peluang khususnya kepada Ahli Kawasan Bukit Glugor yang berjanggut tu dan pada pagi tadi kita telah melihat sikap ataupun *behaviour* Ahli Kawasan Bukit Glugor dan saya rasa sangat tepatlah atas tindakan yang telah diambil oleh Datuk Speaker di bawah Seksyen 51(4) dan sampailah masa Ahli Kawasan Bukit Glugor diminta keluar daripada Dewan ini.

Tadi, Datuk Speaker, rakan saya daripada Datuk Keramat ada mengatakan hantu kecil atau hantu berjanggut, tetapi yang sebenarnya, Datuk Speaker biasa tengok gambar Hindustan?

**TUAN SPEAKER:**

Hindustan.

**AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):**

Ya, Hindustan. Semalam saya dapat tengok gambar Hindustan. Jadi dalam gambar itu *hero* itu berjanggut seperti Ahli Kawasan

Bukit Glugor dan dia ada *turban*. tetapi kawan kita ini tidak ada *turban*.

Datuk Speaker, jadi *hero* Hindustan itu, bila dia nak hambat *girl-friend* dia itu, dia selalu pusing-pusing keliling pokok setengah jam atau satu jam. Jadi sikap yang ditunjukkan oleh Ahli Kawasan Bukit Glugor pun begitu, tetapi ada *character* dalam gambar Hindustan itu — yang hantu itu sebenarnya — dia ada janggut tetapi tak ada *turban*.

Jadi balikkah kepada *behaviour* atau sikap yang ditunjukkan oleh Ahli daripada Kawasan Bukit Glugor dan saya pun dapat perolehi satu ucapan kononnya akan dibawakan oleh beliau iaitu ucapan daripada Mr. Karpal Singh dan saya percaya ucapan inipun telah diedarkan kepada semua wartawan. Saya nampak tajuk itu “Budget Speech”. Bersentuhlah sedikit pagi tadi apa yang dikatakan berkenaan *budget speech*. Dari muka 2 sehingga muka 10 itu dia akan menyentuh perkara berkenaan Patung Buddha. Jadi saya nampak Patung Buddha itu telah dijadikan satu perkara yang sangat hebat bagi mereka. Jadi sukalah saya menasihatkan rakan-rakan saya dan pihak Pembangkang kalau tidak puas hati dengan Patung Buddha itu, ada tempatnya sebagaimana yang telah dikatakan oleh rakan saya daripada Datuk Keramat iaitu dibangkitkan masaalah ini di Dewan Rakyat sendiri.

Datuk Speaker, saya suka menegaskan juga di sini bahawa kita sebagai ahli-ahli Kerajaan mengalukan criticism daripada pihak Pembangkang. *We welcome constructive and good criticism* daripada Pembangkang tetapi apa yang kita dapat melihat pada hari pertama dan terutama pada pagi tadi, cuma mereka datang ke sini bukan untuk ber-*debate* dan bukan untuk memberi pandangan ataupun nasihat kepada

Kerajaan berkenaan Supply Bill, tetapi cuma bangun membaca ucapan-ucapan yang bukan dibuat oleh mereka sendiri tetapi dibuat oleh sepertimana yang telah disentuhkan oleh rakan saya daripada Teluk Bahang, daripada orang luar yang dok memberikan pandangan-pandangan itu. Jadi sebab itulah bukan kita ini ketawa atau mengejek-ejekkan ahli-ahli Pembangkang itu. Apabila mereka membaca pun selalu tak tentu mereka faham. Jadi saya suka nasihatlah pihak Pembangkang tak usahlah membangkitkan buat ucapan membaca sampai teruk-teruk, sampai Ahli Kawasan Paya Terubong sampai penat membaca ucapannya itu. Saya ingat eloklah kalau boleh sepertimana yang mereka edarkan kepada wartawan dan juga bagilah kepada pihak kita dan kita tahulah apa yang hendak dibuat dengan ucapan itu dan kita akan terus masukkan ke dalam tong sampah.

Jadi di sini, Datuk Speaker, saya cuma hendak menjawab satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sungai Bakap dan Yang Berhormat daripada kawasan tersebut telah membuat teguran secara umum tentang kelewatan memberi milik kepada penduduk-penduduk di perkampungan baru New Village, dan sukalah saya meminta kepada Yang Berhormat berkenaan supaya kalau boleh kemukakan kes-kes tersebut itu kepada Pengarah Tanah dan Galian ataupun terus kepada saya supaya tindakan segera dapat diambil. Dan di sini juga saya suka menerangkan kepada Ahli tersebut bahawa permohonan daripada penduduk-penduduk perkampungan baru adalah terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

- (i) Penduduk asal;
- (ii) Anak penduduk asal; dan
- (iii) Lain-lain permohonan.

Bagi bahagian (i), iaitu penduduk asal itu, bayaran yang dikenakan ialah *nominal* \$1.00 sahaja; dan bagi

lain permohonan, bayaran ialah mengikut *premium* berdasarkan kepada harga pasaran yang telah ditetapkan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Namun demikian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga melayan sebarang rayuan yang telah diterima mengikut *merits of the case*.

Di sini juga, Datuk Speaker, ada satu soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Kawasan Bukit Mertajam berkenaan dengan Keretapi Bukit Bendera. Jadi pada 14hb. Februari, 1974, pejabat ini telah menerima sepucuk surat daripada Pengurus Keretapi Bukit Bendera yang menyampaikan ulasan-ulasan Penasihat Undang-Undang Negeri mengenai taraf kakitangan Keretapi Bukit Bendera. Dengan demikian, pada bulan Mei, 1974, Kerajaan telah menulis kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak yang berkenaan dan nasihat yang diterima oleh Peguam Negara Malaysia telah mengatakan pendapat beliau bahawa pekerja-pekerja Keretapi Bukit Bendera Pulau Pinang adalah pegawai Kerajaan Negeri dan kita pun telah mengadakan beberapa perbincangan dan masaalah ini saya percaya akan diselesaikan tidak lama lagi.

Sekian, terima kasih.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbincangan Usul yang saya cadangkan bagi tahun 1980. Khususnya saya menarik perhatian Dewan ini kepada Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Sungai Pinang, Penanti dan juga Yang Berhormat Ahli Daripada Kawasan Sungai Dua sebablah mereka serta-merta telah bangkit untuk membahaskan ucapan saya.

Saya mengambil perhatian Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan ini sebablah ada satu perkara yang bangkit yang saya sendiri fikir tidak

digunakan. Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam telah menuduh dengan saya sebablah ucapan saya, kata beliau, tidak diluluskan oleh semua Ahli-Ahli. Ini, nampak saya, ialah satu silap mata — *trick of the hand* — yang mana Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam telah mengadakan satu *Press Conference* tetapi dia tidak ada apa-apa modal dan membawa perkara ini.

Apa yang sesungguhnya yang dijalankan hari ini ialah selepas ucapan saya, kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan telah memberi satu salinan ucapan saya kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, tetapi ucapan saya ialah dalam bahasa Inggeris. Itu apabila mereka telah meminta, dan-dan satu salinan *translation* bahasa Inggeris pun telah diberikan. Tetapi Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam hendak buat satu permainan politik dan beliau terus telah mari meminta daripada saya. Bolehkah saya dapat satu salinan ucapan saya? Dan saya dan-dan menjawab tidak faham apa mereka telah sedia permainan. Saya jawab boleh. Terus saya minta dengan pegawai, bagilah satu salinan ucapan saya. Tetapi apa yang dikeluarkan oleh surat khabar bahawa Kerajaan tahan, dan takut apa yang kita buat ucapan atau apa yang kita buat tidak diberi kepada Ahli-Ahli. Itu saya ingat tidak digunakan dan tidak betul.

Apa yang saya hendak tunjukkan ialah Kerajaan Negeri ialah satu Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab. Bukan kita hendak berbohong dengan rakyat atau apa-apa. Lebih-lebih lagi sedih saya sebab selepas kita telah memberi salinan ucapan saya dan lain-lain — selepas 3 hari, 24 jam, 36 jam, 48 jam — nampak saya mereka tidak mengkaji sungguh-sungguh apa yang telah kita ucapkan dan mereka telah membawa beberapa perkara yang tidak digunakan di dalam Majlis ini.



Nampak saya, Tuan Speaker, adalah dua-tiga pihak ucapan balas saya dan saya minta sedikit masa dalam Dewan ini.

Pertama sekali saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua dan semua sahabat-sahabat saya dari Parti Barisan Nasional, dan perkara-perkara yang telah dibawa kepada Dewan ini Kerajaan telah mengambil perhatian.

Kepada Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Sungai Dua, saya haraplah jawapan daripada rakan saya Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang telah cukup, tetapi sesungguhnya pun masaalah kedudukan petani, tanah yang tinggal tidak ditanam padi, masaalah kaum tani dan keadaan air dan masaalah tikus, itu semua pun kita telah mengambil perhatian. Saya tahu Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua, dan bila beliau bekerja rapat dengan saya dan sekarang pun sungguhpun kita duduk dua belah dalam Dewan ini tetapi berkaitan dengan masaalah-masaalah di dalam kawasan beliau kita selalu bekerja rapat dan bekerja sebablah kita selalu menjaga dengan faedah rakyat di mana-mana pun di dalam Negeri Pulau Pinang.

Dan kepada Ahli-Ahli yang tidak ada di dalam Dewan ini pada masa sekarang — Parti Pembangkang DAP — saya rasa satu perkara yang saya ambil perhatian ialah Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor telah tidak terima keputusan yang Tuan Speaker buat pagi ini. Mereka kata di dalam Dewan ini tidak ada demokrasi. Itu saya ingat tidak betul sebablah saya rasa Tuan Speaker sendiri telah mencuba dua hari hendak bagi peluang kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli daripada DAP mengambil bahagian yang betul di dalam Dewan ini, tetapi nampak saya mereka tidak ada cukup pengalaman, tidak ada cukup kebolehan dan tidak ada cukup permodalan dan

oleh sebab itu mereka telah bermain politik yang kasar.

Macamana pun, dalam pengalaman saya di dalam Dewan ini, saya ingat semua saudara-saudara pun telah terima, saya sungguh seorang yang ada satu pengalaman di Dewan ini sebelum merdeka sampai sekarang iaitu lebih-kurang 30 tahun. Dan nampak saya taraf Pembangkang atau taraf ucapan-ucapan Pembangkang daripada Ahli-Ahli DAP masa sekarang adalah yang bodoh sekali dalam pengalaman saya. Ini saya dapat tahu macamana susah seorang ahli Pembangkang mesti bertanggungjawab sebab di masa yang kita bahas — masa penjajah — kita membahaskan perkara-perkara untuk kemerdekaan negeri kita. Bukannya senang kita mendapat peluang. Bukanlah issue-issue yang hendak dibawa pada masa itu yang senang sekali sebab masa itu ada banyak orang yang pandai dalam Bahasa Kebangsaan — sekarang Bahasa Melayu — tetapi tidak dapat peluang bercakap sebab tiap-tiap kali kita bangun di dalam Dewan masa itu, kita mesti cakap dalam Bahasa Inggeris. Tetapi macamana pun, sebab semangat kita untuk bekerja dan untuk kemerdekaan negeri kita dan rakyat kita, kita mengambil bahagian dan bahasan.

Dan saya pun tidak lupa di masa Barisan Sosialis menjadi Parti Pembangkang masa sahabat saya Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat yang tersebut yang bila kita duduk di tempat Pembangkang dan semasa DAP dulu semasa Yang Berhormat Yeap Ghim Guan dan semasa Mendiang Yang Berhormat Ong Yi How yang mana kita mesti bertanggungjawab, kita terus bahas tetapi bahas kepada masaalah yang ada di depan saja. Sebab itu, saya haraplah Yang Berhormat Ahli-Ahli Kawasan Bukit Glugor, Ayer Itam, Paya Terubong, Pekan Bukit Mertajam, Kampong Kolam dan kesemua

Ahli-Ahli mengambil masa yang sekarang ada sejuk sedikit hati mereka dan balik sesungguhnya sedia masuk dalam Dewan ini bekerjasama dengan Ahli-Ahli yang bertanggungjawab.

Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bertanggungjawab untuk faedah rakyat kita. Apa yang kita bahaskan dan apa yang saya telah bawa ialah menunjukkan seterusnya apa tanggungjawab Kerajaan Negeri. Ini ada di dalam buku ini, tapi sungguhpun buku ini — Kertas Risalah Bilangan 2 — ada Risalah Bilangan 3 sama sekali. Tadi Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Ayer Itam hendak menunjuk berapa teliti beliau telah mengkaji masaalah ini dan membangkitkan di manakah Kerajaan Negeri ada efficiency dan di manakah kebolehan Kerajaan Negeri, dan dia kata dalam Rancangan Malaysia Ketiga kita tidak membuat itu dan tidak membuat ini. Tetapi itu bukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam Risalah 3 ialah Anggaran Pembangunan Tahun 1980. Itu pun silap mata.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):**

Itu tidak faham.

**KETUA MENTERI:**

Bukan tidak faham. Ini bukan orang tidak faham. Ini bukan orang yang tidak ada pelajaran. Ini orang Peguam. Ini orang pandai tetapi pandai dan ambil pandai akal dia dan tipu dengan rakyat. Macamana mereka tidak tipu dengan rakyat? Berapa perkara yang telah berbangkit saya tidak payah bawa. Dalam masaalah patung, Tuan Speaker telah mengambil keputusan dalam perkara ini dan kita telah berbincang di dalam Dewan ini. Tetapi bukan saya takut hendak berbincang atau membahaskan perkara ini. Bila-bila pun jika Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam membawa perkara atau hendak membahaskan, kita boleh berbahas dengan mereka, tetapi sungguh ini perkara yang tidak sangkut

di dalam Dewan ini. Perkara ini perkara swasta. Perkara ini telah ditanggungjawab oleh satu jawatankuasa swasta dan mereka, saya tahu, adalah semua orang kenamaan dan orang yang ada kepentingan di dalam negeri kita. Mereka boleh mengambil keputusan mereka sendiri. Tetapi apa yang dibawa di sini ialah Kerajaan Negeri tidak adil, tidak patut, tidak ikut dengan Perlembagaan dan telah menahan dengan rakyat kita sebablah kita telah merujuk atau telah silap dan tidak menjalankan Article 3 dan Article 11 di dalam Perlembagaan Persekutuan. Itulah tujuan mereka. Tujuan DAP ialah tujuan yang sensitif, tetapi mereka tidak berani cakap apa yang ada dalam hati mereka. Sebab itu mereka adalah frustrated. Dia tidak boleh cuba, sebab itu dia mencabar dengan Tuan Speaker. Dia mencabar akan peraturan-peraturan Dewan ini. Apa yang mereka berani bercakap, mereka ingin main politik yang sensitif, memecah-belahkan masyarakat kita dari segi ugama. Dan ini bukan orang pandai tetapi seperti Yang Berhormat sebut tadi, hantu.

Ada satu cerita, Tuan Speaker. Saya minta Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam dan Bukit Glugor jangan menjadi monyet di dalam cerita kebudayaan Tionghua. Saya sungguh kata, saya tidak berapa pandai, tetapi cerita Si Yu Chee ialah cerita satu lawatan kepada Kuan Yin. Ada satu monyet. Monyet ini selalu cabar dengan Kuan Yin. Dia lebih lagi besar, tetapi ada satu *story* yang saya sekarang ingat balik, yang monyet itu hendak tunjuk dia lebih besar dari Kuan Yin. Dia kata, "Nah! saya boleh lompat macam ini jauh. Bolehkah ikut saya? Pom! Dia lompat sampai keluar sana (ketawa). Tidak boleh lompat. Lima-lima, satu, dua, tiga, empat, lima sampai dia tengok lima patung besar. Dia cakap saya telah lompat sampai akhir dunia. Tidak ada lagi siapa boleh sampai. Tetapi mereka bersikap se-

perti monyet ini dalam cerita ini tidak baik. Nah! Dia sampai kelima, dia korek bawa satu tanda dia telah sampai jauh macam ini jauh dan lebih daripada itu dia duduk kencing sana (ketawa).

Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam tengoklah ada kata. Jangan, janganlah bawa masalah kebudayaan, sampai bawa masalah keturunan, jangan bawa masalah perkauman ingin hendak *belittle* atau perkecilkan orang lain. Ini tidak betul.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong bawalah masalah Sekolah Hun Ming, masalah Article 152(l)(b). Kata beliau apa Yang Berhormat — dia pun tidak panggil saya. Apa “dia” dia sebut saya — apa “dia” dibuat dahulu ialah dialah hero atau tokoh pelajaran Cina di tahun enam puluhan. Sekarang apa dia buat? Dia tanya saya. Apa yang saya kata satu masa ke satu masa, satu orang mesti menjalankan tanggungjawab dalam sejarah. Tanggungjawab ini kita tidak boleh lari. Apa yang kita perdaya, apa yang mesti dibuat kita mesti buat. Apa yang terjadi itu hal orang. Tetapi apa yang saya sendiri ingat balik beliau tidak payahlah kecilkan saya. Apa yang saya kata, jika bukan saya yang ambil tindakan masa itu — tahun 1956 sampai tahun 1960 — barangkali sekolah itu tidak ada untuk dibahaskan hari ini. Masalah yang penting di masa itu ialah ada rakyat takut macamana selepas merdeka kita bolehkan menjaga dengan faedah mereka, dan saya kata jangan takut, sekolah kita lagi ada; sampai hari ini pun ada. Tetapi bila ada sekolah, kita ada lain-lain perkara dan ada lain-lain masalah yang timbul, seperti masalah kewangan, sekolah, masalah murid-murid dan masalah dadah, tetapi sekolah itu ada sampai sekarang.

Saya bukan seorang yang mahu cari publisiti, tetapi kalau siapa yang

tahu sejarah Negeri kita, saya terus boleh kata saya ada campur tangan dengan *drafting Clause 152(l)(b)*. Kalau tidak saya campur tangan itu, barangkali Yang Berhormat Kawasan Paya Terubong tidak ada di sini untuk berbahas. Itu tanggungjawab saya di tahun 1960. Saya harap Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong ingin sekarang daripada tahun 1980 sampai tahun 1990 atau lagi jauh. Saya harap beliau ada harapan jauh dan sesungguh bekerja untuk rakyat. Tapi jangan buat silap kita mesti berani dan bertanggungjawab apa yang hendak dicakapkan. Cakap terus, tetapi jangan kita salah faham dengan orang lain. Apa yang betul, cakap. Jangan buat macam ini hendak perkecil dengan saya. Apa yang saya telah buat telah masuk dalam sejarah. Saya harap Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong ada satu sejarah dan ada satu rekod yang baik. Janganlah satu rekod yang selalu keluar saja.

Walau bagaimanapun, perkara yang berbangkit ialah bukan perkara Hun Ming. Apa yang Kerajaan Negeri telah luluskan sekarang ialah sekolah itu mengutip wang dan telah mendapat pertolongan daripada sahabat-sahabat kita di dalam Dewan ini. Patung pun telah dibina. Jadi macamana Kerajaan Negeri telah memperkecilkan kuatkuasa rakyat Negeri Pulau Pinang mengikut Perlembagaan? Ini ada dijalankan di dalam Negeri Pulau Pinang. Saya harap Yang Berhormat Ahli-Ahli Kawasan Ayer Itam ataupun Bukit Glugor tak usah baca kepada perkara artikal-artikal Perlembagaan dan tak usah menjadi seorang yang mempunyai *status* peguam dan orang “Yang Berhormat” dan ada pelajaran tetapi menjadi seorang peguam yang dalam *status* itu menipu dan berbohong kepada rakyat bahawa negeri ini tidak mengeluarkan wang peruntukan pembinaan sekolah-sekolah sedang di dalam kuatkuasa kita mengikut



undang-undang yang kita ada luluskan di sini.

Mengikut Perlembagaan Negara dan mengikut Perlembagaan Negeri, kuatkuasa kita tidak ada peruntukan pembinaan sekolah-sekolah. Masaalah pelajaran adalah termasuk di dalam Perlembagaan, Jadual ke 9, item ke 13. Kalau tidak betul, baca buku ini. Saya ingat tak silap, pelajaran ialah termasuk di dalam Jadual ke 9, Federal List. Sebab itu jika Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Glugor dan Kawasan Ayer Itam ingin satu hari menjadi Kerajaan Negeri — itu betul, semua Parti Pembangkang pun ada harapan semacam itu, kalau tidak ada harapan itu mereka boleh pulang — kalau mereka sungguh-sungguh ada satu harapan semacam itu, mereka mesti bawa keterangan kepada rakyat apa yang ada. Janganlah baca di sini tapi tak membaca di belakang. Janganlah baca di sini tapi tidak membaca apa yang ada di depan. Inilah saya kata orang yang tipu kepada rakyat dan satu hari rakyat tentu tahu. Janganlah ambil peluang semacam ini bermain-main, satu perkataan saya dengar tiga-empat kali ialah "main-main". Kita mari sini bukan untuk bekerja. Sebab itu apa yang saya rasa sedih ialah selalu Parti DAP masuk dalam Dewan ini bukan saja kacau tapi buang masa Dewan ini.

Tuan Speaker, adalah dua-tiga perkara yang saya mesti jawab balik sebab ini bagi keterangan Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam telah membangkitkan tentang jumlah \$320 juta lebih ini yang kata dia tidak akan dibelanjakan oleh Jabatan Kerajaan Negeri dan lain-lain. Tetapi peruntukan ini ialah di bawah Anggaran Pembangunan Negeri, dan peruntukan ini bukanlah peruntukan kewangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Saya beri keterangan tadi, apa yang jadi ialah sehingga hujung tahun 1978, seba-

nyak \$473.2 juta ataupun 52.9% daripada peruntukan keseluruhan Rancangan Malaysia Ketiga telah dapat dibelanjakan oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan di peringkat negeri. Itu yang betul dan baki \$320.7 juta yang tidak dapat dibelanjakan di bawah Anggaran Pembangunan Negeri bagi tempoh tahun 1976 sampai 1980 adalah disebabkan oleh peruntukan kewangan yang belum diperolehi daripada Kerajaan Pusat serta juga peruntukan-peruntukan projek yang telah dikaji semula kesesuaian dan belum ditetapkan untuk perlaksanaan. Itulah yang betul.

Lagi ada satu perkara yang dibangkitkan iaitu masaalah perumahan untuk PDC. Teguran utama yang dibuat mengenai sekim perumahan yang dilaksanakan oleh PDC ialah kekeciwaan mengenai pelaksanaan Perbadanan di dalam mencuba memenuhi keperluan untuk perumahan di dalam masa genting di dalam negeri ini. Lagi satu teguran yang dibuat ialah keraguan tentang samada sejumlah 3,500 yunit itu dapat dibina. Ini Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Paya Terubong telah berkata saya telah membuat satu Press Conference di mana saya bohong kepada rakyat, tetapi saya telah mengkaji balik Press Conference saya pada 7hb. September yang keluar di surat khabar pada 8bh. September, langsung tidak mengikut apa yang beliau kata. Saya haraplah beliau jangan bohong kepada rakyat dan jangan bohong dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini mengenai perkara yang telah saya bincangkan di dalam Press Conference itu. Tapi apa beliau hendak buat ialah memperkecilkan kebolehan Kerajaan Negeri. PDC telah memulakan rancangan perumahannya di satu projek yang memenuhi 864 yunit bagi jangka masa tahun 1975 sampai 1976. Yunit ini telah dibina di Bayan Baru dan Bandar Seberang Jaya dan di dalam memulakan projek ini, Per-

badanan Pembangunan Pulau Pinang telah membuat persediaan untuk membolehkannya terlibat secara aktif di dalam rancangan-rancangan perumahan di Negeri Pulau Pinang dan telah didapati bahawa terdapat kekurangan sebanyak 50,000 buah rumah. Ini memerlukan satu program pembinaan yang hebat untuk mengatasi kedudukan keperluan perumahan dalam Negeri Pulau Pinang. Sifat tertentu struktur ekonomi negeri ini telah diketahui. Keraguan telah timbul tentang samada kontraktor-kontraktor, pembekal-pembekal barang-barang pembinaan serta pekerja-pekerja pembinaan mampu menghadapi dan memenuhi harapan Kerajaan untuk mencapai matlamat dalam bidang perumahan. Oleh yang demikian adalah perlu segala usaha diambil supaya menggalakkan semua komponen dan faktor-faktor yang terlibat di dalam perusahaan pembinaan dan perumahan supaya satu usaha tegas dapat diambil bagi menghadapi cabaran kekurangan perumahan di negeri ini.

Tuan Speaker, bagaimanapun saya suka menyebut di sini bahawa sungguhpun syarat-syarat dan faktor-faktor yang terdapat ini Kerajaan Negeri dan agensi pembangunan yang utamanya, iaitu PDC, adalah sekarang bekeupayaan mencapai matlamat yang telah ditentukan di dalam bidang menyediakan kemudahan perumahan bersama dengan agensi-agensi Kerajaan Pusat seperti MBSB dan dasar-dasar pinjaman perumahan kerajaan, masalah-masalah rumit mengenai kekurangan *initial finance*, *bridging finance* and *end finance* telahpun diatasi sedikit demi sedikit oleh Kerajaan Negeri dan agensi pembangunannya, PDC. Saya harap Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam sungguhpun beliau bekerja dalam bank tapi nampak saya beliau bawa perkara pembinaan, beliau tidak ada pengalaman langsung. Sebagaimana yang kita telah tetap-

kan, sebanyak 3,500 yunit bagi setahun adalah satu matlamat yang realistik. Lagi, Yang Berhormat Yang Berhormat Ahli dalam Dewan ini beberapa kali saya telah bagi keterangan. Pada masa yang lampau dan saya telah membuat beberapa pengumuman bahawa PDC telah siap membina 2,640 yunit dan sedang dalam proses membina sebanyak 2,254 yunit lagi, dan pada ketika ini tender-tender sedang diproses bagi pembinaan sebanyak 2,270 yunit lagi. Ini ialah apa yang kita sekarang telah sampai kebolehan di dalam negeri ini untuk membina rumah-rumah.

Masalah KOMTAR sungguh tidak masuk dalam Anggaran Belanjaan, tetapi sebablah perkara ini telah dibawa beberapa kali untuk bahasan oleh Yang Berhormat Ahli kawasan Kampong Kolam sahaja, saya ambil peluang di sini untuk menjawab semua tapak yang kita ada di dalam KOMTAR di dalam peringkat 1A telah di *occupied* atau telah diambil oleh penduduk-penduduk di dalam KOMTAR. Tidak ada satu kaki persegi pun yang kosong, sebab itu Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam tidak faham apa yang telah dijalankan dalam KOMTAR dan telah membawa perkara ini untuk memperkecilkan Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang. Tapi apa yang sungguh tidak ada ialah PDC telah mencapai satu perolehan yang besar sekali.

Tuan Speaker, masalah Bukit Jambul dan lain-lain ada bersangkutan dengan masalah pembangunan dan bila kita membahaskan Anggaran Pembangunan, saya harap bahawa perkara ini dijawab di masa itu.

Tuan Speaker, saya ucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli-Ahli yang telah mengambil bahagian di dalam bahasan Usul saya dan saya harap pun Yang Berhormat Ahli-Ahli Parti DAP bagi sedikit *excitement* tapi tak payah bawa perkara-

perkara yang langsung tidak digunakan di dalam perbahasan ini.

Soalan dikemukakan dan diperse-  
tujui.

(Ahli-Ahli Parti DAP, kecuali Y.B. Encik Karpal Singh, masuk kembali ke dalam Dewan dan mengambil tempat di kerusi masing-masing.)

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-Undang dalam Jawatankuasa Perbekalan.

Wang sebanyak \$6,070,560.00 untuk Kepala B.1 menjadi sebahagian daripada Jadual.

.....  
**AHLI KAWASAN AYER ITAM**  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, Tuan Speaker tidak tanya ada orang mahu *debate*? Tidak ada cakap.

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM** (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, tidak beri kebenaran untuk berbahas?

**TUAN SPEAKER:**

Saya sudah membawakan Kepala B. 1 dan telah dipersetujui. Sekarang dalam Perkara B. 2.

.....  
Wang sebanyak \$1,081,760.00 untuk Kepala B. 2 menjadi sebahagian daripada Jadual.

.....  
**KEPALA B. 3**

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM** (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, saya bangun untuk merujuk kepada muka surat 34, Maksud Bekalan 3.A — Pejabat Daerah dan Tanah — 1100, di bawah kepala Gaji dan Upahan, Aktiviti No. (1). Tuan Speaker, saya mahu berucap berkenaan dengan Rukun Tetangga di Pulau Pinang.

**TUAN SPEAKER:**

Sekarang, Yang Berhormat, kita sampai ke B. 3, Daerah dan Tanah

\$2,734,800.00.

.....  
Wang sebanyak \$2,734,800.00 untuk Kepala B. 3 menjadi sebahagian daripada Jadual.

.....  
**KEPALA B. 4**

**AHLI KAWASAN AYER ITAM**  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, tadi Kepala B. 3 orang mahu cakap diberhentikan.

Muka surat 75, 1100, Tuan Speaker — Parit dan Taliair Negeri — *Administration*, iaitu *allocation salary and wages officials* Pejabat Parit dan Taliair. Tuan Speaker, apakah tujuan Department ini? Tujuan Department ini adalah untuk menjaga parit-parit dalam negeri. Satu tujuan Department ini mestilah menjadikan *environment* yang baik di dalam 10 tahun. Banyak parit-parit di dalam negeri ini sudah tidak *trenched* dan dengan itu bila hujan atau *heavy rain*, air tidak boleh lari di dalam parit-parit ini sebab air-air banjir masuk *housing estates* dan rumah-rumah orang dan jalan-jalan pun kereta-kereta tidak boleh jalan.

**KETUA MENTERI:**

Tuan Speaker mengikut Peraturan 110 dalam semua bahagian, kita sekarang dalam jawatankuasa untuk bekalan dan apa masaalah yang berbangkit yang terus hendaklah dirujuk kepada perkara yang ada, tidak lagi buang masa. Saya tahu Ahli Yang Berhormat dari kawasan Ayer Itam masuk ke dalam Dewan ini hendak kacau dan membuang masa, tetapi kalau hendak membuang masa, buang masa yang tertentu. Jangan lagi mari di sini buang masa kita sebab Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam berasa tidak puas hati, tetapi bawalah perkara yang ditunjuk apa yang di dalam perkara 1100.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM**  
(ENCIK PETER PAUL DASON):



Tuan Speaker, ini Committee Stage, polisi Department ini mesti *be debatable*. Pemimpin-pemimpin Department ini ialah kakitangan-kakitangan Kerajaan.

**TUAN SPEAKER:**

Yang Berhormat, apakah teguran Yang Berhormat mengenai Kepala B. 4 mengenai Parit dan Taliair?

**AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):**

Itulah sekarang saya cakapkan. Polisi Department itu kita ada kuasa dan ada hak untuk *question*. Ini dalam Committee Stage, bukan *general policy second reading*. Ini Committee Stage dan tiap-tiap polisi Department itu kita mesti *question*.

**TUAN SPEAKER:**

Apa *question* nya?

**AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):**

*Question* nya ini. Tidak menjaga parit-parit yang pasirnya banyak, *silting takes place, flooding takes place*, parit-parit dan sungai-sungai tidak bersih dan jikalau pergi ke Sungai Pinang boleh didapati cukup kotor. Tujuan Department ini mestilah menjaga *health* orang-orang juga. Ada satu tujuan. Tiap-tiap Department ada tujuan. Department ini mesti menjaga *health* orang-orang di negeri ini. Jikalau parit-parit ini tidak bersih, tidak korek atau *trench, health* orang-orang yang duduk di dekat-dekat parit-parit ini akan *affected*. Jikalau Ketua Menteri memberitahu Dewan ini tujuan Department Parit dan Taliair bukan untuk menjaga parit, tidak peduli apa macam parit bersih atau tak bersih, ada *affect health* orang atau tidak, saya mengaku dan saya duduk.

**TUAN SPEAKER:**

Dalam Perkara B. 4 telah pun diterangkan peruntukan-peruntukan.

**KETUA MENTERI:**

Tuan Speaker, saya mengambil perhatian Yang Berhormat Ahli-Ahli.

Bila saya bentangkan Risalah-Risalah Anggaran Belanjawan Mengurus Kerajaan Negeri Pulau Pinang pun telah sama sekali dibentangkan. Dalam muka surat 75 semua tujuan-tujuan berikut telah ada.

Jika Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam ingat hendak buang masa di Dewan ini sebab beliau hendak buat kacau-kacau, ini semua telah dibentangkan. Tak payah buat kacau-kacau. Semua orang tahu tujuan Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam. Dia sahaja hendak buat kacau dan membuang masa di Dewan ini sebab tidak ada sikit permodalan yang laku yang berguna untuk Dewan ini. Ini saya kerap kali berkata sebab bila Yang Berhormat Ahli dari Ayer Itam duduk dalam Majlis di sini janganlah bikin "monyet". Inilah satu perkara yang telah kita bentangkan dan terus dalam sejarah Dewan ini dan tidak ada satu ahli pun telah membuang masa di Dewan ini seperti apa yang dijalankan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam.

**TUAN SPEAKER:**

Yang Berhormat berkehendakkan keterangan, jadi Yang Amat Berhormat telah pun memberi keterangan mengenai Kepala B. 4 dari segi perbelanjaan dan sebagainya untuk sekian-sekian.

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Tuan Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada mengatakan rakan saya dan merujuk dia kepada "monyet". Saya harapkan Ketua Menteri menarik balik perkataan itu.

**TUAN SPEAKER:**

Kita sekarang berada di dalam Kepala B. 4 — Parit dan Taliair.

**AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):**

Datuk Speaker, sebelum kita terus, saya minta Yang Berhormat daripada Kawasan Ayer Itam baca

110. Tolong baca. Kita sekarang ini dalam perkara Committee Stage Financial Provision. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak membuat pindaan kepada *provision* itu, tolong baca. Datuk Speaker boleh bagi masa 10 minit untuk membaca, untuk membuat pindaan atau pun *amendments* kepada tajuk itu, tolong baca 110. Saya merayu kepada Ahli Kawasan Ayer Itam.

TUAN SPEAKER:

Kalau ada apa-apa pertanyaan, boleh kemukakan.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Pengerusi, ..... (gangguan).

Are we not in the Committee Stage? Then is it Tuan Speaker or Tuan Pengerusi?

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
(DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Tuan Speaker jadi pengerusilah.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Saya kata tuan pengerusilah.

TUAN SPEAKER:

Sekarang saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat yang keempat-empat orang yang baru masuk ini mestilah berfikiran tenang dan penuh kesabaran. Jangan mengikut emosi.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Pengerusi, apa yang saya airan ialah semasa *second reading*. Kalau orang cakap *detail*, dia orang cakap tidak boleh sebab *second reading, Committee Stage*. Waktu Committee Stage, mau cakap *detail* dia kata tidak boleh juga. Saya cukup hairan kenapa Ahli-Ahli Exco berbuat begitu. Jikalau Tuan Speaker *insist* saya tidak boleh bercakap di dalam Kepala B. 4, Parit dan Taliair, saya *accept the ruling* dengan *protest*.

TUAN SPEAKER:

Minta duduk, ya. Bila membuat

pertanyaan atau teguran atau pindaan, bukannya kita hendak membincang atau membahaskan masalaahnya.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Saya tidak panggil sesiapa nama-nama. Saya harap Ketua Menteri pun tak usah panggil orang nama-nama.

Tuan Speaker, saya mahu tahu, Kerajaan bolehkah *trench* sungai Kampong Balik Batu dan Tanjung Tokong di kawasan saya kerana selalu ..... (gangguan.)

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, sudahkah Yang Berhormat menyelidiki di atas kandungannya? Adakah disebutkan Tanjung Tokong?

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
(DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, saya minta Penasihat Undang-Undang Negeri memberi penjelasan sedikit sebanyak kepada Ahli-Ahli Pembangkang yang tidak tentunya faham berkenaan 110 mengenai apakah yang patut kita buat pada masa sekarang. Kita cuma boleh membuat *amendment*.

Saya minta penjelasan daripada Penasihat Undang-Undang Negeri.

PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI (ENCIK HAIDER BIN MOHD. NOOR):

Tuan Speaker, pada pendapat saya, sekarang kita berada di dalam *Committee Stage*, dan mengikut peraturan 110, pada pendapat saya Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak patut membahaskan melainkan Ahli Yang Berhormat hendak pindaan peruntukan-peruntukan yang telah kita bangkitkan. Boleh buat pindaan sahaja.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, saya pun telah menyatakan tadi.

.....

Wang sebanyak \$4,128,740.00 un-

tuk Kepala B.4; \$247,070.00 untuk Kepala B.5; \$365,840.00 untuk Kepala B.6; \$1,064,550.00 untuk Kepala B.7; \$10,646,330.00 untuk Kepala B.8; \$846,650.00 untuk Kepala B.9; \$842,560.00 untuk Kepala B.10; \$386,750.00 untuk Kepala B.11; \$2,089,090.00 untuk Kepala B.12; \$1,276,590.00 untuk Kepala B.13 dan \$1,213,850.00 untuk Kepala B.14 menjadi sebahagian daripada Jadual.

**Jadual, Fasal 1 dan Fasal 2, tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.**

**Dewan bersidang semula.  
Bacaan Yang Ketiga**

**KETUA MENTERI:**

Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan (1980), 1979, telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

**Soalan dikemukakan dan diperse-  
tujui.**

**Rang Undang-Undang kini dibaca-  
kan bagi kali yang ketiga serta  
diluluskan.**

**Dewan ditangguhkan pada jam 5.05  
petang.**

**Dewan bersidang semula pada jam  
5.35 petang.**

**5. USUL-USUL.**

**(A) Usul oleh Y.A.B. Ketua  
Menteri:**

**KETUA MENTERI:**

Tuan Speaker, saya mohon men-  
cadangkan:

“Bahawa Dewan ini meluluskan per-  
belanjaan sebanyak \$59,069,600.00  
yang terkandung di dalam Anggar-  
an Pembangunan, 1980, yang di-  
bentangkan sebagai Risalah Dewan  
Undangan Negeri Bil. 3 Tahun

1979 dan menetapkan bahawa jum-  
lah wang tersebut hendaklah diper-  
gunakan bagi tujuan-tujuan yang  
ditetapkan di dalam Anggaran  
Pembangunan 1980 itu.”

Tuan Speaker, Usul ini bertujuan  
memohon kuasa Dewan Undangan  
untuk membelanjakan sejumlah  
\$59,069,600.00 sebagaimana yang di-  
kehendaki dalam seksyen 4(1) Akta  
Pembangunan, 1966, seperti yang  
dapat digunakan pada Negeri Pulau  
Pinang oleh Seksyen 9 dalam Akta  
yang sama.

Bagi tahun 1980, Kerajaan Negeri  
bercadang membelanjakan sebanyak  
\$59,069,600.00 melalui Kumpulan-  
wang Pembangunan dan punca-punca  
Kumpulanwang ini adalah terkand-  
ung di muka 203 Risalah Bil. 3  
Tahun 1979. Daripada jumlah per-  
belanjaan yang dicadangkan itu, se-  
banyak \$22,841,410.00 adalah dari-  
pada pinjaman-pinjaman dari Keraja-  
an Persekutuan dan perbelanjaan lain  
sebanyak \$36,228,190.00 akan dibe-  
lanjakan sebagai perbelanjaan secara  
langsung.

Anggaran Pembangunan untuk  
tahun 1980 memperuntukkan kura-  
ngan sebanyak \$504,260.00. Adalah  
perlu untuk kita memperuntukkan  
bagi jumlah anggaran perbelanjaan  
termasuk kurangan kerana projek-  
projek yang dikendalikan untuk per-  
laksanaan dalam tahun 1980 oleh  
Kerajaan Negeri perlu dibiayai de-  
ngan peruntukan wang yang diper-  
olehi oleh Kerajaan Negeri secara  
pinjaman-pinjaman ataupun dari ke-  
lulusan pinjaman-pinjaman daripada  
pihak-pihak Berkuasa Persekutuan.  
Jika kita tidak menyediakan dari  
sekarang peruntukan untuk projek-  
projek ini ke dalam Anggaran Pem-  
bangunan kita, maka kita mungkin  
tidak berupaya untuk berunding de-  
ngan Pihak-Pihak Berkuasa Perse-  
kutuan yang berkenaan untuk men-  
dapatkan peruntukan wang yang  
akan diperlukan bagi pelaksanaan  
projek-projek itu. Kurangan yang



kecil ini menunjukkan keazaman Kerajaan untuk mengawal dengan lebih ketat lagi belanjawan yang berasaskan kepada prestasinya.

Tuan Speaker, Hasil Pembangunan Negeri tahun 1980 dijangka bertambah sebanyak \$13,567,610.00. Jumlah ini terdiri daripada \$9,569,610.00 yang dibiayai oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri melalui pembayaran ansuran pinjaman serta \$3,998,000.00, yang akan diterima daripada Kerajaan Persekutuan melalui Pemberian Pertambahan Hasil yang baru yang akan dibayar kepada Kumpulanwang Pembangunan Negeri. Tanpa punca hasil tambahan ini, Kerajaan Negeri akan mengalami kekurangan sebanyak \$14,071,870.00.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada apa yang saya telah huraikan ketika saya mengemukakan Belanjawan-Belanjawan tahun 1978 dan 1979 yang lalu. Pada masa-masa itu saya telah menyatakan bahawa Perbadanan pembangunan Pulau Pinang tidak lama lagi akan dapat menyumbangkan wang yang akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Negeri yang Disatukan serta memenuhi salah satu objektif asasnyanya iaitu membayar balik pinjaman dan bayaran-bayaran pinjaman di mana Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah mengambil alih daripada Kerajaan Negeri. Jumlah sebanyak \$9,569,610.00 yang sedang kita memperuntukkan ini sebagai hasil pembangunan 1980 menunjukkan bahawa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah meningkat ke satu peringkat di mana ianya bukan sahaja dapat menjaga dirinya sendiri bahkan juga mampu memikul kewajipan dan tanggungjawab kepada Negeri dengan membayar balik bayaran-bayaran pinjamannya.

Anggaran Pembangunan memperuntukkan sebanyak \$31,367,220.00 di

bawah Kepala 101, iaitu kepada Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang. Dari jumlah ini sebanyak \$9,719,150.00 akan dibelanjakan untuk rancangan-rancangan perumahan murah. Kerajaan Negeri akan melaksanakan rancangan-rancangan perumahan di Taman Free School, Bukit Glugor, Lebuhr Macallum, Jawi dan Bagan Ajam. Kesemua projek-projek ini akan dibiayai dengan pinjaman-pinjaman dari Kerajaan Persekutuan. Selain dari itu Kerajaan Negeri telah juga memperuntukkan sebanyak \$2,637,740.00 untuk kos infrastruktur.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Negeri telah terikat untuk membina sebanyak 14,710 yunit-yunit rumah di mana di bawah pinjaman dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri akan membina sejumlah 3,385 yunit-yunit dan 894 yunit rumah-rumah peralihan yang dibiayai dari peruntukan Negeri. Sebagai penambahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah juga terikat untuk membina 10,431 yunit-yunit rumah dan sedang merancang untuk melibatkan sektor awam melalui sekim pembahagian tanah bagi menjalankan pembinaan sebanyak 1,733 yunit-yunit rumah lagi. Oleh yang demikian jumlah rumah dalam negeri yang dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah 16,443 yunit. Kita telah membina sebanyak 3,875 yunit-yunit rumah dan telah pun diperuntukkan kepada orang ramai atau akan diperuntukkan tidak berapa lama lagi kepada orang ramai. Dalam tahun 1980 Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan menambah pembinaan sebanyak 3,267 yunit rumah. Di samping itu sebanyak 5,298 yunit rumah sedang dalam pembinaan di mana Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan membina 2,254 yunit dan Kerajaan Negeri, 3,044 yunit. Dengan demikian, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$14,760,000.00 sebagai

pinjaman-pinjaman untuk membolehkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang melaksanakan projek-projek perumahan ini di Bayan Lepas, Bandar Bayan Baru, Bukit Jambul, Bandar Seberang Jaya dan Lebuh Macalium.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri akan terus mengekalkan keutamaannya untuk memperuntukkan rumah-rumah murah yang mencukupi dan "*home shelters*" demi menemui keperluan-keperluan rakyat kita khususnya mereka daripada golongan yang berpendapatan rendah iaitu mengikut objektif-objektif Rancangan Malaysia Ketiga. Kita telah memaksimakan usaha-usaha kita dan akan terus meningkatkan keupayaan kita untuk membina lebih yunit rumah-rumah setahun supaya kita dapat mengatasi kekurangan permintaan perumahan yang kini terdapat di negeri kita. Adalah mustahak untuk rakyat kita menghargai bahawa peruntukkan rumah-rumah mesti dijalankan secara teratur supaya rancangan-rancangan perumahan ini dapat memberi faedah kepada rakyat kita dengan adil dan saksama. Tambahan pula adalah diharapkan bahawa sektor swasta akan menyamakan perlaksanaan pembinaan perumahan sektor awam dengan kadar sekurang-kurangnya 1:1.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas sokongan yang telah diberikan kepada Negeri Pulau Pinang dalam menggunakan pinjaman-pinjaman untuk pembangunan pada masa-masa yang lalu. Ahli-Ahli Yang Berhormat sedar terhadap hakikat bahawa kerjasama yang rapat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah membolehkan kita mendapat persetujuan atas berbagai-bagai projek pembangunan di negeri kita. Namun demikian, dalam analisa yang akhir, ini bergantung kepada keupayaan Kerajaan Negeri menggunakan pinjaman-pinjaman yang akan

menentukan kekukuhan kredit negeri kita.

Cadangan gabungan perbelanjaan untuk Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Taliair berjumlah \$24,702,740.00 atau 42 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1980. Daripada jumlah ini sebanyak \$16,403,180.00 telah diperuntukkan untuk Jabatan Kerja Raya bagi digunakan terutamanya untuk memperbaiki perkhidmatan infrastruktur asas. Dari jumlah ini sebanyak \$2,807,010.00 akan dibelanjakan untuk jalan-jalan raya negeri: iaitu untuk projek-projek yang tidak akan dibayar balik dan sebanyak \$10,811,250.00 untuk jalan-jalan raya negeri: iaitu untuk projek-projek yang akan dibayar balik. Jalan-jalan raya negeri, iaitu projek-projek yang akan dibayar balik adalah untuk pembinaan jalan-jalan luarbandar yang akan secara langsung memberi faedah kepada penduduk-penduduk luarbandar di dalam negeri kita. Rancangan-rancangan jalan luarbandar yang dipercepatkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah terbahagi kepada 3 kategori iaitu:

- i) Kategori A yang terdiri daripada 20 projek berjumlah 24.15 batu yang berharga \$3,742,450.00.
- ii) Kategori B terdiri daripada 31 projek berjumlah 45.137 batu yang berharga \$6,153,330.00.
- iii) Kategori C terdiri daripada 15 projek berjumlah 15.637 batu yang berharga \$915,470.00.

Dengan siapnya rancangan-rancangan jalan-jalan luar bandar untuk tahun 1980, maka lebih daripada 60 batu jalan-jalan baru akan ditambahkan ke dalam senarai jalan negeri. Di samping itu lebih daripada 15 batu jalan-jalan tanah yang sedia ada akan diperbaiki lagi supaya dapat memberi lebih kemudahan infrastruktur jalan bagi penduduk-penduduk luar bandar kita di Pulau Pinang.

Sebanyak \$600,000.00 telah diperuntukkan untuk kajian feasibiliti dan kejuruteraan bagi projek Jalan Bukit Bendera. Kajian ini akan dibuat bersama dengan kemudahan jalan keseluruhan yang sedia ada di kawasan Bukit Bendera. Walau bagaimanapun jumlah ini diperuntukkan untuk memulakan satu projek dari satu tempat sepanjang jalan Balik Pulau — Relau untuk mencantumkan dengan puncaknya, berdekatan dengan Tiger Hill ke arah Timur Laut.

Pada tahun 1980 sebanyak \$8,299,560.00 telah diperuntukkan untuk Jabatan Parit dan Taliair. Dari jumlah ini sebanyak \$5,892,180.00 telah diperuntukkan khasnya untuk perlaksanaannya pamaritan dan pemuliharaan Sungai Prai "Basin". Projek yang dicadangkan itu sebenarnya merupakan satu sekim pengairan untuk memperbaiki lagi pengairan serta juga memulihkan tanah-tanah bagi kegunaan pertanian, perindustrian dan perdagangan. Kawasan ini, kini mengalami keadaan air pasang surut [*tidal inundation*] serta di bawah keadaan paya. Projek ini meliputi sebanyak 7,660 ekar berhampiran Sungai Prai Basin di atas rintangan (*barrage*) yang kini dalam pembinaan.

Tuan Speaker, apabila projek ini siap kelak, ianya akan memulihkan 1,670 ekar tanah-tanah paya dan 1,290 ekar tanah-tanah kelapa keluaran yang rendah, menjadi satu kawasan tanah tanaman padi yang kelapa yang memberikan hasil yang tinggi. Pengairan yang diperbaiki akan memberi pengairan kepada 4,700 ekar sawah-sawah padi yang sedia ada. Ini adalah satu sekim yang penting yang memerlukan kerjasama yang rapat di antara petani-petani dan tuan-tuan tanah dalam kawasan yang berkaitan demi memastikan perlaksanaan rancangan ini dengan licinnya.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap satu cadangan yang dibuat pertama kali pada tahun 1975 untuk

membina satu Kompleks Baru Bangunan Kerajaan bagi Seberang Perai Selatan. Kini Kompleks ini telah pun siap dibina dan diduduki sejak 1hb. September, 1979. Projek ini akan menemui keperluan-keperluan penduduk-penduduk yang tinggal di Seberang Perai Selatan khasnya di antara Sungai Bakap dan Nibong Tebal. Ianya juga akan mengukuhkan lagi perkhidmatan pentadbiran untuk seluruh daerah ini. Adalah dijangka bahawa dengan pembinaan kompleks baru ini bersama-sama dengan penubuhan kawasan-kawasan perindustrian perdagangan dan kediaman baru di sekelilingnya, perkembangan ekonomi yang lebih kukuh akan dihasilkan di kawasan ini demi membawa faedah yang lebih kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Seberang Perai Selatan.

Kerajaan Negeri bukan sahaja mengambil berat tentang kebajikan sosial ekonomi dan sivik rakyat kita, bahkan ianya juga senantiasa sedar keperluan untuk mengekalkan akhlak kebudayaan dan ugama sebagai ciri hidup mereka. Pada tahun 1980, sebanyak \$1,000,000.00 akan diperuntukkan di bawah pecahan kepala 43, kepala 101 untuk Mesjid Negeri.

Di bawah Pecahan 6 Kepala 101, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan \$1,000,000.00 di bawah projek-projek pembangunan masyarakat. Jumlah ini adalah \$300,000.00 lebih daripada yang diperuntukkan pada tahun 1979. Peruntukan ini juga akan disalurkan melalui peruntukan kerja-kerja kecil yang ditumpukan utamanya ke arah memperbaiki lagi mutu kehidupan penduduk-penduduk kita di luar bandar. Peruntukan-peruntukan ini adalah untuk projek yang dikenali khas oleh Jawatankuasa Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek ini dengan secepat mungkin. Peruntukan ini sekarang diberi demi mencapai objektif tersebut.



Pada tahun 1980 Jabatan Pertanian telah diperuntukkan sebanyak \$641,620.00 di bawah Kepala 102; dan Jabatan Haiwan telah diberi sejumlah \$635,020.00 di bawah Kepala 109. Kerja-kerja pembangunan akan dilaksanakan pada tahun 1980 untuk memperbaiki lagi stesyen-stesyen pertanian di Relau dan Bukit Mertajam. Stesyen Pertanian di Relau kini telah ditubuhkan secara penuhnya untuk menggantikan stesyen pertanian di Ayer Itam yang dahulu. Ianya adalah satu pusat yang baru yang memberi latihan dan rancangan-rancangan demonstrasi pertanian yang moden demi mengukuhkan lagi sektor pertanian di dalam negeri kita. Sebanyak \$105,000.00 telah diperuntukkan untuk pembinaan pejabat-pejabat di Stesyen Relau dan sebanyak 14 ekar tanah di Relau akan diperbaiki dan dibangunkan lagi.

Tuan Speaker, di Bukit Mertajam satu pondok tanaman [*plant shed*] yang baru akan dibina untuk meningkatkan lagi pengeluaran bahan-bahan tanaman yang bermutu. Jabatan Pertanian akan melaksanakan pembangunan beberapa plot tanah untuk menunjukkan penanaman integrasi di Kampung Enam dan Sungai Burung di Pulau Pinang dan Sungai Chenaam di Seberang Perai. Melalui demonstrasi ini petani-petani bukan sahaja akan mendapat perkhidmatan-perkhidmatan nasihat bahkan mereka juga akan diberi bahan-bahan keperluan berjumlah \$22,500.00 bagi sayur-sayuran dan tanam-tanaman lain, \$60,000.00 untuk tanaman buah-buahan dan \$30,000.00 untuk orkid-orkid.

Pada tahun 1980, projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Haiwan bertujuan meningkatkan lagi pengeluaran makanan serta juga menambahkan lagi pendapatan penduduk luar bandar. Jabatan ini dijangka membelanjakan segala peruntukannya sebanyak \$130,000.00 bagi

pembelian "*cross bred cattle*" untuk diberi kepada penduduk-penduduk di bawah sistem pawah. Objektifnya ialah untuk mengujudkan "*nucleus*" binatang-binatang untuk memberi susu kepada pusat-pusat pengambilan apabila ianya dijalankan di Seberang Perai. Satu peruntukan sebanyak \$40,000.00 akan digunakan bagi membeli binatang-binatang dari luar negeri untuk diperkenalkan di Stesyen Babi agar dapat meningkatkan lagi stock sekarang dan seterusnya memperbaiki lagi mutu binatang-binatang yang dipelihara oleh penternak-penternak negeri kita. Semua kemudahan-kemudahan tambahan ini telah diperuntukkan supaya dapat meningkatkan lagi kecekapan dan kerjabuat penternak-penternak kita yang terlibat dalam ternakan-ternakan itu.

Tuan Speaker, saya percaya bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat sedar dengan sepenuhnya tugas-tugas yang dialami oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Perbelanjaan Pembangunan di dalam negeri kita demi faedah rakyat kita. Ianya memerlukan usaha sesungguhnya daripada Kerajaan Negeri untuk menggunakan segala sumber-sumbernya demi menyelaraskan rancangan-rancangan pelaksanaan kita agar dapat memastikan bahawa rancangan-rancangan pembangunan sosial ekonomi dilaksanakan dengan cekap dan mengikut jadual.

Kita adalah berazam untuk melaksanakan dengan sepenuh-penuhnya seruan YAB Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri kita dalam perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga mengikut jadualnya. Kita juga berazam untuk memaksimakan usaha-usaha pembangunan kita demi melipatgandakan lagi faedah kepada rakyat kita dan seterusnya mencapai satu cara hidup yang lebih bahagia dan bermakna untuk rakyat kita di Pulau Pinang.

Tuan Speaker, saya mohon menca-  
dangkan.

AHLI KAWASAN MACHANG  
BUBUK (ENCIK LIM HENG  
TEE):

Datuk Speaker, saya bangun untuk  
menyokong Usul yang telah diben-  
tangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Datuk Speaker, Anggaran Pem-  
bangunan 1980 yang mencadangkan  
perbelanjaan berjumlah \$59 juta itu  
telah mengakibatkan satu defisit se-  
banyak \$500,000.00 apabila diban-  
dingkan dengan pendapatan anggar-  
an yang berjumlah \$58.5 juta.

Satu belanjawan defisit tidak se-  
mestinya menunjukkan satu tanda  
kelemahan keadaan kewangan. Seba-  
liknya ini biasanya menunjukkan ke-  
kuatan dan tanda keyakinan kepada  
masa depan. Adalah demikian teru-  
tamanya bagi satu Anggaran Pem-  
bangunan di mana perbelanjaan yang  
dirancangkan itu sebenarnya merupa-  
kan sejenis pelaburan moden atau a  
*form of investment* yang akan meng-  
hasilkan lebih banyak pendapatan  
dan mendatangkan bentuk faedah  
yang lain pada masa depan.

Datuk Speaker, memandangkan  
kemerosotan ekonomi sedunia, adalah  
dirasai bahawa perbelanjaan pem-  
bangunan berjumlah \$59 juta yang  
dicadangkan untuk Negeri Pulau  
Pinang yang mempunyai hampir satu  
juta penduduk itu adalah pada pen-  
dapat saya tidak mencukupi, walau-  
pun satu defisit telah diakibatkan.  
Banyak potongan cukai dan pelepas-  
an cukai yang diperuntukkan dalam  
belanjawan Persekutuan dengan jelas-  
nya menunjukkan bahawa Kerajaan  
Pusat telah menyedari perlunya un-  
tuk menolong rakyat (dengan mem-  
bolehkan lebih banyak wang untuk  
kegunaan mereka) pada masa keme-  
lesetan dan inflasi sedunia. Demikian-  
lah juga Kerajaan Pusat mestilah  
memberi lebih banyak bantuan ke-  
wangan kepada Kerajaan Negeri Pu-  
lau Pinang manakala seluruh dunia

sedang menghadapi stagflasi eko-  
nomi. Kita sepatutnya jangan lupa  
bahawa Pulau Pinang berlainan dari-  
pada negeri-negeri yang lain, tidak  
mempunyai bahan-bahan alam se-  
mulajadi seperti bijeh-timah, kayu-  
kayan, balak dan minyak petrol yang  
sedang mengecapi harga baik dalam  
pasaran dunia.

Datuk Speaker, saya ingin men-  
jaminkan kepada rakyat Pulau Pi-  
nang bahawa Kerajaan Negeri sedang  
melakukan segala daya usaha untuk  
menentukan satu masa depan yang  
cemerlang untuk menentukan kemu-  
dian hari menjadi lebih baik dan  
adilnya di Pulau Pinang.

Anggaran Pembangunan ini telah  
memberi satu pola perkembangan  
menyeluruh atau *an overall growth  
pattern* untuk berbagai sektor di  
bidang ekonomi kita. Walau bagaim-  
manapun keutamaan adalah diberi-  
kan kepada pembangunan perumah-  
an dan menyediakan kemudahan-  
kemudahan asas dalam negeri ini. Ini  
adalah sejajar dengan keperluan yang  
utama untuk perumahan dan kemu-  
dahan-kemudahan sosial untuk rak-  
yat kita baik pun di kawasan bandar  
ataupun di luar bandar.

Mengenai perumahan, kita menge-  
tahui bahawa di bawah Rancangan  
Malaysia Ketiga, sebanyak \$38.7 juta  
telah diperuntukkan oleh Kerajaan  
Persekutuan kepada Negeri Pulau  
Pinang untuk membina 3,385 yunit  
rumah. Jumlah rumah adalah jauh  
daripada yang diperlukan dalam  
negeri ini. Oleh itu Pihak Berkuasa  
Negeri, termasuk PDC, telah melan-  
carkan satu rancangan perumahan  
yang besar supaya dapat memenuhi  
kehendak-kehendak dalam negeri.

Datuk Speaker, satu perkara pen-  
ting yang dapat kita lihat dalam  
pembangunan di Negeri Pulau Pi-  
nang khususnya dalam pembangunan  
perumahan, adalah kita telah meng-  
gunakan sumber-sumber dan daya  
usaha kita dengan sepenuhnya. Ini

bermakna Kerajaan Negeri sedang berusaha dengan daya usaha maksimumnya.

Walau bagaimanapun saya ingin menyatakan bahawa usaha-usaha yang maksima sungguhpun dijalankan oleh Pihak Berkuasa Negeri, rancangan dan pengurusan untuk pembangunan perumahan dalam negeri ini tetapi tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Ini adalah kerana masalah perumahan di Pulau Pinang sangat rumit yang mana ianya tidak mungkin bagi satu jawatankuasa perumahan negeri dan suatu Bahagian Perumahan daripada Jabatan Setiausaha Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut dengan berkesan. Oleh itu pembentukan satu Perbadanan Perumahan Negeri atau a State Housing Development Corporation adalah sangat-sangat diperlukan jika masalah perumahan hendak diselesaikan dengan jayanya.

Di samping itu, Kerajaan juga membelanjakan banyak wang dalam menyediakan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan sosial, umpamanya jalan-jalan, titi-titi, parit-parit, bekalan air dan kuasa elektrik dan sebagainya, yang mana kesemuanya ini adalah syarat-syarat utama atau *pre-requisite* bagi pembangunan dan bagi meninggikan mutu kehidupan yang lebih baik. Secara amnya, boleh dikatakan usaha-usaha yang Kerajaan Negeri jalankan dalam pembangunan terutamanya dalam pembangunan patutlah diberi pujian dan sokongan penuh.

Adalah terdapat tambahan yang besar dalam peruntukan kepada JKR dan JPT, dua jabatan yang bertanggungjawab untuk memperuntukkan infrastruktur yang asas seperti jalan-jalan, parit-longkang dan sungai-sungai. Dari sejumlah \$16.4 juta yang diperuntukkan kepada JKR, \$13.6 juta akan digunakan untuk memperbaiki dan membina jalan-jalan baru khususnya di kawasan luar

bandar di mana pengangkutan darat masih jauh daripada mencukupi dan memuaskan.

\$1 juta lagi akan diperuntukkan untuk membina Mesjid Negeri yang melambangkan perpaduan kebangsaan dan toleransi ugama di kalangan rakyat yang berbilang kaum dalam negeri ini. Adalah diharapkan bahawa Kerajaan juga akan membantu kumpulan-kumpulan lain seperti dalam membina Kuil Hindu, gereja, dan tokong Cina supaya keperluan rohani atau *spiritual needs* daripada semua rakyat Malaysia akan dapat dipelihara.

Tuan Speaker, objektif Anggaran Pembangunan ini mempunyai dua tujuan: Yang pertama, ia bertujuan untuk memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi rakyat dan yang kedua ia akan memenuhi keperluan kebudayaan dan kerohanian rakyat. Dengan pembangunan yang seimbang seperti ini yang meliputi keperluan lahiriah dan rohaniah, kami yakin bahawa Anggaran Pembangunan Negeri bagi tahun 1980 akan mendatangkan kemajuan yang bernilai bukan sahaja dalam taraf hidup, tetapi dalam mutu kehidupan atau *quality of life* rakyat Negeri ini pada tahun-tahun yang akan datang.

Oleh yang demikian, Tuan Speaker, saya ingin menyokong Usul ini yang telah dicadangkan oleh YAB Ketua Menteri.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER:

Saya kemukakan untuk dibahas.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, di dalam rancangan Anggaran Pembangunan 1980, mengikut jawapan ini, saya ingat rancangan ini, after pelan habis, tidak *go according to the ratio*. Apa fasal saya kata *allocation* atau peruntukan ini tidak jalan *according to the ratio*? Fasal di dalam sini, Ketua Menteri



dan Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam tahun 1976 sehingga tahun 1980 adalah *spend estimate* semua \$120,806,422.00. Ini kira *out of the total value or the* jumlah sebanyak \$185,847,141.00. Ini kira Pejabat Ketua Menteri sudah gunakan 65% *of the total amount*. Sorry, Tuan Speaker, saya tidak berapa fasih. Bagi pertanian, dalam tahun 1976 hingga 1980 ini, kira *only 1.2 % of the total value*. Negeri Malaysia kira satu negara pertanian. *Income* negeri kira 70% , dan rakyat mahu *rely on 70% of the income*. Pertanian itu boleh dikatakan penting. *It is very important* di dalam ekonomi Negeri ini. Habis, Kerajaan Negeri kita ada selalu *emphasize* rakyat mahu *follow implement* Buku Hijau, tetapi dalam *Development Estimate* ini, 1.2 % sahaja. Itulah saya cakap, rancangan ini kalau mahu mengikut Buku Hijau lagi, tanah ini kira sudah *wrong plan*, dan tidak betul.

Lagi, dalam tahun 1976 hingga 1980, JKR sudah *spend* \$37,480,336.00. Itu kira 20.2 % dari jumlah \$185,847,141.00. Tapi saya hairan di dalam tahun 1979, JKR bagi hutang *allocation* dalam 5 tahun dari 1976 hingga tahun 1980 sejumlah \$606,082.00. Ini kira 0.3 % *of the total value*. Kalau kita campur hutang ini sama pertanian, ini ada sangkut sedikit-sedikit. Ini kira 1.5 % sahaja. Ini kira rancangan yang kelam-kabut. Lagi pun, ini dalam luarjangka. Dalam 5 tahun ini ada *allocation*, tetapi tidak ada apa-apa dibuat. Ini *poor planning and waste* kakitangan Kerajaan dalam jabatan. *Government employ these people* kalau mereka buat kerja. Ini tidak guna. Apa fasal *Programme* pelan-pelan ini boleh kira jalan tidak patut.

Di Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan ini ada satu Butiran 6 iaitu pembangunan Masyarakat. *No, it is* Butiran 11 iaitu Rancangan Perumahan Murah. Itu satu projek yang rosak. *I don't know*

*how to use the actual word*, tapi "rosak" pun tidak apa, *as long as you know*. (ketawa). Fasal apa?

Kelmarin dalam ucapan saya, saya ada kata Ketua Menteri dalam satu Press Conference ada cakap Negeri Pulau Pinang atau PDC mahu buat 3,500 biji rumah murah dalam 12 bulan ini, tetapi *target* mereka 5,000 setahun. Kalau kita ikut *report* tahun 1979 ini, dalam rancangan perumahan murah ada dipinda bagi tahun 1979 perbelanjaan sebanyak \$16,707,000.00. Itu kira pejabat mahu *spend* dalam tahun 1979, tetapi dalam 1975 sehingga 1978, hari ini saya ada cakap PDC buat 2,642 rumah murah sahaja. Jika serupa Ketua Menteri kata, dalam 12 bulan PDC hendak buat 3,500 yunit rumah murah, *allocation* itu sudah tidak betul. Ini kira pelan 1978. *Allocation* 1980 secara langsung ialah, \$2,637,740.00 campur pinjaman \$7,081,410.00. Kalau dua *items* ini *add up together*, the total kira \$9,719,150.00.

Jika kita *compare* pada tahun 1979 sudah merosot 42 % . Kita mahu buat banyak rumah, tetapi *allocation* bagi PDC semacam ini tidak betul. *Ratio* mesti *go accordingly*. Kalau buat banyak rumah, adakan *allocation* yang banyak. Kalau mahu buat banyak rumah, sebab apa *allocation* sudah turun? Itu kira kerja tidak buat terang-terang. *Department* itu saya tidak tahu bagaimana buat plan ini. Kalau ini kira sikap di pejabat ini, *attitude* Kerajaan tidak betul. Apa fasal saya cakap pelan di *department* itu tidak berjalan dengan bagus? Fasal PDC buat — jikalau kita baca suratkhbar *not long ago, recently* — 220 buah rumah murah dalam 1 tahun, tetapi orang rakyat pun tidak boleh pergi sana duduk. Ini kira satu pejabat yang tidak pelan baik-baik. Itu kira 222 buah rumah satu tahun pun tidak boleh dapat O.C. Itu kira *Government subsidiary* pun *difficult to get this thing done*.

Itu fasal saya kira Ketua Menteri dalam rancangan rumah murah tidak menjalankan dengan baik.

Lagi dalam Butiran 41, ada projek \$25,001,000.00 itu kira sudah 10 tahun, tetapi dalam tahun 1976 hingga 1978 itu *spent* atau belanja \$1,559.00. Di tahun ini kira ada token \$10.00. Itu kira *poor planning*. Jambatan itu 10 tahun pun ada tetapi dalam projek ini satu propaganda sahaja sebab taruh di sini tapi apa pun tidak buat.

Lagi ada satu, di dalam Butiran 47 itu kira dari tahun 1976 hingga tahun 1980. *Allocation* ini ada \$3,345,979.00 tetapi apa-apa orang buat untuk projek khas ini kita mahu taulah.

Lagi dalam Butiran 49, berkenaan Penang Hill Road, sampai sekarang sudah *spend* \$504,890.00, tetapi kita mahu tahu projek ini ada *carry on* atau tidak? Jikalau ada *carry on*, kita pun mahu satu *development*; *Penang Hill*. Kita mahu tahu.

Lagi kajian-kajian untuk Electronic Data Proses adalah satu rancangan yang boleh gagal sebab *electronic factory* itu telah rugi tapi lagi mahu *put in money*. Projek itu, kalau ada *experience* telah rugi. Jangan *waste public funds*. Untuk apa itu kita hendak tahu.

*bridge linkage* Pulau Pinang/Seberang Perai. Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada *promise* rakyat Pulau Pinang projek itu tentu mahu buat dan tentu boleh jadi. Y.A.B. Ketua Menteri sudah menjadi Ketua Menteri 10 tahun, tapi bayang jambatan itupun tidak boleh dilihat lagi. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Y.A.B. Ketua Menteri ada memberitahu Dewan ini dahulu bahawa kerja pada *entry terminus on the island of Penang and at Seberang Perai* nanti start tahun ini. At the end of 1980 mesti start kerja *entry points*, bukan jambatannya tapi *entry points*. Di dalam Development Estimates tahun 1980, Pulau Pinang adalah *token sum* of \$10.00 sahaja. Mengikut *argument* Ketua Menteri, ini projek Kerajaan Persekutuan. Jadi tentulah \$10.00 sahaja *token sum*. Saya *accept the argument*, tetapi jikalau *entry points* ini akan start dalam tahun 1980, mestilah ada *allocation*. Jikalau tidak ada *allocation* dalam Development Estimates Pulau Pinang, mesti ada dalam Development Estimates Federal Budget. Jikalau bukan Development Estimates Kerajaan Pusat, nampaknya banyak wang pada *engineering studies* sudah naik dalam 10 tahun lebih kurang sampai \$24 juta, tetapi tidak ada wang pada projek ini. Kerana itu saya minta Ketua Menteri memberi *clarification* pada Dewan ini dan rakyat Negeri Pulau Pinang ini samada jambatan itu bolehkah dibina atau tidak. Saya percaya, Tuan Speaker, rakyat Negeri Pulau Pinang tidak akan marah kepada Y.A.B. Ketua Menteri jikalau Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerangkan terus, keluar memberitahu rakyat Negeri Pulau Pinang projek ini akan datang. Bila datang tidak tahu, tapi tidak boleh marah. Sudah *sour*. Promises sudah menjadi *sour*. Rakyat sudah angkat "*forget it*" *attitude over this issue*. Saya percaya tentu Ketua Menteri tahu bahawa kalau main lama-lama, *psychological*

*reaction of the population* sudah tentu menjadi begitu dan Ketua Menteri *cannot avoid this nor can he escape the consequences of not keeping this promises.*

Saya mengaku dan rakan-rakan saya dari D.A.P. mengaku bahawa Y.A.B. Ketua Menteri ialah seorang *experienced politician*. Dia main cukup cantik, tetapi kalau main lama sangat, ada satu *English saying*, "*Chickens come home*".

TUAN SPEAKER:

Masih panjang lagi, Yang Berhormat?

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Ya. Ini, Tuan Speaker, ialah satu *heading* yang mustahak. Development Estimates tahun 1980 memberi harapan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Ada Development Estimates untuk tahun 1980, tetapi rakyat Pulau Pinang hairan dan sakit hati dan mahu tahu kerana apa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak boleh mendapat wang yang menjadi kira-kira Kerajaan sendiri untuk projek-projek Kerajaan, tetapi *publish* dan lain-lain sudah habis work out tapi wang tidak dapat.

Tuan Speaker, sungguhpun *the capacity to implement the project is important*, tidak gunalah kalau Kerajaan Pusat menghantar \$500,000,000.00 bagi Kerajaan Negeri Perlis untuk menggunakan wang ini. Tidak boleh. *The capacity to implement* tidak ada. Tetapi infrastruktur di Pulau Pinang cukup *developed* dan ada *skilled manpower* dan *entrepreneurs* semua ada. *The capacity to implement projects* ada, tetapi tidak tentu sebab tidak ada *political leadership to implement*. Y.A.B. Ketua Menteri boleh *question* dan *colleagues* beliau boleh menyokong. Itu sudah tentu. Fasal itu, tidak tentu projek itu boleh *implement*. *The choice is yours*, samada mahu im-

*plement* atau ada *capacity to implement, no planning, inefficiency or no money*. Jikalau *no money*, janganlah lagi *mislead* rakyat Negeri Pulau Pinang dengan mengatakan *there is close rapport*. Ada *rapport between* Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Pusat.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, saya nampak Yang Berhormat sudah berkali-kali berulang dalam masaalah ini dan saya sudah memberi teguran jangan berulang-ulang di dalam perkara-perkara yang sudah disebutkan tadi. Hujjah-hujjah yang dibawa oleh Yang Berhormat sudah beberapa kali saya memberi teguran. Saya rasa eloklah Yang Berhormat berhenti dari berucap.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, itu sudah.....(gangguan)

TUAN SPEAKER:

Sudah berulang kali dengan hujjah-hujjah yang sama. Balik-balik *close relationship* dengan Federal Government dan sebagainya. Balik-balik itu juga. Kalau begitu saya terpaksa menggunakan.....(gangguan).

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, saya berhenti mengenai topik itu.

Tuan Speaker, ada satu perkara Kerajaan mesti buat *to improve the quality of life of the people*. Tuan Speaker, banyak orang *in the State* duduk di rumah-rumah dan flats murah. Orang miskin ada hak percaya Kerajaan patut bebas dengan mereka dan boleh *view problems* mereka dengan simpati.

Tuan Speaker, penduduk-penduduk flats Rifle Range ada dibayar *main-tenance*.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, dalam soal perumahan murah juga telah dipertahankan dan telah dibincangkan dalam Majlis ini oleh rakan-rakan Yang Berhormat juga. Kalau begitu..... (gangguan).

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tidak.

TUAN SPEAKER:

Mana boleh tidak?

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Jikalau Tuan Speaker percaya ada satu fasal sahaja flats itu, saya percaya Tuan Speaker tidak faham *problems* di situ. Kalau saya membawa *problem* yang sama, bolehlah Tuan Speaker mengatakan bahawa saya bawa *same points*. Saya kata ada maintenance.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat sendiri pun berulang, cakap fasal Rifle Range Flats.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Dalam *debate Estimates* ini, saya ada bercakap mengenai Rifle Range Flats? Saya percaya jikalau tengok rkeod, tidak ada apa-apa berkenaan Rifle Range Flats lagi dalam *Estimate* ini. Jikalau saya *mistaken*, I stand to be corrected. Stenographers ada.

Penduduk-penduduk banyak tahu adalah satu *right to expect* Kerajaan dan adalah obligasi bagi Kerajaan mengecat *corridors* [outer side flats itu yang kotor). Saya harap Ahli Kawasan Tanjung Bungah bolehlah selesaikan *or settle* perkara itu supaya kompleks itu nampak lebih cantik kerana sekarang banyak kawasan-kawasan langsung nampak begitu kotor dan *environment*, pada mata yang melihatnya, tidak cantik. Kerana itu, Ahli Kawasan Tanjung Bungah boleh menjalankan apa-apa yang mesti dibuat untuk *improve* the situation there.

Tuan Speaker, akhir sekali ialah perkara Jabatan Haiwan memajukan ternakan babi. Tuan Speaker, di Negeri kita, lebih kurang 49 hingga 50 peratus rakyat tidak cukup *protein*. Ada *protein deficiency* dan sekarang baguslah jikalau Kerajaan boleh, dalam rancangan-rancangannya create situasi atau satu method to produce the cheapest protein food dan memajukan ternakan babi. Kerajaan Negeri Pulau Pinang 5 tahun dahulu — dari tahun-tahun 1976 hingga 1980 — mempunyai \$140,000.00 sahaja. Orang-orang Pulau Pinang banyak yang makan meat dari babi. Kerana itu, kalau Kerajaan membelanjakan lebih wang, ini bukan sahaja boleh menurunkan harga daging babi atau *pork* tetapi boleh *help satisfy the nutritional needs* dan *protein needs* orang-orang di Negeri Pulau Pinang dan lain-lain negeri. Ahli dari Kawasan Datuk Keramat dahulu berkata Penang ialah satu *centre for the pig-rearing industry*, bagus dan adalah suatu *export potential* yang besar.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, Ahli dari Paya Terubong telah bercakap berkenaan dengan ternakan babi. Nampaknya perkara ini diulang-ulangkan juga.

Cuba Yang Berhormat perhatikan Peraturan Mesyuarat 51(4). Simpulannya, kalau satu-satu hujjah itu diulang-ulang, disebut-sebutkan hujjah-hujjah yang telah dikeluarkan oleh ahli-ahli yang lain di dalam sesuatu perbahasan itu, maka Speaker bolehlah memerintahkan Ahli itu supaya memberhentikan ucapan. Sekarang Ahli Yang Berhormat sudah berkali-kali berulang, jadi saya berhentikan ucapan Yang Berhormat, Minta hentikan.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, ..... (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Sudah! Tak usahalah berfikir lagi.



AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Jikalau Y.A.B. Ketua Menteri tidak mahu debate, bolehlah, saya duduk.

TUAN SPEAKER:

Saya perintahkan supaya berhentikan ucapan.

AHLI KAWASAN AYER ITAM  
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Saya duduk. Tidak apa.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM  
(ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan Development Estimates dan saya mendapat tahu, dari perbelanjaan, \$9,719,150.00 akan dibelanjakan untuk rumah-rumah kos rendah.

Saya hendak minta izin untuk membaca dalam bahasa Inggeris mengenai \$9,569,610.00 which we are budgeting for our 1980 development revenue which shows that the P.D.C. has now reached a state of not only being able to support itself but also to uphold its responsibilities to the State by repaying loan charges.

Lagi satu saya hendak ucapkan selepas ucapan peruntukan itu, semampamanya dalam rancangan sekarang di Taman Free School dan lain-lain tempat, Kerajaan telah membina rumah-rumah lima tingkat. Kalau saya tidak salah, berkenaan dengan undang-undang kecil, rumah-rumah yang lebih dari lima tingkat mesti diadakan lif. Saya mendapat tahu bahawa rumah-rumah yang akan dibina dan yang sedang dijalankan di dua-tiga tempat di Pulau Pinang tidak ada lif. Saya rasa rumah-rumah itu ialah *sub-standard*. Itu bukan untuk rakyat atau untuk keuntungan rakyat. Saya rasa Kerajaan tidak boleh luluskan bangunan itu sebab dia sudah mencabar dengan undang-undang kecil Negeri Pulau Pinang itu dan Kerajaan pun ada berkata — kalau saya tidak salah —

pihak-pihak swasta tidak boleh dibenarkan membina rumah-rumah atau pembangunan-pembangunan yang lebih dari 6 tingkat. Apakah pembangunan itu untuk Negeri Pulau Pinang? Jikalau KOMTAR boleh didirikan dengan berpuluh-puluh tingkat, mengapa pihak swasta Kerajaan tidak benarkan membina bangunan yang lebih tinggi dari KOMTAR? Dalam ucapannya semalam, Ketua Menteri ada berkata bahawa pihak swasta akan *match* 1:1. Jikalau Kerajaan membina bangunan-bangunan yang tinggi tapi pihak swasta tidak dibenarkan, bagaimana kita boleh mencapai cita-cita kita. Jikalau pihak swasta tidak boleh menolong mencapai cita-cita Kerajaan, bagaimana masalah rakyat boleh diselesaikan? Saya rasa Kerajaan mesti menimbangkan berkenaan masalah itu dan mesti membenarkan pihak swasta untuk mendirikan bangunan-bangunan yang tinggi. Itulah yang saya hendak ucapkan.

Negeri Pulau Pinang juga, tiap-tiap orang di Pulau Pinang tahu, adalah satu pulau sahaja macam Hong Kong. Jikalau satu pulau itu tidak boleh lebih dan tidak boleh kurang, bagaimana rakyat di Pulau Pinang boleh menghuni atau boleh mengadakan satu tempat untuk diduduki jikalau Kerajaan tidak membenarkan rumah-rumah tinggi? Itulah satu masalah yang penting untuk tiap-tiap orang di sini. Ketua Menteri mesti mempertimbangkan perkara ini. Ini untuk pembangunan Negeri Pulau Pinang. Ini masalah yang penting untuk rakyat sebab tiap-tiap hari ada orang beranak. Kalau masalah ini tidak diselesaikan pada hari ini atau tahun 1980, saya rasa perkara ini akan menjadi lebih dahsyat lagi. Satu negara yang mengadakan pembangunan tanpa rakyat menjadi susah itulah pembangunan yang betul, pembangunan satu negara untuk rakyat dahulu dan selepas itu lain-lain perkara. Kalau

rakyat sudah susah, bagaimana boleh dikatakan untuk rakyat? Ini satu masalah yang tiap-tiap orang mesti pandang dengan berat.

Tadi saya kata Pulau Pinang ialah satu pulau yang kecil dan tanah pun kurang dan sebab itu masalah perumahan susah untuk diselesaikan. Jikalau dengan peruntukan \$9 juta sahaja, bagaimana kita boleh selesaikan perkara itu? Dan saya hendak rujuk kepada ucapan dari Tuan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan. Dalam suratkhbar dia ada berkata bahawa dalam 5 tahun, Kerajaan boleh selesaikan masalah itu. Dengan peruntukan itu, saya tidak tahu bagaimana masalah itu boleh diselesaikan. Saya tidak tahu. Ketua Menteri tadi kata saya bekerja dalam bank.

**TUAN SPEAKER:**

Sila sebutkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Tuan Speaker, itu ada berkaitan dengan apa yang saya hendak cakapkan. Tadi Y.A.B. Ketua Menteri ada merujuk kepada saya sebagai seorang kerani di bank. Saya kerani di bank tetapi saya kira pun tidak boleh dapat. Tiap-tiap hari saya kira tapi saya tidak dapat bagaimana dalam 5 tahun boleh selesaikan masalah itu.

**TUAN SPEAKER:**

Yang Berhormat di bank kira wang?

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Saya seronok malam ini sebab saya pun baru makan dan saya rasa di bank saya tidak kira duit sahaja. Saya tidak biasa pegang duit. Panggil saya kira duit saya tidak tahu. (ketawa.)

Kalau saya tidak silap, Tuan Speaker, pada tahun 1960 atau lebih, Pulau Pinang ada membina banyak rumah-rumah kos rendah di Rifle Range, di Kampong Melayu dan di

Noordin Street Ghaut. Pada masa itu, Negeri Pulau Pinang bukan di bawah Kerajaan Gerakan tetapi di bawah pentadbiran M.C.A. Pada masa itu, ada beratus-ratus ribu rumah bertingkat seperti di Rifle Range telah dibina dan saya hairan mengapa Kerajaan sekarang tidak biasa membina rumah-rumah kos rendah bertingkat-tingkat. Sekarang semuanya rendah-rendah — 5 tingkat, 4 tingkat atau satu tingkat pun ada. Sebab itu saya rasa kalau Kerajaan sekarang berpendapat hendak membina rumah kos rendah 5 tingkat, bagaimana kita boleh selesaikan perkara ini? Itu kita mahu pandang jauh sedikit. Saya rasa tiap-tiap orang di sini tiap-tiap tahun mendapat anak. Saya pun ada 2 juga tapi 10 tahun dahulu saya tidak ada. Sebab itu masalah-masalah penting mesti Kerajaan Pulau Pinang mahu kaji dengan teliti, bukan sahaja tahun ini ada membina rumah kos rendah 10 biji. Kalau *multiply by 5 stories*, berapa biji yang dapat? Ini sedikit sahaja, Tuan Speaker. Banyakkanlah sedikit. Tidak cukup kalau rancangan macam itu. Saya pun hairan bagaimana anak-anak saya 10 tahun dari hari ini akan mendapat tempat mahu duduk.

Hari ini saya dapat khabar yang ditulis oleh seorang rakan. Dia kata sampai saya kerja saya tidak boleh dapat rumah, tapi masalah Tuan Allah tolong sama saya dan saya pun mendapat rumah di Island Glades. Itu kuasa Allah.

**TUAN SPEAKER:**

Di bawah *housing scheme*?

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Dia menjawab apa yang saya kata di dalam Dewan ini ialah masalah Kerajaan, bukan masalah publisiti Gerakan. Mengapa dia berkata Ahli Exco tidak layak untuk memberi jawapan kepada saya? Sebab apa dia memanggil publisiti Gerakan dalam akhbar dan berkata semacam itu? Di

sini punya perkara di sini bincang. Ketua Menteri boleh menjawab mengapa publisiti Gerakan — saya tidak payah panggil nama sebab kalau saya panggil nama saya jadi malu — berbuat begitu. Dia dahulu bekerja di Carnarvon Street, sebab itu satu-satu masalah itu dia tidak mahu tengok jauh sedikit.

**TUAN SPEAKER:**

Banyak perkara lagi Yang Berhormat hendak cakapkan?

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Banyak, Encik. (ketawa). Minta maaf, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, saya ada 4 perkara lagi. Saya lambat sedikit sebab bahasa saya tidak bagus. Saya harap Tuan Speaker boleh bersabar sedikit. (gangguan). Jangan kacau. Kalau celah-celah, lama-lama tidak balik. Tiap-tiap orang mahu pulang awal sedikit. Di rumah bini sudah tunggu sama saya. (ketawa).

**AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG (DR. ONG HEAN TEE):**

Tuan Speaker, saya berdiri atas Standing Order 51(4). Perkara Yang Berhormat dari Kawasan Kampong Kolam dengan bini dia bukan perkara Dewan ini.

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Pinang, itu bukan saya mahu cakap. Ada orang celah-celah, baru saya cakap. Kalau orang diam-diam dan mendengar apa yang saya hendak cakapkan, tentu saya tidak ada cakap macam ini.

**TUAN SPEAKER:**

Yang Berhormat, saya ingat tidak payah membuang masa.

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Terima kasih, Tuan Speaker.

Dengan wang perbelanjaan sebanyak \$9 juta itu, bolehkah Kerajaan

Negeri mengadakan satu jentera yang berkesan iaitu untuk memastikan tidak ada sebarang amalan rasuah? Sekarang Kerajaan mahu membina banyak rumah-rumah kos rendah. Adakah taktik yang *economical*, Tuan Speaker? Itulah masalah yang akan datang. Dengan pembinaan rumah-rumah kos rendah, itu bolehkah Kerajaan menjamin tidak ada orang-orang Barisan atau orang-orang yang bersangkutan dengan orang Barisan barangkali boleh mendapat flat itu? Itulah masalah yang penting.

Sebab itu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan saya dapat tahu selalu dia kata boleh cari sama saya, saya boleh tolong. Itu perkara yang tidak betul. Itu perkara yang tidak boleh dipermainkan.

**AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):**

Tuan Speaker, ..... (gangguan).

**TUAN SPEAKER:**

Yang Berhormat hendak bercakap atas perkara apa?

**AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):**

Tuan Speaker, penjelasan. Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kampong Kolam ..... (gangguan)

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Tuan Speaker, di bawah peraturan apa? Atau mahu *clarification*?

**TUAN SPEAKER:**

Sila duduk. Saya sudah bertanya. Yang Berhormat tidak payah tanya.

**AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):**

Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kampong Kolam hendak menuduh Kerajaan Negeri atau saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, saya haraplah Yang Berhormat boleh menunjuk dengan betul



apa-apa bukti yang ada dan bukan dari laporan dalam suratkhobar. Ada seorang setiausaha untuk Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Kampong Kolam.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Saya tidak bemarkan penjelasan.

TUAN SPEAKER:

Sila duduk kedua-duanya. Untuk jawapan belum sampai masanya.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Terima kasih, Tuan Speaker.

Jikalau Jawatankuasa Perumahan ada terlibat dalam perkara itu, saya rasa tidak sedap untuk rakyat di Pulau Pinang. Pembangunan perumahan untuk rakyat miskin, bukan rakyat bersangkutan dengan Parti Gerakan. Sebab itu, saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk mendapat jaminan daripada Kerajaan *practice* itu tidak boleh dijalankan. Kalau DAP mendapat tahu perkara semacam itu terjadi, kami akan membuat satu laporan kepada pihak yang berkuasa. Perkara itu tidak boleh dijalankan dan saya harap kalau mahu membina rumah, kita mesti bertanggungjawab. Kita mesti mahu terangkan apa yang akan terjadi dan saya harap Kerajaan boleh memberi peluang kepada Parti Pembangkang mewakili dalam Jawatankuasa Perumahan Kos Rendah, bolehlah kita tahu pembangunan perumahan kos rendah di Pulau Pinang akan dapat diberikan dengan patut.

Dalam rancangan ini pada masa ini, saya rasa tiap-tiap orang tahu banyak orang berkejar di merata-rata tempat di Pulau Pinang untuk meminta borang-borang. Itu satu pembangunan sebab di Negeri Pulau Pinang ada pembangunan dan mestilah rakyat mahu tahu di mana mahu dapat *form* itu. Jikalau mereka diminta untuk membuat permohonan, mesti ada tempat yang *proper* dan tempat yang sesuai untuk meminta

borang. Apa guna dibina beribu-ribu rumah kalau rakyat tidak tahu di mana mahu angkat borang-borang itu sampai hari ini?

Tadi, pada masa balik makan pun ada orang bertanya kepada saya. Dia rasa mahu beli rumah tapi borang itu sampai hari belum didapati. Itulah satu masalah kepada rakyat. Saya rasa itu bukan perkara yang ringan tetapi berat oleh sebab rakyat yang berkejar untuk mendapat borang itu bukan orang-orang kaya semacam Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Tanjung Bungah. Dia boleh tulis apa-apa, tetapi mereka semua adalah rakyat yang miskin yang berharap Kerajaan boleh memberi tempat yang boleh mereka duduki. Itulah masalah yang penting.

Dalam perbincangan ini — kalau saya boleh mendapat kebenaran — saya mahu merujuk dalam bahasa Inggeris, iaitu berkenaan dengan *non-political bias where the allocation of houses is concerned*.

TUAN SPEAKER:

Saya ingat Yang Berhormat sudah sebut tadi.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Barangkali Yang Berhormat di sini tidak berapa faham.

PIHAK KERAJAAN:

Faham.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Masyarakat tidak berapa faham, bukan backbenchers. Sebab itulah saya terangkan kepada rakan-rakan saya, *no political bias*. Terima kasih, Tuan Speaker.

*Priority* mesti diberikan kepada rakyat yang betul-betul menghadapi masalah itu. Kerajaan mesti mengkaji, mesti mengambil masa untuk memeriksa dan membuat penyiasatan bagi tiap-tiap rakyat yang meminta rumah kos rendah. Jikalau tidak mahu membuat siasatan, barangkali

ada seorang yang sudah ada rumah dia taruh nama bini dia boleh masuk. Sebab itu, inilah satu masaalah yang Kerajaan Negeri mesti pertimbangkan.

Tuan Speaker, merujuk kepada ucapan Ketua Menteri, kalau dengan izin saya boleh baca apa yang terkandung dan baru saya boleh sampaikan penerangan. Ini untuk rujukan sahaja, bukan untuk apa-apa:—

“The combined proposed expenditure for the Jabatan Kerja Raya and Parit dan Taliair totalled \$24,702,740.00 or 42% of the total development expenditure for 1980. Of this sum, \$60,043,180.00 has been allocated to the Jabatan Kerajaan to be used mainly for the improvement of the basic infrastructure service. Out of the sum, \$2,807,010.00 will be spent on State roads.”

Itu jalan-jalan Negeri. Sampai hari ini, kalau saya tidak salah, di Pulau ini saya ingat 1 inci lebih jalan pun tidak ada dibuat. Di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang ini sahaja, bukan seluruh Negeri Pulau Pinang tapi di Pulau ini. Not an inch of road has been built on the island.

TUAN SPEAKER:

Adakah benar?

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Not an inch of road has been built yet in Georgetown.

Minta maaf, bahasa saya tidak berapa bagus.

AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL (DR. SAK CHENG LUM):

Tadi cakap dalam bahasa Inggeris: “on the island”, bukan di Georgetown.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Saya telah membuat kesilapan. To err is human. Tiap-tiap manusia mesti ada buat kesilapan sedikit di sini dan sedikit di sana.

Tidak ada satu inci jalan pun telah dibina di Georgetown. Kalau kita mendapat statistik itu daripada Jabatan yang berkenaan dengan jalanraya, *legal office* atau Jabatan Kenderaan, kita boleh mendapati tiap-tiap hari kenderaan di Pulau Pinang bertambah, tetapi jikalau masaalah itu tidak diselesaikan, saya rasa satu hari kita tentu tidak ada jalan untuk orang-orang yang berjalan kaki. Sebab itu saya mencadangkan lebih wang daripada itu mesti diperuntukkan untuk membina *flyover* macam di Kuala Lumpur. Banyak *flyover* telah dibina di Kuala Lumpur tetapi di Pulau Pinang saya tidak biasa dengar adakah rancangan atau plan atau peruntukan untuk membina *flyover*. Itu masaalah yang tiap-tiap orang mesti mengalami jikalau duduk di Pulau Pinang dan saya bertanya di sini adakah Ketua Menteri mengambil perhatian. Barangkali Ketua Menteri tidak tahu.

Di seluruh kawasan dari Green Lane sampai Glugor, kenderaan beratus-ratus ribu dan di sana ada banyak rumah-rumah seperti Island Glades dan Island Park. Tempat saya duduk sana saya rasa mahu jalan pun susah. Sampai hari ini adakah pembangunan untuk jalan itu? Adakah diadakan *traffic light* untuk keselamatan rakyat yang duduk di sana? Itupun tidak bikin. Adakah itu boleh dikatakan rancangan pembangunan jika tidak mementingkan keselamatan rakyat? Saya rasa tidak.

Tidak berapa lama dahulu — saya rasa di tahun ini — Kerajaan tidak dapat menyelesaikan perkara berkenaan *mini-bus*, tetapi sekarang sudah hendak mengadakan satu rancangan untuk *mini-bus* di Pulau Pinang. Ini akan menjejaskan kenderaan dan *traffic* di Pulau Pinang. Di Kuala Lumpur hari ini, dengan jalanrayanya, *highways*, *flyovers* dan *bridge* pun ada, tetapi masaalah bas mini di Kuala Lumpur masih tidak boleh diselesaikan. Saya sendiri telah pergi ke Kuala Lumpur tengok per-



kara itu tidak boleh diselesaikan sebab banyak *mini-buses* di sana sini. Ada *air pollution* lagi. Jikalau Pulau Pinang tidak mengadakan jalan-jalan seperti di Kuala Lumpur, bagaimana bas mini boleh dibenarkan di Pulau Pinang? Itu satu pembangunan kepada rakyat Pulau Pinang sebab mahu mengadakan mini-buses di Pulau Pinang, tetapi jikalau mahu mengadakan bas mini di Pulau Pinang, masalah jalan-jalan itu mesti diselesaikan dahulu. Kerajaan mahu membuat rancangan itu dan ini tetapi tidak buat. Di Pulau Pinang sudah ada *bus service* dan ada beca yang banyak. *Trishaw riders* ada banyak di Pulau Pinang.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, di Pulau Pinang sekarang adakah bas mini?

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, saya mendapat tahu sekarang ada punca mahu adakan satu tetapi mahu adakan *allocation* semacam itu saya rasa tidak patut dibenarkan pada masa ini. Jikalau sedikit masa lagi — barangkali jikalau J.K.R. boleh membuat lebih jalan-jalan di Pulau Pinang — saya rasa boleh kita benarkan. Saya pun boleh sokong mengadakan perkhidmatan bas mini di Pulau Pinang di masa itu, sebab itu satu pembangunan yang bagus dan Parti Pembangkang boleh sokong; tetapi pada masa ini tidak boleh disokong. Satu pembangunan untuk negara seperti saya ada katakan tadi ialah untuk rakyat dahulu. Di Pulau Pinang ada lebih kurang 2,000 lanca dan masalah pendapatan mereka adakah Kerajaan mengadakan satu rancangan untuk menolong penarik-penarik lanca dan keluarga mereka ini untuk mencari makan. Masalah-masalah ini Kerajaan mesti ambil perhatian, tidak boleh membenarkan perkara itu dibangkitkan atau ditimbulkan.

TUAN SPEAKER:

Ada lain-lain perkara, Yang Berhormat?

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Ada banyak, Tuan Speaker. Itu baru suku sahaja.

TUAN SPEAKER:

Saya harap Yang Berhormat teruskan kepada Anggaran development.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Ini semua ada bersangkutan. Di Georgetown banyak orang duduk di sana. Kalau rancangan tidak terlibat di kawasan itu, saya rasa pembangunan tidak berapa patut. Saya telah mendapat tahu bahawa *monsoon drain* di situ ada terlibat dalam rancangan itu. Saya rasa *monsoon drain* itu dari *British times* sampai hari ini mutunya tidak ditinggikan dan parit-parit kecil tidak diperbaiki. Itu masalah untuk kesihatan rakyat. Jikalau Kerajaan mengadakan satu rancangan untuk pembangunan rakyat, saya rasa kesihatan rakyat mesti dijaga dahulu. Kalau kesihatan rakyat tidak dijaga, bagaimana kita boleh duduk di sini? Barangkali semua orang ada di hospital. Rakyat mesti sihat baru kita boleh membuat rancangan atau boleh membina atau membuat kerja. Itu satu masalah yang Kerajaan mesti mengambil perhatian berkenaan dengan kesihatan rakyat.

Kalau mahu bukti, saya boleh berikan bukti: Di Jalan MacAlister ada *monsoon drain* di sana, di Jalan Maxwell ada juga *monsoon drain* di sana dan banyak lagi di seluruh Pulau Pinang, tetapi pekerja-pekerja tidak berani masuk ke dalam parit itu untuk mencucikannya. Saya bukan seorang saintis atau doktor, tetapi ada gas boleh dikeluarkan dan boleh membunuh — kalau tidak salah perkataan itu — macam telah didapati dua-tiga tahun dahulu di



suatu *rubber factory* ada seorang pekerja telah mati di dalamnya. Masaalah ini serupa sebab pekerja tidak dibenarkan masuk ke dalam parit di Jalan MacAlister. Simpang di sana sudah berkali-kali bertakung. Satu rancangan mesti diadakan untuk membuang air yang bertakung ini. Peruntukan kepada Jabatan ini tidak cukup. Kita mesti ada satu peruntukan untuk membeli jentera-jentera atau *machinery* yang baru untuk mengorek baru boleh diselesaikan perkara itu. Dalam rancangan itu saya tidak nampak ada peruntukan yang cukup untuk masaalah ini. Saya rasa kalau kita mahu mengadakan satu pembangunan, saya rasa itulah yang penting selalu. Bukan perkara lama ..... (gangguan).

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, untuk keterangan Yang Berhormat dari Kawasan Kampong Kolam, tentu tidak boleh nampak apa-apa peruntukan dalam Anggaran Pembangunan sebab parit-parit di Jalan MacAlister dan lain-lain yang disebut oleh Yang Berhormat ialah perkara Majlis Perbandaran. Kita sekarang membahaskan Anggaran Pembangunan Negeri, bukan pembangunan Majlis. Sebab itu beliau tentu tidak boleh nampak peruntukan dalam perkara ini.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, saya kata tadi tidak cukup peruntukan tetapi Ketua Menteri kata fasal Majlis. Tentu Yang Amat Berhormat ..... (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, soalan mengenai jalan-jalan dalam Georgetown adalah termasuk di dalam peruntukan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Ini maksudnya. Saya ingat Yang Berhormat boleh bawa perkara lain.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Untuk menjawab soalan Ketua Menteri, saya ada sedikit penjelasan

saya mahu buat sedikit. Bukan untuk Yang Amat Berhormat sahaja tetapi untuk maklumat semua wakil di sini. di sini.

TUAN SPEAKER:

Tidak payah. Bukanlah peruntukan untuk jalan-jalan dalam Georgetown dalam kawalan Majlis Perbandaran? Peruntukan tidak ada di sini dan kalau Yang Berhormat cari sampai besok pun tidak boleh jumpa.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, saya fikir apa yang Tuan Speaker kata itu betul juga tetapi apa yang saya telah menjelaskan ialah ahli-ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang adalah dipilih oleh Ketua Menteri sendiri. Jika ahli-ahli Majlis Perbandaran dipilih oleh Ketua Menteri, mesti Councillors menjawab kepada Ketua Menteri. Sebab itu mesti ada sedikit yang ..... (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Bolehkah cakapkan tajuk atau topik lain?

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Baik, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, kalau sesuatu negara ingin hendak mengadakan pembangunan mesti diadakan peluang membaca. Jika tidak ada peluang membaca, bagaimana kita boleh meninggalkan fikiran kita? Dalam Pulau Pinang, khutubkhanah yang sudah ada di Dewan Sri Pinang itu, saya rasa tidak berapa cukup. Kalau saya tidak salah, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bayan Lepas ada mengatakan dalam akhbar tentang kurangnya penuntut-penuntut yang pergi ke khutubkhanah untuk membuat tugasnya. Saya rasa bukan masaalah itu, Tuan Speaker, sebab tiap-tiap hari penuntut-penuntut adalah lebih. Budak-budak yang bersekolah pun lebih, tetapi khutubkhanah tidak naik mutunya. Kerusi dan meja tidak cukup. Mesti ada masaalah itu.

Saya rasa jikalau Kerajaan mahu rakyat yang boleh mentadbirkan Negeri Pulau Pinang, kita mesti memberi peluang kepada budak-budak membaca, memberi tempat di mana dia boleh merujuk apa yang dia mahu dan tidak perlu balik ke rumah untuk membuat kerja-kerja atau tugas-tugas untuk dibuat di rumah. Di rumah mana ada buku-buku yang dia boleh merujuk? Tiap-tiap orang di sini sedar kalau pergi ke khutubkhanah ada tempat untuk merujuk. Itulah suatu masaalah yang Kerajaan tidak mengambil perhatian dengan cepak. Di Dewan Sri Pinang ada banyak tempat di mana kita boleh meluaskan khutubkhanah. Saya rasa Ketua Menteri pun ada *mobile library*. Itu yang bagus.

**TUAN SPEAKER:**

Itu saya faham. Tajuk berapa ini dalam Anggaran Pembangunan?

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Itu bersangkutan dengan pendapatan dan untuk ucapan Ketua Menteri juga, iaitu *various development projects in our State*. Itu ada bersangkutan juga. Itu *development* juga, bukan untuk rakyat duduk tetapi untuk fikiran dan adalah boleh dikatakan di bawah pembangunan. The development of the brain also comes under that development aspect.

**TUAN SPEAKER:**

Itulah sebab saya bertanya. Yang Berhormat bercakap di bawah nombor berapa dalam Anggaran Pembangunan?

Dan lagi satu, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam, minta perhatian, jangan membaca akhbar dalam Dewan.

Boleh pergi kepada tajuk lain.

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Ada lagi satu berkenaan dengan pentadbiran Sekretariat di Dewan Sri Pinang. Saya akan berkata sedikit di sini berkenaan restoran di Dewan Sri

Pinang yang dikawal atau ditadbirkan oleh Negeri Pulau Pinang juga. Di dalam restoran ini ada pertikaian antara dua pihak. Satu tender yang baru telah dikeluarkan, jadi bagaimana pertikaian boleh ada?

**AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):**

Tuan Speaker, Peraturan 46(vii). Oleh sebab perkara ini berada dalam Mahkamah lagi, saya minta perkara ini jangan disentuh.

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Jikalau macam itu, saya akan pergi kepada perkara lain.

Dalam City Stadium, Tuan Speaker, Ketua Menteri ada berkata berkenaan dengan the standard of living of our people, the cultural sustenance, moral and spiritual as well as other social concerns. The State Government is not only concerned with the social, economic and civil welfare of the people. The City Stadium pun telah dibina berpuluh-puluh tahun — saya rasa semasa budak pun ada — tetapi sampai hari ini *capacity* kedudukan di tempat itu masih 16,000 sahaja, tidak ditingkatkan atau dinaikkan tempat-tempat itu. Dan *porch* itu, kalau saya tidak salah, dalam akhbar ada dinyatakan *porch* itu akan diruntuhkan. Sekarang saya telah mendapat tahu *football* di Pulau Pinang *standardnya* telah turun. Bagaimana facilities atau kemudahan di City Stadium tidak ditingkatkan dan bagaimana budak-budak di Pulau Pinang kita boleh dinaikkan ke satu taraf yang boleh dibandingkan dengan negeri lain? Satu masa dahulu, kalau saya boleh ingat, Pulau Pinang sungguh bangga dengan taraf football kita, tapi hari ini saya rasa tiap-tiap kali kita pergi, kita mendapat kosong juga. Sebab itulah saya rasa City Stadium untuk budak-budak ..... (gangguan).

**TUAN SPEAKER:**

Yang Berhormat, City Stadium juga di bawah kawalan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Minta maaf.

Indoor Stadium? (ketawa).

Saya merujuk kepada ucapan Ketua Menteri dalam *paragraph* 17 untuk City Stadium:

“The State Government is not only concerned with the social, economic and civil welfare of the people. It is also concerned with the moral, cultural, spiritual and religious aspects of their lives.”

Itu ada bersangkutan dengan nyawa. Kalau sudah sihat, nyawa pun panjang. Itu satu perkara yang mesti dipertimbangkan. Indoor Stadium sampai hari ini dalam suratkhbar kita baca barangkali ada di Bukit Jambul dan tempat-tempat yang jauh dari sini, tetapi mestilah diadakan satu tempat untuk penduduk-penduduk di Pulau Pinang dan bukan sahaja untuk budak-budak di sekolah sahaja. Kita juga barangkali mahu pergi ke sana juga. Sebab itulah saya rasa pembangunan itu pun tidak ada dikatakan untuk kedudukan Indoor Stadium itu. Perkara itu, kalau saya tidak salah, bila Ketua Menteri menjadi ahli Parti Pembangkang dalam tahun 1960an, dia ada cakapkan berkenaan dengan Indoor Stadium di dalam Dewan. Saya berharap saya boleh diberikan peluang untuk bercakap sedikit berkenaan ini walaupun ini perkara Majlis Perbandaran, tetapi kalau melihat kepada rekod ..... (gangguan).

**TUAN SPEAKER:**

Saya ingat perkara Stadium jangan diulang-ulangkan lagi. Cukup.

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Tuan Speaker, saya hendak merujuk kepada ucapan Ketua Menteri.

Ketua Menteri gelak di sana, apa saya mahu katakan di sini saya rasa susah sedikit.

**KETUA MENTERI:**

Tuan Speaker, saya mahu memberi keterangan menjelaskan. Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kampong Kolam, nampak saya, banyak kuat berdiri dan dia gelak ketawa dengan saya. Saya rasa baik, saya gelak balikkah. (ketawa). Ini semangat baik.

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Baik, terima kasih.

Saya merujuk kepada ucapan Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan dengan perkara 18. The allocation would again be directed through the provisions of final votes that are aimed mainly towards uplifting the standard of living of our people in the rural areas. Itu kampung-kampung. Oleh itu saya hendak merujukkan satu masalah di Butterworth. Saya rasa di kawasan Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal seperti Jalan Cantik dan Kampong Baru Butterworth, kalau menurut apa yang dikatakan, di sana tidak ada sampai hari ini kalau kita tengok peruntukan ..... (gangguan).

**AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL (DR. SAK CHENG LUM):**

Tuan Speaker, bolehkah saya jelaskan sedikit?

**TUAN SPEAKER:**

Yang Berhormat hendak bercakap di bawah Peraturan berapa?

**AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL (DR. SAK CHENG LUM):**

Penjelasan.

**AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):**

Saya tidak benarkan. Diam.

**AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):**

Itu hak Tuan Speaker:



AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

I can object, you see.

Di bawah Parit dan Taliair, saya rasa peruntukan tidak cukup. Jikalau kita mahu selesaikan *monsoon drain* itu yang panjang sekali, itu bukan 100 ela atau 200 ela tetapi berbatu-batu *monsoon drain* itu. Dengan Anggaran tahun 1980, saya rasa buat *monsoon drain* itu tidak cukup. Itu bukan perkara yang sedikit. Ianya memerlukan banyak wang. Bukan sahaja penduduk-penduduk di Jalan Cantik sahaja yang terlibat tetapi sampai ke suatu tempat yang saya lupa nama pekan itu, jauh sampai Butterworth ada satu *canal*. Dahulu ada sampan boleh bergerak di sana tetapi sekarang tidak boleh.

TUAN SPEAKER:

Jalan di mana itu, Yang Berhormat?

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Off Jalan Cantik, Kampong Baru, Off Permatang Pauh, Butterworth.

TUAN SPEAKER:

New Village?

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

No, actually it is not a new village. It is just beside Kampong Baru. It is a small area. (gangguan).

Jangan celah. Kalau celah, sampai besok. Tuan Speaker, saya harap Yang Berhormat jangan celah sebab kalau celah saya dapat masalah. Jangan buat masalah kepada saya. Sekarang sudah jam 11.00 malam. Saya rasa jangan celah. Kalau celah saya tidak boleh habis, menjadi masalah kepada saya. Jangan buat susah kepada saya.

Saya rasa ada 40 keluarga di sana yang telah terjejas. Bila ada hujan lebat, kawasan itu mengalami banjir dan air tidak boleh digunakan. Air paip tidak ada. Jikalau *monsoon drain* boleh dibuatkan, saya rasa

masalah itu tidak boleh berbangkit, dan dengan peruntukan itu, saya rasa lagi 3 tahun atau 4 tahun kita boleh buat. Saya harap Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri bolehlah mempertimbangkan perkara itu. Di sana orang-orang miskin — barangkali di Pulau Pinang saya tak tahu Y.A.B. Ketua Menteri ada thau — dan tiap-tiap hari bila hujan lebat mereka susah hati. Itulah perkara-perkara yang tidak ada dalam rancangan. Jadi bagaimana? Rumput pun ada banyak di sana. Itu betul. Nyamuk pun banyak. (gangguan). Jangan celah.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Gelak, bukan celah. Gelak sebab suka.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Celah atau gelak? Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Pinang ada *dictionary* boleh rujuk, celah atau gelak.

AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG (DR. ONG HEAN TEE):

Terima kasih.

TUAN SPEAKER:

Maksud Yang Berhormat dari Kampong Kolam ialah celah.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Terima kasih.

TUAN SPEAKER:

Banyak lagi, Yang Berhormat?

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Banyak, tiga helai lagi sebab masalah satu tahun satu kali sahaja.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Itulah, mesti kerja tiap-tiap hari.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Saya boleh sambungkan.

Jikalau pembangunan semacam itu saya rasa Kerajaan mesti beri satu perjanjian, kalau boleh kepada rakyat di sana. Perjanjian untuk memperbaiki kalau tidak boleh membuat satu *monsoon drain* yang baru tetapi boleh memperbaiki atau korek kasi *monsoon drain* itu dalam sedikit. Kalau dibuat macam itu masaalah di sana, pembangunan adalah mempunyai maksud. Jikalau tidak, apa maksud pembangunan? Itu bukan masaalah yang kecil tetapi melibatkan 40 keluarga. Kalau satu keluarga ada 5 orang ..... (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, soal 40 keluarga di satu kampung sudah disebutkan beberapa kali berulang-ulang. Kalau begitu, Yang Berhormat, saya boleh membatalkan atau memberhentikan ucapan Yang Berhormat.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, kalau Tuan Speaker boleh memberi satu peluang lagi saya akan pergi kepada perkara-perkara lain. Saya rujuk kepada perkara 8 dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri. Saya minta izin membaca dalam bahasa Inggeris.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, saya sudah katakan tadi Yang Berhormat telah berulang-ulang bercakap tentang 40 keluarga di sini.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, ini perkara lain. Ini nombor 8, merujuk kepada ucapan Y.A.B. Ketua Menteri. Perkara nombor 8 tidak bersangkutan dengan keluarga yang saya sebutkan tadi tetapi perkara lain. Dalam Rancangan Ketiga, kalau saya rujuk kepada ucapan for 14,710 units, the State Government under the Federal Government loan will built 3,085 units. In addition, P.D.C. Pulau Pinang akan membina 10,431 units

and a scheme to build a further 1,733 units. Pihak swasta akan diminta untuk membina 1,730 units di bawah Rancangan Yang Ketiga yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Ada 16,443 units.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, soal mengenai perumahan dan unit perumahan sudah banyak diperkatakan oleh rakan-rakan Yang Berhormat. Jadi saya rasa, oleh sebab sudah berulang-ulang kali Yang Berhormat membangkitkan perkara ini, jadi kalau mengikut Peraturan kita 51(4), kalau ada ahli-ahli berulang menyebutkan hujjah-hujjahnya, atau pun hujjah yang telah dikeluarkan oleh ahli-ahli yang lain dalam sesuatu perbahasan, maka Tuan Speaker boleh memberhentikan ahli itu daripada berucap. Jadi sekarang saya berhentikan Yang Berhormat daripada memberi ucapan seterusnya.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, saya minta satu peluang lagi. Saya banyak ada.

TUAN SPEAKER:

Oleh sebab berulang, saya memberi ingatan. Saya berhentikan Yang Berhormat daripada memberi ucapan-ucapan.

Bila saya beri amaran, Yang Berhormat berdegil; kalau saya ambil tindakan baru Yang Berhormat katakana susah. Silakan duduk sebab ada lagi yang ingin mengambil bahagian.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya akan menyentuh beberapa perkara.

Tuan Speaker, *allocation* pembangunan untuk tahun 1980 bagi Jabatan Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah \$31,367,220.00. Tuan Speaker, Ketua Menteri melantik ahli-ahli Majlis Per-

bandaran dan akibat dari itu, beliau adalah bertanggungjawab untuk mereka itu. Sekarang perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis Perbandaran baik di Pulau Pinang atau di Seberang Perai adalah sangat tidak memuaskan hati. Perkhidmatan bas yang diberikan oleh MPPP sekarang mengalami kerugian. Banyak bag-bas selalu rosak dan perkhidmatan *maintenance* adalah kurang baik dan pengurusan meleset dan tidak cergas, terdapat *mismanagement* dan terdapat bas-bas yang dimiliki oleh MPPP diberikan jalan-jalan atau roads yang sangat baik.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, saya nampak Yang Berhormat memberi hujjah sudah tidak ada kena-mengena dengan Anggaran Pembangunan sebab menyebut masalah MPSP, MPPP, bas dan lain-lain. Bolehkah ditunjukkan kepada tajuk-tajuk di dalam Anggaran Pembangunan 1980?

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Baik.

Saya menggesa Ketua Menteri supaya melantik ahli-ahli Majlis Perbandaran yang juga berkebolehan dan ahli-ahli Majlis Perbandaran hendaklah berfikiran baik-baik.

TUAN SPEAKER:

Ahli Yang Berhormat, tadi saya telah memberi teguran dan Yang Berhormat kata baiklah. Sekarang I gi hendak sambungkan pula.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Tapi itu bukan masalah yang kecil.

TUAN SPEAKER:

Ringkaskanlah.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Minta maaf sebab saya punya bahasa tidak berapa bagus.

Melantik ahli-ahli Majlis Perbandaran, ahli-ahli yang telah dilantik sekarang adalah ahli-ahli dari Parti Barisan Nasional. Mereka dilantik dan bukan dipilih. Mereka yang kalah dalam pilihanraya umum dilantik melalui pintu belakang. Mereka yang telah ditolak oleh rakyat dilantik melalui pintu belakang. Tuan Speaker, akibatnya ialah ahli-ahli yang dilantik ini tidak bertanggungjawab secara langsung kepada rakyat. Rakyat tidak memilih mereka, jadi mereka boleh membuat apa yang mereka suka dan tidak bertanggungjawab kepada rakyat dan akibatnya ialah telah terdapat *mismanagement* dan *inefficiency*. Tuan Speaker, perkhidmatan yang diberikan oleh kedua-dua Majlis Perbandaran di Pulau Pinang adalah sangat-sangat tidak memuaskan.

TUAN SPEAKER:

Ahli Yang Berhormat, di dalam Anggaran Pembangunan adakah disebutkan soal Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang? Adakah dalam Anggaran?

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

MPPP? Tidak ada.

TUAN SPEAKER:

Ahli Yang Berhormat, teruskan bercakap dalam hal lain seperti pertanian, taliair dan lain-lain.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Saya berharap, Tuan Speaker, Ketua Menteri dalam masa-masa yang akan datang akan berhati-hati dalam melantik ..... (ganguan).

TUAN SPEAKER:

Itu still *repeat*. Yang Berhormat masih *repeat*.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

I am talking on the truth, so



although it is a repetition ..... O.K., I change the topic.

Kerajaan Negeri telah mengaku yang Kerajaan Negeri boleh membina lebih-kurang 5,000 yunit rumah-rumah kos rendah. Ini adalah tidak cukup, tidak boleh menyelesaikan masalah kekurangan rumah di Negeri Pulau Pinang.

**TUAN SPEAKER:**

Yang Berhormat, soal kekurangan rumah sudah pun diperbincangkan dan diperbangkitkan dan diulang-ulangkan bukan sahaja oleh Yang Berhormat bahkan oleh semua sekali ahli-ahli yang bercakap sudah menyebut soal yunit perumahan dan sebagainya. Jadi oleh yang demikian, kalau mengikut peraturan yang ada di hadapan kita ini, saya boleh memberhentikan ucapan Yang Berhormat. Saya boleh mengarahkan Yang Berhormat supaya berhentikan daripada meneruskan ucapan.

**AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):**

O.K., Tuan Speaker, kalau itu masalah *concerning* Pulau Pinang, saya balik *constituency* saya. Is that fair enough?

Tuan Speaker, sekarang saya mahu menyentuh tentang kampung baru yang terdapat di Pulau Pinang dan saya mahu menyentuh khas mengenai kampung-kampung baru Jawi Village, Valdor Village, Permatang Tinggi Village, Berapit Village, Machang Bubuk Village, Kampong Astor dan Kampong Cross Street. Penduduk-penduduk di kampung-kampung baru ini telah dilalaikan or neglected dan dilupakan. Kampung-kampung baru ini tidak mempunyai sistem parit yang baik. Parit-parit di kampung baru yang berkenaan telah menjadi tempat pembiakan nyamuk, najis tidak dipungut dengan teratur. Oleh kerana penduduk-penduduk di kampung-kampung baru tersebut menggunakan *bucket system*, oleh kerana najis tidak dipungut dengan

teratur dan selalu, jadi kesihatan rakyat di kawasan-kawasan tersebut terancam. Memandang kepada ini, saya menyeru kepada Kerajaan Negeri untuk membangun dan memodenkan keadaan kampung baru yang ujud di Negeri Pulau Pinang. Kita sekarang berdiri on the *threshold of the 1980's*. Negara dan dunia telah maju ke hadapan tetapi kampung-kampung baru di Negeri Pulau Pinang masih ketinggalan zaman. Maka adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan Kerajaan Negeri untuk memodenkan kampung-kampung baru di Negeri Pulau Pinang serta meluaskan dan menjelaskan sempadan kampung-kampung supaya boleh menampung pertumbuhan bilangan penduduk-penduduknya.

Satu lagi perkara yang saya mahu sentuh, Tuan Speaker, di bawah pembangunan ialah kesesakan lalu-lintas atau *traffic congestion* di Bukit Mertajam. Keadaan lalu-lintas di Bukit Mertajam adalah memeningkan dan ramai tetapi nampaknya pihak berkuasa tidak pernah sedar akan masalah yang rumit ini. Saya berharap dan menggesa supaya keutamaan diberikan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu-lintas di Bukit Mertajam.

Tuan Speaker, di bawah maksud pembangunan, saya ingin juga merujuk kepada keadaan Pejabat Daerah dan pejabat-pejabat yang lain di Bukit Mertajam. Bangunan pejabat-pejabat di situ adalah lama dan uzur. Saya menyeru supaya Kerajaan membina sebuah bangunan pentadbiran yang besar untuk memuatkan semua pejabat-pejabat Kerajaan. Dengan membuat demikian, kecekapan dalam pentadbiran boleh dipertingkatkan dan ini juga akan memudahkan orang ramai.

Tuan Speaker, pada masa ini tidak ada sebarang tempat di Bukit Mertajam yang baik untuk diadakan *park*. *Park* tersebut bukan sahaja boleh mendorong penduduk-penduduk pergi

di situ untuk berihat tetapi juga kanak-kanak boleh bermain di situ. Maka dengan sebab itu, adalah penting supaya sebuah *public park* semacam Botanical Gardens dibina di Bukit Mertajam.

Tuan Speaker, Butterworth telah digelarkan sebagai bandar yang paling kotor di Negeri ini oleh seorang bekas Menteri, iaitu Y.B. Encik Khir Johari. Sehingga hari ini Butterworth masih dalam keadaan kotor dan jika Ketua Menteri kita pergi melawat ke Butterworth, beliau akan mendapati keadaan itu. Adalah sangat dikesalkan keadaan itu masih ujud sungguhpun Pihak Berkuasa Tempatan di situ telah disusun semula. Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah disusun semula itu belum lagi membuktikan kecekapannya dan penduduk-penduduk di Butterworth tidak suka mendengar slogan-slogan kotornya. Kebersihan yang dilancarkan telah terbukti sebagai satu slogan yang kosong dan slogan ini digunakan untuk memburukkan *image* Majlis Perbandaran Seberang Perai semata-mata. Rakyat di Butterworth bukan boleh diperbodohkan dengan begitu mudah. Rakyat mahu melihat supaya *good is delivered*. Disebabkan ketidakceapan dan incapacity Majlis Perbandaran Seberang Perai ..... (gangguan).

**TUAN SPEAKER:**

Ahli Yang Berhormat, nampaknya Ahli Yang Berhormat sudah balik semula kepada Majlis Perbandaran. alau begitu saya perintahkan Ahli Yang Berhormat supaya berhenti daripada memberi ucapan mengikut Peraturan 51(4). Saya berhentikan. Saya arahkan Yang Berhormat berhentikan daripada meneruskan ucapan.

**AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTA JAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):**

Tuan Speaker, saya kalau saya balik itu ..... (gangguan).

**TUAN SPEAKER:**

Saya sudah perintahkan Yang Berhormat berhentikan dari memberi ucapan seterusnya.

**AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTA JAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):**

If you will give me a chance to speak on other topics.

**TUAN SPEAKER:**

Yang Berhormat, *I have given you the chance*, tapi Yang Berhormat berulang-ulang lagi juga. Saya telah memberi amaran tapi Yang Berhormat masih berulang berkali-kali. Jadi sekarang saya terpaksa mengarahkan Ahli Yang Berhormat daripada meneruskan ucapan. Saya sudah mengarahkan.

**AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN (ENCIK NG SWEE CHING):**

Tuan Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang amat penting sekali bagi rakyat di Pulau Pinang dan juga bagi penduduk-penduduk di Daerah Seberang Perai Selatan. Perkara yang pertama yang ingin saya bangkitkan pada hari ini ialah mengenai jambatan yang akan menghubungkan di antara Bukit Tambun dengan Batu Kawan. Sebenarnya, perkara ini sudah berkali-kali saya bangkitkan. Barangkali juga, Tuan Speaker dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan berasa jemu dan bosan mendengarnya kerana perkara ini adalah perkara lama yang sudah kering dek panas dan sudah lapuk dek hujan, tetapi saya terpaksa membangkitkannya juga pada hari ini.

Tuan Speaker tentu sedia maklum, pada masa ini feri dan sampan memainkan peranan yang penting bagi menghubungkan di antara Bukit Tambun dengan Batu Kawan. Tetapi malangnya, feri kepunyaan Kerajaan adalah dalam keadaan yang amat uzur kerana usianya telah lanjut. Feri ini kerap kali rosak dan akan meng-

ambil masa yang panjang bagi membaikinya. Ini bermakna, feri ini memakan perbelanjaan yang banyak, sedangkan perkhidmatan kepada orang ramai tidak seberapa. Semasa feri ini diperbaiki, murid-murid sekolah serta penumpang-penumpang terpaksa menggunakan feri kepunyaan Ladang Batu Kawan. Pada waktu pagi pula, murid-murid sekolah terpaksa menggunakan sampan untuk ke Bukit Tambun. Kadang-kadang, sebuah sampan membawa lebih daripada 20 orang murid-murid bagi sekali menyeberang, dan kadang-kadang pula, sampan ini juga digunakan bagi membawa barang-barang, basikal dan motosikal. Ini amatlah merbahaya bagi murid-murid dan penumpang-penumpang.

Tuan Speaker, sebagai seorang wakil bagi kawasan Bukit Tambun, saya akan menyesali sepanjang hayat saya sekiranya peristiwa kecelakaan feri terjadi di kawasan saya. Di sini, saya ingin membuat rayuan dan permintaan yang terakhir agar Kerajaan Negeri kita dapat menyiapkan jambatan yang tersebut sebelum menjelangnya pilihanraya yang akan datang, agar jambatan ini dapat digunakan bukan sahaja oleh orang-orang awam, tetapi juga wakil-wakil rakyat yang ingin melawat ke sana. Tuan Speaker, pada hari yang mulia ini, marilah kita semua merenung sejenak dan memikirkan perkara yang saya bangkitkan tadi, kerana perkara itu adalah untuk kemudahan dan kepentingan rakyat yang rata-rata berpendapatan rendah. Janganlah hendaknya kita hanya nampak dan memikirkan serta membincangkan hal jambatan raksaksa yang akan menghubungkan di antara Pulau Pinang dengan Tanah Besar. Pada pandangan saya, jambatan raksaksa adalah penting. Selain daripada itu, kita juga janganlah mengabaikan kepentingan jambatan tersebut.

Tuan Speaker, halnya dengan Rumah Rihaat di Nibong Tebal, di sini saya harap Kerajaan Negeri kita

memberi perhatian yang sewajarnya dalam hal ini. Kalaulah saya tanya kepada tuan-tuan, di manakah kita mengadakan jamuan-jamuan rasmi kerana menyambut harijadi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri kita atau pun untuk menyambut Hari Kebangsaan di Seberang Perai Selatan? Kalau tak silap saya, jamuan tersebut pernah diadakan di Pejabat Haiwan Nibong Tebal. Memandangkan betapa pentingnya Rumah Rihaat bagi Nibong Tebal, maka saya harap Kerajaan Negeri akan membinanya dengan segera agar jamuan-jamuan rasmi yang akan datang tidak lagi diadakan di perkarangan rumah Tuan Pegawai Daerah atau di perkarangan Pejabat Haiwan.

Tuan Speaker, pada pendapat saya adalah amat memalukan sekali jika jamuan tersebut diadakan di rumah seorang Tuan Pegawai Daerah kerana rumah itu adalah rumah kediaman seorang pegawai Kerajaan.

**TUAN SPEAKER:**

Yang Berhormat bercakap dalam soal apa ini?

**AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN (ENCIK NG SWEE CHING):**

Saya minta buat satu Rumah Rihaat di Seberang Perai Selatan.

**TUAN SPEAKER:**

J.K.R. kah?

**AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN (ENCIK NG SWEE CHING):**

Ini saya sentuh mengenai Kerajaan Negeri kita.

Tuan Speaker, minta maaf, saya ada pendek sahaja lagi.

Tuan Speaker, Pejabat Daerah Nibong Tebal yang baru siap dibina sudah boleh digunakan sekarang. Pada pandangan saya, jika Pihak Kerajaan dapat mengadakan satu Pejabat Setem di sana, dengan adanya Pejabat Setem di kompleks yang baru ini, bukan sahaja akan memberi kemudahan kepada orang-orang yang memerlukannya, bahkan tidaklah



perlu lagi pergi ke Pejabat Setem di Parit Buntar.

Pada pandangan saya, perbelanjaan untuk mengadakan satu Pejabat Setem di situ tidaklah banyak. Soal tempat sudah ada, bangunan baru ini amat besar dan sesuai untuk mengadakan satu Pejabat Setem di situ.

Terima kasih.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli yang telah mengambil bahagian dalam Dewan ini, bukan yang hendak membahaskan Usul saya tetapi hendak membuang masa Dewan ini. Nampak saya ini ialah satu pengalaman yang terdapat dahulu daripada bekas pemimpin DAP, iaitu Y.B. Encik Yeap Ghim Guan. Tuan Speaker telah berapa kali menahan dengan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kampung Kolam, Pekan Bukit Mertajam, Paya Terubong dan Ayer Itam sebab Tuan Speaker nampak mereka bila-bila pun mesti berulang balik kepada perkara-perkara yang langsung tidak tersebut di dalam Usul saya. Tetapi bagaimana pun, mereka telah kalah dengan rekod Y.B. Encik Yeap Ghim Guan, bekas pemimpin DAP yang mana beliau telah membuang masa Dewan ini sampai 7 jam sekarang 11.30 malam. Masa itu, kalau saya tidak silap, kita masuk Dewan pukul 2.00 a.m. atau 3.30 a.m. tapi saya kata Ahli dari Kawasan Ayer Itam masa itu pun seorang rakan yang dekat dengan Y.B. Encik Yeap Ghim Guan dan beliau barangkali dapat bertanya tentang cerita-cerita lama itu sebab kalau kita hendak membuang masa kita boleh bercakap mengenai banyak perkara seperti pertanian dan bermacam-macam lagi.

Di sini saya sahaja hendak menjawab Yang Berhormat dari Bukit Tambun beberapa perkara yang berbangkit saya akan mengambil perhatian. Masa pun telah lambat dan tidak payah saya menjawab soalan-soalan. Nampak saya ini perkara

terakhir sebab masaalah jambatan di Batu Kawan ialah satu perkara yang Kerajaan Negeri sudah berbincang dengan Kerajaan Pusat dan adalah menjadi tanggungjawab kedua-dua pihak. Kesusahan bukan di sini tetapi di lain tempat.

Tuan Speaker, saya kata tadi ada beberapa points dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kampung Kolam dan Pekan Bukit Mertajam yang saya telah mengambil perhatian, tapi langsung ucapan-ucapan Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang DAP bukan hendak ambil perkara berbincang di sini tapi sahaja hendak membuang masa. Tujuan mereka ialah hendak menyentuh apa-apa perkara yang boleh, bagaimana ulang balik pun ulang balik, khasnya Yang Berhormat daripada Kawasan Ayer Itam selalu hendak kata apa Kerajaan Negeri buat, kita telah membuang beberapa banyak wang, dan kita ada main dengan wang rakyat. Tetapi bagaimana pun, katanya tengoklah di Negeri Johore, Kedah, Kelantan dan lain-lain lebih bermakna dan lebih berfaedah daripada Pulau Pinang. Pulau Pinang sekarang di jalan belakang, tetapi apa yang kita mesti faham ialah adalah sungguh investment yang sungguh masuk dalam negeri-negeri yang lain yang lebih masa ini tetapi berikut *per capita* GDP yang mana kita bertimbang kemajuan sesuatu negeri, pendapatan purata dalam Negeri Pulau Pinang ialah \$1,900.6 yang lebih \$224.3 daripada purata pendapatan daripada seluruh negara dan ini terjadi daripada negeri Negeri Wilayah atau Selangor dan Sabah. Pendapatan Negeri Pulau Pinang yang kira ketiga dalam negara kita. Macamana kita tidak tinggal dan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam bawa beberapa *statistics* yang beliau telah dapat dari Parlimen.

Sungguhpun Ahli Kawasan Kampung Kolam berkata kita mesti dapat peluang membaca. Baca pun baca,

tetapi jangan membaca dengan buta. Kalau kita membaca dengan tidak memasukkan perbandingan yang baik atau *conclusion* yang betul, kita tentu silap.

Lagi satu perkara yang menunjukkan bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam dan sungguhpun Ahli-Ahli dari Parti DAP hendak membuang masa kita, mereka berkata bahawa mereka telah membaca *investment* dan saham yang P.D.C. ada dan telah mengatakan bahawa P.D.C. tidak membawa apa-apa yang baik untuk Negeri kita. Tetapi saya harap Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini menerima bahawa satu *investment* bukan menjadi *losses* atau kerugian sebab kita telah membuat saham dan kita mengeluarkan modal untuk membina beberapa *kilang-kilang*, tetapi masa sekarang kita sudah mendapat balik modal dan itu tidak boleh dibandingkan dengan kerugian. Nampak saya, jika Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam suka hendak membawa perbandingan atau berteriak kuat-kuat, bagaimana pun kita tidak boleh memberi jawapan sampai dia berpuashati. Sebab itu tidak guna saya menjawab lain-lain perkara sebab mereka telah hilang kepada Ahli Yang Berhormat Encik Yeap Ghim Guan, bekas pemimpin DAP. Saya harap DAP baru-baru ini boleh balik dan baca rekod Encik Yeap Ghim Guan dan hari depan bolehlah membawa pengalaman balik di sini, tetapi hari ini mereka pun faham bagaimana peraturan dalam Dewan ini boleh dijalankan.

Saya berharap lain kali kita ada perasaan baik dan Ahli dari Kawasan Kampong Kolam boleh ketawa dengan saya, saya boleh ketawa balik dan kedua-dua pihak pun baik dan tidak payah baca macam Ahli Kawasan Bukit Mertajam kalau saya ketawa bukan saya ketawakan dia. Ini perasaan yang baik dalam Dewan ini. Jika ada perasaan baik semacam itu, tidak payah kita membuang

masa sebab apa yang didengar dari jam 4.00 petang sampai sekarang langsung tidak dapat digunakan dengan Usul saya. Langsung tidak. Sebab itu, saya berasa sedih. Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam, Paya Terubong, Pekan Bukit Mertajam dan Kampong Kolam telah faham bagaimana kita membuang masa sebab Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor tidak campur di sini macam satu kepala *lizard* — cicak — yang sudah dipotong. *Lizard* atau cicak itu — bahasa saya tidak berapa baik (ketawa) — ekornya boleh bergerak, belum gagal (ketawa). Tetapi bagaimana pun kalau kita hendak membuang masa lebih sedikit malam ini kita balik dan minum sedikit kopi.

Tuan Speaker, saya minta maaf. Saya tidak membuang masa lagi.

Soalan dikemukakan dan Usul dipersetujui.

## 6. PENANGGUHAN

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mencadangkan Dewan ini ditangguhkan sekarang.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, saya menyokong cadangan tersebut.

AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG (DR. ONG HEAN TEE):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membatalkan ucapan penangguhan saya sebab saya sudah puas hati dengan jawapan-jawapan bertulis dari Ketua Menteri.

TUAN SPEAKER:

Terima kasih.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Tuan Speaker, sejak beberapa tahun yang lalu, Kerajaan Negeri di bawah Ketua Menteri telah mengakui adanya masalah-masalah perumahan dan tatacara permohonan tapak

perumahan di kampung-kampung baru di Seberang Perai. Tetapi akuan ini tanpa sebarang tindakan konkrit dan langkah-langkah positif tidak akan menghasilkan apa-apa faedah kepada sesiapa pun. Kepada penduduk-penduduk kampung-kampung baru yang benar-benar memerlukan tapak perumahan atas rumah murah, Kerajaan Negeri telah didapati gagal untuk menyediakan keperluan-keperluan ini dan gagal pun untuk mengawal harga tanah dari melambung tinggi. Dalam konteks ini, jika adanya tapak perumahan atau rumah murah yang disediakan, Kerajaan Negeri didapati tidak mengambil kira taraf ekonomi rendah penduduk-penduduk kampung baru itu. Segalagala ini membuktikan penduduk-penduduk kampung-kampung baru disusahpayahkan oleh Kerajaan Negeri.

Harga jualan tapak rumah dan tapak pertanian di kampung-kampung baru pada dahulunya berharga 30 sen hingga 50 sen setiap kaki persegi. Tetapi pada saat sekarang, harga tanah setiap kaki persegi telah meningkat tinggi sehingga \$3.50 di Kampong Juru, \$2.00 di Kampong Berapit, \$2.20 di Kampong Machang Bubuk, \$2.50 di Kampong Permatang Tinggi dan \$1.90 di Kampong Sungai Lembu.

Kononnya di Kampong Juru, satu tapak perumahan seluas 4,508 kaki persegi akan berharga \$16,064.30. Ini termasuk bayaran cukai setem, ukuran dan pendaftaran. Bolehkah penduduk-penduduk kampung-kampung baru yang miskin mampu membayar wang yang begitu tinggi? Bolehkah mereka mampu membina sebuah rumah mereka apabila segala wang simpanan, jika ada, telah digunakan untuk membeli tapak tanah itu? Jika sebuah rumah murah yang mengandungi tiga bilik tidur dibina mengikut pelan rumah MPSP, ia pun akan memerlukan wang perbelanjaan sekurang-kurangnya \$10,000.00.

Tuan Speaker, keadaan ini yang tidak terkawal adalah merupakan

satu sindiran kepada Kerajaan Negeri sendiri. Harapan orang miskin untuk memiliki sebuah rumah mereka akhirnya akan menjadi harapan kosong sahaja. Selain dari itu, biasa kedengaran permohonan-permohonan tapak perumahan lambat diproses. Akibatnya, penduduk-penduduk kampung-kampung baru akan dibebankan dengan berbagai kesulitan kerana harga bahan-bahan binaan semakin hari semakin meningkat.

Sikap kelalaian dan tidak bertanggungjawab Kerajaan Negeri dapat dilihat terang di Kampong Berapit berkenaan dengan 52 yunit rumah murah yang dibina pada peringkat pertama. Pembeli-pembeli rumah itu telah membayar balik secara ansuran mulai dari Januari, 1961 hingga December, 1975. Segala wang hutang mereka telah dijelaskan, tetapi sehingga saat ini, mereka masih belum diberikan geran rumah mereka. Perkara ini telah menunjukkan dengan jelasnya Kerajaan Negeri telah melanggar perjanjian yang ia menandatangani.

Di sini, saya ingin mendesak Kerajaan Negeri mengumumkan semua tapak-tapak perumahan dan pertanian Kerajaan untuk membolehkan penduduk-penduduk kampung-kampung baru memohonnya. Di samping itu, Kerajaan Negeri mesti mengambil langkah-langkah positif untuk memastikan tapak-tapak tanah itu hanya akan diberi kepada mereka yang benar-benar layak mendapatnya dan mengelakkan ulangan skandal Kampong Berapit di mana seorang kenamaan tempatan boleh mendapat 6 tapak perumahan yang diberi oleh Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, Yang Berhormat telah bercakap cukup 7½ minit.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Ada sedikit lagi.



TUAN SPEAKER:

Berapa *paragraph* lagi?

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Satu.

TUAN SPEAKER:

Baiklah.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Tuan Speaker, di bawah Peninjauan Penggal Pertengahan, Rancangan Malaysia Ketiga, wang peruntukan sebanyak \$122,000,000.00 telah diberi kepada Kerajaan Negeri untuk pembinaan rumah murah. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri adalah diwajibkan membantu kampung-kampung baru dengan menyalurkan sebahagian wang peruntukan ini untuk pembinaan rumah-rumah murah di Kampong Juru, Kampong Machang Bubuk dan di kawasan Bukit Mertajam.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Perkhidmatan pengangkutan Pulau Pinang menjalankan perkhidmatan untuk orang awam melalui 13 perjalanan. Perkhidmatan ini dijalankan di dalam dan di luar bandar. Perkhidmatan pengangkutan ini mengutamakan perkhidmatan di kawasan-kawasan yang sungguh baik dan memerlukannya. Boleh dikatakan, ramai orang menggunakan bas Majlis Perbandaran daripada lain-lain bas awam. Tetapi perkhidmatan ini masih belum dapat memenuhi kehendak orang-orang yang menggunakannya saban hari.

Pertamanya, orang ramai yang selalu menggunakan bas Majlis Perbandaran ini mengadu tentang perjalanan bas ini. Bas-bas ini tidak mempunyai jadual atau masa-masa yang tertentu untuk perjalanannya. Orang ramai terpaksa menunggu terlalu lama untuk mendapat sesuatu bas yang tertentu. Kadang-kadang lebih dari dua bas datang pada masa

yang sama dengan beberapa orang penumpang sahaja. Orang ramai yang selalu mengalami kesulitan ini ialah suri-suri rumahtangga yang hendak pergi ke pasar atau membeli-belah dan pekerja-pekerja yang hendak tiba di pejabat pada masa yang ditetapkan. Ini bukan hanyalah satu tuduhan yang tidak berdasar. Jika Kerajaan Negeri yang mempunyai suara yang besar dalam pembentukan polisi dan pentadbiran Majlis Perbandaran dan bahagian-bahagiannya serta cawangan-cawangan berani menyatakan ini ialah tuduhan yang tidak berdasar, maka DAP memang sedia mengadakan kempen tandatangan menyatakan kekeciwaan dan penderitaan terhadap sistem perkhidmatan bas-bas Majlis Perbandaran ini.

Tentu ada satu kesalahan yang besar dalam pentadbiran sistem pengangkutan Majlis Perbandaran kerana ianya di dalam keadaan yang tidak teratur sekali. Ini adalah satu kekeciwaan yang besar kepada pengguna-pengguna yang bergantung kepadanya. Terdapat satu unsur kecuai dan tiada persafahaman di antara Pihak Berkuasa Majlis Perbandaran dan Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang. Tetapi pihak-pihak berkuasa ini mesti menyedari tentang ketidakpuasan hati pengguna-pengguna terhadap sistem bas Majlis Perbandaran, tetapi masih tidak ada apa-apa tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Jika pegawai-pegawai tinggi yang berkuasa tentang perjalanan Majlis Perbandaran ini mengatakan tidak ada aduan mengenai sistem pengangkutan yang telah sampai ke telinga mereka dan aduan yang dibuat ialah aduan palsu atau mungkin kerana satu masalah perhubungan atau mungkin pegawai-pegawai itu tidak mahu melayani aduan-aduan walau pun ianya datang daripada pemandu-pemandu bas dan konduktornya.

Ianya menjadi satu perkara yang agak pelik kerana Majlis Pengangkutan Perbandaran yang mempunyai perjalanan bas yang agak baik menghadapi masalah bebanan kewangan yang lebih besar daripada syarikat-syarikat pengangkutan awam yang lain, iaitu yang dipunyai oleh syarikat tersendiri. Apabila mereka terpaksa mendengar kritik-kritik, mereka akan meletakkan tuduhan di atas pekerja-pekerja dengan menyatakan bahawa tindakan disiplin sedang diambil ke atas segolongan daripada pekerja-pekerja itu. Ini ialah satu perbuatan yang tidak terjamin untuk menyimpangkan kemarahan pengguna-pengguna dan kekeciwaan-kekeciwaan oleh pekerja-pekerja.

Bebanan kewangan yang tidak dapat diterangkan dan tidak dapat dijamin di Majlis Pengangkutan Perbandaran, ketidak persefahaman dasar oleh Pihak Berkuasa mengenai berterusannya kekeciwaan yang dialami oleh pengguna-pengguna bas, cara pentadbiran perjalanan bas-bas ini yang tiada teratur dan yang lebih penting lagi perhubungan di antara majikan dan pekerja yang tidak rapat di satu perkhidmatan yang penting seperti perkhidmatan pengangkutan ini bukan satu perkara yang kecil. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa tidak mengambil tindakan untuk memajukan lagi perkhidmatan pengangkutan ini dengan menambahkan lebih bas dan menggaji lebih ramai pekerja-pekerja lagi untuk mengadakan satu perkhidmatan yang cekap, sebaliknya mereka cuba menolak tanggungjawab dengan membenarkan bas-bas mini memperkenalkan perkhidmatan mereka di Pulau Pinang.

Ahli-Ahli Majlis Perbandaran telah dihantar ke luar negeri untuk mempelajari tentang cara yang digunakan di negara-negara lain, tetapi apa yang terjadi apabila mereka ini kembali ke Tanahair? Mereka membelanjakan

beribu-ribu ringgit wang pembayar-pembayar cukai untuk melancung dan bukan untuk mempelajari.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, masa telah melebihi 7½ minit.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

*Conclusion* sahaja. 2 minit sahaja.

TUAN SPEAKER:

Sudah lebih 7½ minit. Cukup.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, saya sekarang ada satu perkara di kawasan saya di Paya Terubong. Di dalam kawasan saya di dalam Lot 2491 dan Lot 2492, Mukim 13, N.E.D., ada 68 buah rumah haram. Kita dari Parti DAP tidak *encourage* orang membina rumah haram tetapi penghuni-penghuni di dalam 68 buah rumah ini mereka bukan mahu pergi di sana buat fasal. City Council ada bagi satu pengumuman yang mengatakan tanah ini dalam *control* of the 1960 Land Conservation Act. Saya sekarang minta Kerajaan Negeri dan Y.A.B. Ketua Menteri, orang di situ orang-orang miskin dan semua orang ini adalah pinjam wang dari kawan-kawan, keluarga-keluarga dan *savings* mereka. Saya minta Ketua Menteri minta Pejabat Butterworth bolehkah *excise a portion of the land where these people built their houses* sebab orang-orang ini built rumah-rumah ini pun ada disedari oleh Kerajaan Negeri? Jikalau Kerajaan Negeri ada membina cukup rumah pangsa atau rumah murah, orang itu tidaklah mendirikan rumah haram di sana. Itu kira Kerajaan Negeri pun hendaklah bertanggungjawab sedikit-sedikit. Jikalau penghuni-penghuni ada *submit plans* kepada Majlis Perbandaran, saya minta Ketua Menteri kita boleh *permit* orang-orang ini duduk di sana dan *approve* rumah-rumah itu untuk mereka.

Saya sorry, Tuan Speaker, fasal saya tidak selesai ucapan itu.

Terima kasih.

AHLI KAWASAN SUNGAI NIBONG (DR. TAN CHONG TEIK):

Tuan Speaker, saya ingin menolak ucapan saya.

TUAN SPEAKER:

Terima kasih.

AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL (DR. SAK CHENG LUM):

Tuan Speaker, saya pun ingin menolak ucapan saya.

TUAN SPEAKER:

Terima kasih.

AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH (ENCIK LIANG THAU SANG):

Tuan Speaker, saya ingin menolak ucapan saya.

TUAN SPEAKER:

Terima kasih.

AHLI KAWASAN MACHANG BUKUK (ENCIK LIM HENG TEE):

Tuan Speaker, *majority* rakyat di luar bandar terdiri daripada golongan yang tidak berada dan mereka tidak mampu hidup dengan kemudahan-kemudahan moden. Banyak tinggal di pondok-pondok atap yang sudah bertahun-tahun lamanya tiada dibuat pembaikan. Rumah-rumah banyak

tiada bekalan air dan eletrik sebab penghuni-penghuninya tidak mampu membayar bayaran memasang kemudahan-kemudahan tersebut. Ramai orang masih tetap memakai jamban tong yang kurang sihat. Walaupun kemudahan-kemudahan moden itu boleh didapati, tetapi ramai orang di luar bandar masih miskin dan tidak mampu untuk memasangkannya.

Datuk Speaker, untuk mengatasi kesulitan ini, saya ingin mencadangkan mengadakan suatu Tabung Pusingan Pembangunan Luar Bandar yang akan menyediakan bantuan kewangan (dengan cara pinjaman atau subsidi) kepada golongan miskin yang berkehendakkan bantuan untuk tujuan-tujuan tertentu, umpamanya pembaikan dan pembinaan atas rumah-rumah, pemasangan untuk mendapat bekalan air dan eletrik serta tandas curah dan sebagainya.

Terima kasih.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, apa yang digunakan dalam ucapan Yang Berhormat semua akan diambil perhatian, apa-apa yang tidak guna kita boleh lupakan. Apa yang digunakan dengan lain-lain pihak kita boleh rujuk kepada pihak-pihak lain.

**Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengahmalam.**